



E-PROSIDING

قُرَيْشِيَّةٌ غَنَاهَا رِيَّ كَوْرُو

TEACHERS' DAY CONFERENCE

Membentuk Ekosistem Pendidikan Yang Berdaya Tahan
Building a Resilient Education Ecosystem

4 - 5 Rabiulakhir 1446 | 8-9 October 2024

Chancellor Hall, Universiti Brunei Darussalam



bdta.moe.gov.bn/tdc

Department of Educators Management

Ministry of Education

Brunei Darussalam

© Ministry of Education 2024

All rights reserved. No parts of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted or copied in any form or by any means, such as electronics, mechanical, photocopying, recording or otherwise without prior permission of the publisher.

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei

Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan

TEACHERS' Day Conference (2024 : Bandar Seri Begawan)

E-prosiding : Persidangan Hari Guru = Teachers' Day Conference.--

Bandar Seri Begawan : Teachers Unit, Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy, Department of Educators Management, Ministry of Education, 2024.

331 pages ; cm

ISBN 978-99984-970-0-9 (e-book)

ISBN 978-99984-970-1-6 (paperback)

Acknowledgements

The organizing committee of the Teachers' Day Conference 2024 would like to acknowledge the contributions of the reviewers.

1. Dr. Vincent Andrew	Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy, Department of Educators' Management
2. Dr. Sri Kartika binti Abd Rahman	Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education
3. Dr. Kharkhan bin Haji Jait	Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
4. Dr. Siti Noor Naasirah Syahiirah Abdullah Teo	Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy, Department of Educators' Management
5. Dr. Haji Awang Makarimi bin Haji Awang Kasim	Department of Schools
6. Dr. Hajah Ewana binti Dr. Haji Mohd Yusop	Department of Schools
7. Dr. Norsadiyah binti Haji Mohd Raduan	Department of Schools
8. Dr. Haji Sahrnizam bin Haji Kasah	Department of Schools
9. Dr. Ernie Zahdina @ Nur Syifa' Damia binti Haji Md Seruddin	Department of Schools
10. Dr. Faridah binti Abdul Hamid	Department of Schools
11. Dr. Mohd Zamri bin Haji Ismail	Department of Schools
12. Dr. Hajah Rodziah @ Zahrah binti Haji Abd Wahab	Department of Schools
13. Dr. Ernie Sofinah binti Haji Matzin	Department of Schools
14. Dr. Yvonne Yong Chin Chen	Department of Schools
15. Pengiran Dr. Hajah Siti Fatimah binti Pengiran Haji Petra	Department of Schools
16. Dayangku Kartini binti Pengiran Haji Piut	Department of Schools
17. Dr. Nurafizzah binti Haji Muhammad Khairun Nizam	Department of Schools
18. Dr. Onn Chee Sheng	Department of Schools
19. Dr. Mohammad Shahrin bin Haji Metussin	Department of Schools
20. Dr. Haji Rozaiman bin Makmun	Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education
21. Dr. Nor Azura binti Haji Abdullah	Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education
22. Dr. Nordiana binti Haji Zakir	Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education

23. Dr. Nor' Arifahwati binti Hajai Abbas

Sultan Hassanah Bolkiah Institute
of Education

24. Dr. Juliana Shak

Sultan Hassanah Bolkiah Institute
of Education

25. Awang Ariffin bin Haji Hamid

Kolej Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan

CONTENTS PAGE

Acknowledgements	3
Contents Page	5
Synopsis	8
Penggunaan M-Pembelajaran Dalam Modul Pendidikan Islam Di Politeknik Brunei	9
<i>Maryani Binti Haji Asmat</i>	
Penerapan Perkakasan Berfikir Baharu (PBB) bagi Meningkatkan kemahiran Menyelesaikan Masalah Dalam Aktiviti Pembelajaran Koperatif	31
<i>Muhammad Adi Wafiuddin bin Haji Roslinei</i>	
Green in school Improvement Plan (SIP): Leveraging Opportunities & Exploring Possibilities	52
<i>Haji Juma'ata Sonadey bin Haji Mornie, Sutinah binti Hj Muhd. Ali, Penroose Saleha binti Hj Mohammad Salleh, Hajah Massarah binti Hj Paijan, Dayang Noriah binti Haji Sarudin.</i>	
Pelaksanaan S.I.P Literasi Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Persepsi dan Cabaran Guru	75
<i>Khairul Nita binti Mohammad & Dk Hj Azmida binti Pg Hj Damit</i>	
Enhancing Learning using Animaker: A Study on Students' Views in Melayu Islam Beraja Subject on Topic 'Menghormati Ibubapa'	98
<i>Abdul Hafiz bin Haji Asli</i>	

Immersive Learning in The Metaverse: A New Frontier for Education	120
<i>Sarinah Binti Ziziumiza & Noor Hamdiana Binti Haji Abdul Hamid</i>	
Exploring The Use of The Creative Movement Approach to Introduce Vocabulary to Preschool Children	136
<i>Bon Mai Yean</i>	
Promoting Independency Through Video Modelling Among Pre-Vocational Students in Gardening Activities	154
<i>Mohammad Yusrey Bin Haji Yusli</i>	
Implementasi Nilai Melayu Islam Beraja Negara Zikir Dalam Program Jati Diri Negara Brunei Darussalam	173
<i>Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi Bin Haji Abdul Muluk & Norapizah Binti Zalani</i>	
Penggunaan Video Dalam Pengajaran Untuk Tajuk Wuduk Darjah 1 Sekolah Uagama	193
<i>Dk. Noor Hafidzah Binti Pg. Hj. Ahmad & Pg Dr HjH Nur-Ashikin Binti Pg Hj Petra</i>	
Self-Leadership and Life Satisfaction Among Politeknik Brunei Students: A Mixed Method Case Study on The Moderating Role of Emotional Intelligence	204
<i>Dr Hj Zul Fakhari bin Muksin</i>	
ChatGPT in the English Language Classroom: Function and Reception	225
<i>Mursidi Murah</i>	

STEAM Education and Skills in Primary School Of Brunei Darussalam: Integrating and Cultivating the 21st Century Skills Through Project – Based Learning Approach	261
<i>Jang Ellice anak Ramantan , Monalisa Sherilyn anak Jantin & Surya binti Haji Basir</i>	
Changes In Students’ Perspectives of Wildlife Conservation – A Case Study of Brunei Secondary State School Students	291
<i>Chong Jia Bei</i>	
An investigation of factors affecting Year 10 performance on Humanities subjects (Geography, Travel and Tourism and History) using Clark and Estes’ (2008) Gap Analysis model	307
<i>Zuliza Binti Hj Rosle</i>	

To cite papers from the E-Proceedings, please use the following format:

Author surname, Author initials (2024). Paper title. Teachers’ Day Conference E-Proceedings, page numbers, Brunei: Ministry of Education. Add the link here.

Synopsis for the E-Proceedings: 2024 National Teachers' Day Conference

In celebration of National Teachers' Day 2024, the Ministry of Education, in partnership with the Department of Educators Management, Sultan Hassanah Bolkih Institute of Education (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam, and Seri Begawan Religious Teachers University College (KUPU SB), proudly presents the National Teachers' Day Conference. This year's conference, themed "Building a Resilient Education Ecosystem" (*Membentuk Ekosistem Pendidikan yang Berdaya Tahan*), addresses the critical need for education systems that not only withstand the complexities of our era but evolve to meet future demands.

Amidst swift technological advances and global shifts, fostering a resilient and adaptive education ecosystem is essential for cultivating future-ready learners. The conference explores strategies for nurturing both teachers and students, integrating innovative pedagogical practices, and building robust educational frameworks that can adapt to societal changes. Aligned with the 2024 National Teachers' Day theme, "*Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan*", this gathering seeks to empower educators as key agents of transformation.

The conference's aims center on equipping educators with effective tools, fostering collaboration, and encouraging inclusive practices that promote diversity and equity. Through discussions on technology integration, sustainable educational practices, and inclusive methodologies, participants will gain insights and share knowledge to shape future education pathways.

This E-proceedings captures the essence of these discussions, presenting findings, research insights, and innovative strategies aligned with the theme and objectives of the conference. We invite you to explore the 29 sub-themes covered, each contributing to the overarching goal of empowering learners and creating resilient educational spaces for the 21st century and beyond.

Penggunaan M-Pembelajaran Dalam Modul Pendidikan Islam Di Politeknik Brunei

Maryani Binti Haji Asmat

Politeknik Brunei

maryani.asmat@pb.edu.bn

ABSTRAK

Dunia pendidikan hari ini sangat berbeza dengan era sebelum Revolusi Industri 4.0. Teknologi kini bukan lagi sekadar alat pemangkin dalam pengajaran dan pembelajaran, tetapi berperanan penting sebagai medium yang membantu dan memudahkan pelajar memahami isi kandungan yang disampaikan oleh guru. Politeknik Brunei, sebuah institusi yang menggunakan Politeknik Brunei Learning Management System (PBLMS) sebagai platform utama dalam penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penggunaan M-Pembelajaran memainkan peranan penting bagi memanfaatkan PBLMS sebagai platform pengajaran yang menyediakan akses fleksibel dan interaktif kepada pelajar, di samping mendukung pelaksanaan pendekatan pengajaran *Hybrid* Politeknik Brunei (PBhybrid Learning) dalam pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan M-Pembelajaran sebagai medium komunikasi interaktif antara guru dan pelajar, khususnya dalam penyampaian modul Pendidikan Islam di Politeknik Brunei. Maka, melalui kaedah pemerhatian yang dijalankan terhadap sampel pelajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran, kajian mendapati suasana pembelajaran menjadi lebih komunikatif, manakala motivasi serta minat pelajar terhadap modul Pendidikan Islam meningkat apabila komunikasi antara guru dan pelajar berlaku dengan lebih efektif. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati adanya keterbatasan dalam penggunaan M-Pembelajaran dari segi infrastruktur teknologi dan akses peranti mudah alih, yang boleh menghalang pelajar tertentu daripada terlibat secara penuh dalam proses pembelajaran. Sebagai contoh, ketiadaan Wi-Fi boleh menghalang pelajar untuk mengakses bahan pembelajaran digital, sekali gus menjejaskan keberkesanan M-Pembelajaran. Dari segi implikasi sosial, ketidaksamaan jenis teknologi antara pelajar mengakibatkan jurang perbezaan dalam kualiti pembelajaran; pelajar dengan peranti canggih mendapat akses penuh kepada ciri interaktif, manakala pelajar dengan peranti terhad menghadapi kekangan, yang membawa kepada ketidaksamarataan dalam akses dan pencapaian pendidikan. Implikasi kajian secara eksplisit menunjukkan bahawa penerapan M-Pembelajaran bukan sahaja memupuk suasana pembelajaran yang lebih dinamik dan interaktif, tetapi juga memperkukuhkan penglibatan dan pemahaman pelajar terhadap Pendidikan Islam, menjadikannya relevan dengan tuntutan pendidikan abad ke-21. Penemuan ini selari dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi, di mana baginda menegaskan bahawa,

“Pendidikan agama janganlah hanya indah di atas kertas, tetapi hendaklah juga bagus pada amalnya, seperti cara belajar, jadwal belajar, masa persekolahan, mata pelajaran, guru dan lain-lain. Ini semua sangat penting untuk menjamin keberkesanan pembelajaran.” Kesimpulannya, dengan adanya corak pembelajaran yang fleksibel dan kebebasan pembelajaran sendiri melalui peranti mudah alih, M-Pembelajaran berpotensi untuk diterapkan secara meluas dalam bidang pendidikan lain, khususnya dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat.

Kata kunci: M-Pembelajaran, PBLMS, PBHYBRID

ABSTRACT

The world of education today is very different from the era before Industrial Revolution 4.0. Technology is no longer just a catalytic tool in teaching and learning but plays an important role as a medium that helps and makes it easier for students to understand the content presented by the teacher. Politeknik Brunei, an institution that uses Politeknik Brunei Learning Management System (PBLMS) as the main platform in the preparation of teaching and learning materials. Therefore, the use of M-Learning plays an important role in utilizing PBLMS as a teaching platform that provides flexible and interactive access to students, while also supporting the implementation of Brunei Polytechnic's Hybrid teaching approach (PBhybrid Learning) in teaching and learning as a whole. Therefore, this study aims to evaluate the effectiveness of using M-Learning (Mobile Learning) as an interactive communication medium between teachers and students, specifically in delivering the Islamic Education module at Brunei Polytechnic. Therefore, this study aims to evaluate the effectiveness of using M-Learning as a medium of interactive communication between teachers and students, particularly in the delivery of the Islamic Education module at Brunei Polytechnic. Through observational methods involving a sample of students during teaching and learning sessions, this study found that the learning environment became more communicative, and students' motivation and interest in the Islamic Education module increased when communication between teachers and students was more effective. However, this study also found limitations in the use of M-Learning in terms of technological infrastructure and mobile device access, which can prevent certain students from fully engaging in the learning process. For example, low connection quality of Wi-Fi can prevent students from accessing digital learning materials, thus affecting the effectiveness of M-Learning. In terms of social implications, the inequality of the type of technology between students results in disparities in the quality of learning; students with advanced devices gain full access to interactive features, while students with limited devices face constraints, leading to inequities in access and educational achievement. The implications of the study explicitly show that the application of M-Learning not only fosters a more dynamic and interactive learning environment, but also strengthens student involvement and understanding of Islamic Education, making it relevant to the demands of 21st century education. This finding aligns with the statement of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, at the National Israk and Mikraj Celebration in 1438 Hijrah / 2017 AD, where he emphasized that "Religious education should not only be beautiful on paper but also excellent in practice, including study methods, study schedules, school hours, subjects, teachers, and more. All these are essential to ensure the effectiveness of learning." In conclusion, with the existence of flexible learning modes and the freedom of self-directed learning via mobile devices, M-Learning has the potential to be widely implemented in other fields of education, especially in the context of lifelong learning.

Keywords: M-Learning, PBLMS, PBHYBRID

PENGENALAN

Penggunaan teknologi dalam sistem pendidikan semakin penting kerana ia mampu mewujudkan sumber pengajaran dan pembelajaran yang interaktif antara guru dan pelajar. Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi memberi kesan kepada hampir semua aspek kehidupan, termasuk pendidikan. Teknologi juga telah mengubah cara manusia belajar (Rabiman et al., 2020). Selain itu, teknologi berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan antara pengalaman pelajar dan pengetahuan sedia ada dengan ilmu baru yang diajar dan dipelajari, selaras dengan teori konstruktivisme (Khoiro et al., 2019).

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi telah merubah secara drastik **landskap pendidikan di seluruh dunia**. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dahulunya berfokus kepada **kaedah tradisional dan secara bersemuka** kini telah berkembang dengan pengenalan **pembelajaran dalam talian** dan penggunaan **peranti mudah alih**. Di tengah-tengah transformasi ini, **M-Pembelajaran (Mobile Learning)** muncul sebagai salah satu inovasi yang menawarkan **fleksibiliti** dan **aksesibiliti** yang lebih tinggi kepada pelajar. Seiring dengan penyebaran teknologi maklumat yang semakin meluas, **pembelajaran berasaskan peranti mudah alih** telah menjadi medium penting dalam pengajaran hari ini, yang mampu memberi **impak positif** terhadap prestasi dan penglibatan pelajar (Criollo-C et al., 2021). Sehubungan dengan itu, Modul Pendidikan Islam di Politeknik Brunei juga tidak ketinggalan untuk memanfaatkan M-Pembelajaran ini dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran **modul Pendidikan Islam**.

M-Pembelajaran merujuk kepada kaedah pembelajaran yang menggunakan alat mudah alih dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Liu, Han & Li, 2010). Menurut García-Martínez et al. (2019), istilah 'pembelajaran' itu sendiri membawa maksud mudah alih kerana ia boleh berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Oleh itu, gabungan perkataan 'mobile pembelajaran' menunjukkan proses pembelajaran yang berlangsung secara berterusan tanpa terikat kepada masa dan lokasi tertentu.

Modul Pendidikan Islam merupakan salah satu modul teras yang wajib diikuti oleh semua pelajar di Politeknik Brunei. Objektif modul ini adalah untuk meningkatkan kefahaman agama yang berkualiti agar pelajar dapat mengaplikasikan bahan pengajaran dalam kehidupan seharian. Sebagaimana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi:

"Pendidikan agama janganlah hanya indah di atas kertas sahaja, tetapi hendaklah juga bagus pada amalnya, seperti cara belajar, jadual belajar, masa persekolahan, mata pelajaran, guru dan lain-lain. Ini semua sangat penting untuk menjamin keberkesanan pembelajaran," tegas Baginda.

Proses pengajaran dan pembelajaran hari ini menunjukkan bahawa pembelajaran bukan lagi terhad kepada **interaksi bersemuka** antara guru dan pelajar di bilik darjah. Sebaliknya, kaedah pembelajaran moden seperti **pembelajaran jarak jauh**, **e-pembelajaran**, dan **M-Pembelajaran** telah membuka jalan untuk pendekatan yang lebih **fleksibel**, **interaktif**, dan **mudah alih**. Salah satu model yang menggambarkan perkembangan ini adalah **Model Pembelajaran Brown (2005)**, yang menekankan tiga aspek utama dalam M-Pembelajaran: **mobiliti teknologi**, **mobiliti pelajar**, dan **mobiliti pembelajaran**. Model ini menunjukkan bagaimana pembelajaran telah berkembang dari kaedah tradisional ke arah pembelajaran yang lebih **dinamik dan fleksibel** dengan menggunakan teknologi mudah alih.

Di **Politeknik Brunei**, **pembelajaran fleksibel** dan **e-pembelajaran** telah diintegrasikan melalui pendekatan **Hybrid Learning (PBHYBRID)** dengan menggunakan **platform Politeknik Brunei Learning Management System (PBLMS)**. Pendekatan pembelajaran PBhybrid menggabungkan **pembelajaran bersemuka** dengan **pembelajaran dalam talian**, memberikan kebebasan kepada pelajar untuk memilih bagaimana mereka ingin belajar. Fleksibiliti ini mencerminkan aspek **pembelajaran fleksibel** dalam model pengajaran, di mana pelajar boleh mengakses bahan pembelajaran di dalam kelas atau melalui platform dalam talian bergantung kepada keperluan mereka. Selain itu, menerusi **PBLMS** pelajar dapat mengakses bahan pembelajaran seperti nota, slaid, video, dan tugasan pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Penggunaan M-Pembelajaran telah dapat memberi nilai tambah kepada pendekatan pembelajaran PBhybrid dengan memberikan kemudahan kepada pelajar untuk berinteraksi bersama pensyarah melalui **aplikasi interaktif yang ada di dalam peranti mudah alih** seperti **Whats App**, **Telegram**, dan **You Tube**. Penggunaan aplikasi interaktif ini memberi ruang kepada pelajar untuk berkomunikasi secara langsung dengan pensyarah, menyelesaikan tugas secara sendiri dan mengakses bahan pembelajaran pada bila-bila masa. Hal ini bertepatan dengan konsep **mobiliti teknologi** dalam **Model Pembelajaran Brown (2005)**, di mana peranti mudah alih memberi pelajar kebebasan untuk belajar secara lebih dinamik, tidak kira di mana mereka berada.

Kesimpulannya M-Pembelajaran atau mobile learning adalah satu pendekatan pembelajaran yang tidak terikat dengan ruang, masa dan tempat. Ia memberikan fleksibiliti kepada pelajar dan guru untuk berinteraksi dengan kandungan pendidikan secara dinamik dan mudah alih, menggunakan peranti mudah alih seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba. Dalam pendidikan moden, M-Pembelajaran sangat relevan kerana ia memanfaatkan teknologi yang semakin maju untuk menyokong pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik.

Definisi M-Pembelajaran

M-Pembelajaran didefinisikan sebagai satu bentuk pembelajaran yang membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Ini merangkumi pembelajaran yang berbantuan teknologi, yang menggunakan peranti mudah alih untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran dan komunikasi interaktif antara pelajar dan guru. Dalam konteks ini, ia bukan sekadar evolusi daripada e-pembelajaran tetapi merupakan inovasi yang memberikan kebebasan kepada pelajar untuk belajar dalam persekitaran yang lebih fleksibel (Biloš, Turkalj, & Kelić, 2017).

Atribut M-Pembelajaran:

M-Pembelajaran mempunyai beberapa atribut penting yang menjadikannya sesuai dan berkesan dalam konteks pembelajaran moden. Atribut-atribut ini termasuk:

1. **Kebolehcapaian (Aksesibiliti):** M-Pembelajaran membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran di mana sahaja dan pada bila-bila masa, selagi mereka mempunyai sambungan internet. Ini membolehkan pembelajaran berlaku di luar bilik darjah dan lebih fleksibel
2. **Interaktiviti:** Elemen interaktif seperti kuiz, forum, dan aplikasi dalam M-Pembelajaran mempromosikan penglibatan aktif pelajar. Pelajar tidak lagi menjadi penerima pasif, tetapi peserta aktif dalam proses pembelajaran.
3. **Kepelbagaian:** M-Pembelajaran menyokong pelbagai format bahan pembelajaran seperti video, teks, audio, dan grafik, yang dapat memenuhi gaya pembelajaran yang berbeza. Ini menjadikan pengalaman pembelajaran lebih menarik dan bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar.
4. **Personalisasi:** Pelajar dapat menyesuaikan pengalaman pembelajaran mereka berdasarkan keperluan dan pilihan individu, termasuk kelajuan dan cara mereka belajar. Ini memberi kebebasan kepada pelajar untuk mengawal pembelajaran mereka sendiri.
5. **Keterhubungan:** Teknologi dan aplikasi memudahkan pelajar untuk berhubung dengan rakan sebaya dan guru. Secara tidak langsung ia telah mewujudkan kolaborasi dan menjadi sokongan sepanjang proses pembelajaran.
6. **Pembelajaran Berterusan:** M-Pembelajaran menyokong konsep pembelajaran sepanjang hayat, membolehkan individu terus belajar walaupun di luar konteks formal atau di luar waktu kelas.
7. **Mudah alih dan Fleksibiliti:** Dengan penggunaan peranti mudah alih, pelajar boleh belajar dan menyelesaikan tugas dari mana-mana lokasi, menjadikan proses pembelajaran lebih fleksibel dan tidak terikat kepada tempat atau waktu tertentu.
8. **Sokongan Multimedia:** Elemen multimedia seperti video dan grafik dapat meningkatkan pemahaman dan ingatan pelajar terhadap bahan yang dipelajari, menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan menarik.

Kelebihan M-Pembelajaran dalam Pendidikan Moden

Penggunaan M-Pembelajaran membawa banyak manfaat kepada proses pengajaran dan pembelajaran, termasuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran, memperluas akses kepada pendidikan, serta menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan bermakna. Teknologi ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti pendidikan dengan memudahkan pelajar memahami kandungan pembelajaran secara lebih efektif. Secara umumnya, kelebihan penggunaan M-Pembelajaran dalam pendidikan moden dapat disimpulkan seperti berikut:

1. **Akses Fleksibel:** Pelajar boleh mengakses bahan pembelajaran di mana sahaja dan pada bila-bila masa, membolehkan pembelajaran sendiri yang lebih berkesan.
2. **Komunikasi Interaktif:** M-Pembelajaran menyediakan pelbagai platform dan aplikasi interaktif seperti Whats App, Kahoot!, Quizlet, dan Slido yang menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran.
3. **Peningkatan Motivasi dan Minat:** Melalui pembelajaran berbasis permainan seperti Kahoot! dan Quizizz, pelajar didorong untuk lebih aktif dalam pembelajaran, dan ini membantu meningkatkan motivasi mereka.
4. **Pembelajaran Visual dan Interaktif:** Aplikasi seperti YouTube membolehkan pelajar mengakses bahan visual seperti video animasi atau simulasi, memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif, contohnya, tatacara ibadat seperti solat dan wudhu.

Secara keseluruhannya, M-Pembelajaran adalah satu pendekatan yang penting dalam pendidikan moden, kerana ia menyokong pembelajaran sepanjang hayat, menyesuaikan diri dengan teknologi semasa, dan memberi kebebasan kepada pelajar untuk belajar mengikut keselesaan mereka.

Aplikasi Interaktif dalam M-Pembelajaran

Dalam konteks **modul Pendidikan Islam, M-Pembelajaran** membolehkan pelajar belajar secara **kendiri** menggunakan **peranti mudah alih** seperti telefon pintar dan tablet. Terdapat pelbagai aplikasi interaktif yang boleh diguna pakai untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dari segi **penilaian, perbincangan, pembelajaran berasaskan permainan, pembelajaran visual, dan penciptaan kandungan**. Berikut adalah beberapa aplikasi utama yang digunakan bagi tujuan:

1. Penilaian:

Aplikasi seperti **Slido** digunakan untuk menilai **kefahaman pelajar** terhadap bahan pengajaran melalui sesi **soal jawab interaktif**. Aplikasi ini membolehkan soal jawab secara **masa nyata** dan menggunakan **polling**, yang menggalakkan pelajar untuk terlibat secara lebih aktif. Kelebihan utama Slido ialah ia membolehkan pelajar bertanya soalan secara **anonim**, yang memudahkan mereka yang mungkin malu untuk bertanya secara terbuka, sekaligus meningkatkan **penyertaan** dalam kelas.

2. Kemudahan Capaian Bahan Pengajaran:

Di samping penggunaan **PBLMS**, aplikasi interaktif **juga** digunakan untuk perbincangan dan perkongsian bahan tambahan di luar waktu pengajaran ke arah memudahkan pelajar mencapai bahan pengajaran:

- **WhatsApp**: Aplikasi ini memudahkan **komunikasi dua hala** antara guru dan pelajar. Pelajar boleh bertanya soalan secara langsung dan menerima **maklum balas segera** daripada guru, yang meningkatkan **respon cepat** dalam pembelajaran.
- **Telegram**: Menyediakan ruang untuk **perbincangan kumpulan**, membantu pelajar untuk berkongsi maklumat dan berinteraksi secara mendalam tentang **topik yang dipelajari**, sekaligus menyokong pembelajaran yang lebih kolaboratif.

3. Pembelajaran Berasaskan Permainan:

Aplikasi seperti **Kahoot!** dan **Quizizz** digunakan untuk **menyemak kefahaman pelajar** melalui **permainan kuiz** yang menghiburkan dan memberikan **maklum balas segera**:

- **Kahoot!**: Kuiz interaktif yang disediakan melalui Kahoot menjadikan pembelajaran lebih **seronok** dan **menarik**. Maklum balas diberikan serta-merta, yang membantu pelajar memperbaiki kesilapan mereka secara langsung.

- **Quizizz:** Seperti Kahoot, Quizizz memberi peluang kepada pelajar untuk **menjawab soalan kuiz** dalam bentuk permainan. Pelajar lebih terlibat dalam sesi pembelajaran dan menikmati pengalaman pembelajaran melalui pertandingan kuiz dalam talian.

4. Pembelajaran Visual:

Platform seperti **YouTube** dan **TikTok** membolehkan pelajar mengakses bahan visual yang memperjelaskan konsep-konsep penting dalam **Pendidikan Islam** melalui **video** dan **tutorial interaktif**:

- **YouTube:** Sebagai platform untuk video pendidikan, YouTube menyediakan akses kepada **video tutorial** atau ceramah berkaitan **modul Pendidikan Islam**. Pelajar boleh menonton video pada bila-bila masa, menjadikannya alat yang sangat berguna untuk **pembelajaran sendiri**. Kandungan video seperti **animasi** dan **simulasi** membantu pelajar memahami konsep yang sukar dengan lebih mudah.
- **TikTok:** **TikTok** semakin popular sebagai alat untuk video pendek pendidikan. Melalui TikTok, pelajar dan guru dapat **mencipta** atau **menonton** video yang menerangkan konsep tertentu secara **kreatif** dan dalam masa yang singkat. Ini menjadikan pembelajaran lebih **interaktif** dan **menyeronokkan**, terutamanya bagi generasi muda yang cenderung kepada **kandungan visual yang ringkas dan dinamik**.

5. Penciptaan Kandungan Visual:

Selain pembelajaran melalui visual, pelajar juga dapat memanfaatkan aplikasi seperti **Canva** untuk **mencipta kandungan visual** berkaitan dengan modul Pendidikan Islam. **Canva** membolehkan pelajar **mencipta poster, infografik, dan slaid** yang berkaitan dengan topik pembelajaran, yang bukan sahaja membantu mereka memahami konsep dengan lebih baik, tetapi juga menggalakkan kreativiti dalam pembelajaran.

- **Canva:** Aplikasi ini memudahkan pelajar untuk **mencipta bahan pembelajaran visual** secara profesional dengan menggunakan pelbagai templet yang tersedia. Dalam konteks Pendidikan Islam, pelajar boleh menggunakan Canva untuk **mencipta poster interaktif, infografik, atau bahan pembelajaran visual lain** yang boleh membantu menjelaskan konsep-konsep penting seperti sejarah Islam, akhlak, atau nilai-nilai Islam. Ini bukan sahaja membantu pelajar memperdalam pemahaman mereka, tetapi juga menjadikan proses pembelajaran lebih **seronok dan kreatif**.

Dengan penggunaan aplikasi interaktif seperti **Canva, WhatsApp, Telegram, Kahoot, YouTube, dan TikTok** dan Slido dalam modul Pendidikan Islam bukan sahaja meningkatkan **penglibatan pelajar**, tetapi

juga memupuk **pembelajaran sendiri** dan memperkaya pengalaman pembelajaran. Aplikasi-aplikasi ini memberikan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan bahan pengajaran secara lebih dinamik dan kreatif, sekaligus menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

PENYATAAN MASALAH

Pendidikan Islam sering dianggap sebagai salah satu mata pelajaran yang bersifat pasif, kerana cara penyampaian yang lazimnya menekankan teori dan hafalan, seperti membaca teks dalam Al-Qur'an, memahami hadis, serta mempelajari sejarah dan nilai-nilai Islam. Pendekatan ini mungkin berkesan dalam menyampaikan kandungan ilmu agama, tetapi ia kurang memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara aktif dan mengaitkan pembelajaran dengan situasi kehidupan sebenar.

Namun, teknologi hari ini telah mampu merubah sifat positif pengajaran Pendidikan Islam menjadi lebih aktif, interaktif, dan relevan dengan kehidupan pelajar. Ini dapat dicapai dengan penggunaan teknologi moden, seperti M-Pembelajaran, yang bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan kandungan pelajaran tetapi juga meningkatkan motivasi dan penglibatan mereka. Dengan penggunaan peranti mudah alih dan aplikasi interaktif, Pendidikan Islam dapat disampaikan dalam cara yang lebih menarik, menjadikannya lebih dekat dengan kehidupan pelajar serta mendorong pengamalan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Sebagaimana yang disarankan oleh Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi:

"Pendidikan ugama, janganlah ia indah di atas kertas sahaja, tetapi hendaklah juga bagus pada amali nya, seperti cara belajar, jadual belajar, masa persekolahan, mata pelajaran, guru dan lain-lain. Ini semua sangat penting untuk menjamin keberkesanan pembelajaran."

Ini menunjukkan bahawa keberkesanan Pendidikan Islam bukan sahaja terletak pada kefahaman teori, tetapi juga pengaplikasiannya dalam kehidupan seharian pelajar. Sehubungan itu, pendekatan yang lebih moden dan praktikal perlu diteroka untuk menyokong amali dan pemahaman yang mendalam terhadap ajaran Islam.

Di Politeknik Brunei, pengajaran dan pembelajaran telah diperkuatkan melalui pendekatan Hybrid Learning, yang menggabungkan pembelajaran tatap muka dengan pembelajaran dalam talian. Dalam konteks ini, M-Pembelajaran digunakan sebagai medium utama untuk menyampaikan bahan pengajaran Pendidikan Islam secara lebih fleksibel dan interaktif. Penggunaan aplikasi seperti Kahoot, WhatsApp, YouTube, dan

Telegram telah membantu meningkatkan interaksi dua hala antara pelajar dan guru, di samping memperkaya pengalaman pembelajaran.

Namun, masih terdapat jurang dalam memastikan pendekatan ini berkesan dalam mencapai matlamat pembelajaran. Adakah M-Pembelajaran benar-benar dapat meningkatkan penglibatan, motivasi, dan pemahaman pelajar dalam konteks modul Pendidikan Islam? Bagaimana aplikasi interaktif dalam M-Pembelajaran mempengaruhi proses pembelajaran dan pengajaran? Soalan-soalan ini menjadi asas kepada kajian ini, yang bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan M-Pembelajaran dalam proses pengajaran modul Pendidikan Islam di Politeknik Brunei ke arah meningkatkan penglibatan pelajar, pemahaman terhadap bahan pengajaran, dan pengimplimentasian ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti **kesan penggunaan M-Pembelajaran** terhadap peningkatan penglibatan pelajar, motivasi dan pemahaman pelajar dalam modul Pendidikan Islam di Politeknik Brunei.
2. Menganalisis **keberkesanan M-Pembelajaran** sebagai medium komunikasi interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran modul Pendidikan Islam.
- 3.

KAJIAN LEPAS

M-Pembelajaran merupakan perkembangan daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang menawarkan guru dan pelajar, pengalaman pembelajaran yang lebih **fleksibel**, serta mewujudkan persekitaran yang lebih **kendiri, spontan, tidak formal**, dan **peribadi** tanpa mengetepikan konteks pembelajaran formal. M-Pembelajaran, sebagai kesinambungan daripada **pembelajaran jarak jauh (d-learning)** dan **pembelajaran dalam talian (e-learning)**, membawa pendekatan yang lebih **fleksibel** dan **mudah alih**, menjadikan pendidikan lebih **canggih** dan **selaras dengan perkembangan semasa**. Yahya, S., & Abdul Razak, N. (2017) penggunaan teknologi membolehkan pelajar menguruskan pembelajaran mereka secara sendiri, meningkatkan fleksibiliti dalam proses pembelajaran, dan memberi mereka kawalan sepenuhnya terhadap cara mereka belajar. Kajian ini juga menekankan bahawa teknologi memainkan peranan penting dalam menyokong pelajar untuk mencapai prestasi akademik yang lebih baik. **Model Pembelajaran Brown (2005)** menjelaskan konsep ini dengan lebih menyeluruh melalui tiga aspek utama **mobiliti**, iaitu:

1. **Mobiliti Teknologi:** Merujuk kepada penggunaan **peranti mudah alih** seperti telefon pintar, tablet, atau komputer riba yang membolehkan akses kepada bahan pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Ini membolehkan pelajar dan guru mengakses kandungan pembelajaran secara **spontan dan sendiri**, tanpa batasan tempat.
2. **Mobiliti Pelajar:** Menekankan bahawa pelajar boleh bergerak antara **lokasi pembelajaran** yang berbeza, sama ada dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah, serta belajar secara **fleksibel** mengikut keperluan dan keadaan masing-masing. Pelajar tidak lagi terikat kepada **satu tempat** atau **masa tertentu** untuk mengakses bahan pengajaran.
3. **Mobiliti Pembelajaran:** Merujuk kepada keupayaan untuk menjalankan proses pembelajaran yang **fleksibel** dan **berterusan**, di mana pelajar dapat meneruskan pembelajaran mereka tanpa halangan ruang atau waktu. M-Pembelajaran memungkinkan pelajar untuk **mengawal** kadar dan cara mereka belajar dengan lebih **bebas**, menjadikan proses pembelajaran lebih bersifat **personal dan relevan** dengan keperluan mereka.

Dengan memahami ketiga-tiga aspek ini, jelaslah bahawa **M-Pembelajaran** bukan sahaja memberi kemudahan kepada pelajar untuk belajar di mana-mana, tetapi juga memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka dengan **fleksibiliti** dan **kebebasan** yang lebih besar. Melalui Model Pembelajaran Brown (2005), M-Pembelajaran dijelaskan sebagai alat yang membantu mengembangkan pembelajaran ke arah yang lebih **kendiri** dan **berpusatkan pelajar**, sejajar dengan perkembangan teknologi semasa.

Meningkatkan Interaksi Pelajar dengan Guru

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi mudah alih seperti WhatsApp dan Telegram mampu meningkatkan interaksi dua hala antara pelajar dan guru, memperbaiki komunikasi, dan memudahkan proses pembelajaran secara dalam talian. Kajian Barhoumi, C. (2015) menunjukkan bahawa WhatsApp meningkatkan komunikasi interaktif antara pelajar dan guru, membolehkan pelajar bertanya soalan secara langsung dan mendapatkan maklum balas segera daripada guru. **Mokhtar, S. F., & Ahmad, S. (2019)** pembelajaran kolaboratif melalui M-Pembelajaran dapat memperkayakan interaksi antara pelajar dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi serta belajar secara berpasukan. Aplikasi seperti **Telegram** dan **Google Classroom** membantu pelajar berkolaborasi dalam tugas dan berkongsi maklumat dengan lebih mudah, sekali gus meningkatkan pengalaman pembelajaran.

Cetinkaya, L. (2017) mendapati bahawa penggunaan WhatsApp dalam pendidikan meningkatkan hubungan guru-pelajar dan menyokong proses pembelajaran. Kajian ini menekankan bagaimana WhatsApp membolehkan interaksi yang lebih dinamik dan responsif dalam kelas.

Pembelajaran Interaktif

Penggunaan multimedia dan aplikasi interaktif seperti YouTube dan TikTok membantu menjadikan pembelajaran lebih menarik, interaktif, dan memudahkan pelajar memahami kandungan pelajaran dengan lebih mudah. Hung, H. T., & Young, S. S. C. (2015) penggunaan media interaktif dalam pembelajaran, seperti video dan permainan, meningkatkan penglibatan pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih menarik. Kajian Khalid, A. K., & Quick, D. (2016) menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi gamifikasi seperti Kahoot dalam pengajaran membuat pembelajaran menjadi lebih interaktif dan menyeronokkan, yang secara langsung dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar. Kajian Hassan, S. M., & Ramli, Z. (2018) mendapati bahawa elemen interaktif dan kompetitif dalam Kahoot! menjadikan pelajar lebih bermotivasi dan terlibat secara aktif dalam kelas. Penggunaan kuiz interaktif ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menyemak pemahaman mereka dengan serta-merta, yang membantu dalam meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Pembelajaran Kendiri

M-Pembelajaran menyediakan pelajar dengan fleksibiliti untuk belajar secara sendiri, disamping membolehkan pelajar mengakses bahan pada bila-bila masa dan mengawal proses pembelajaran mereka sendiri, ini merupakan elemen penting dalam pembelajaran moden. Gikas, J., & Grant, M. M. (2013) menjelaskan bagaimana penggunaan peranti mudah alih seperti telefon pintar membantu pelajar mengakses bahan pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja, memberikan mereka peluang untuk belajar secara sendiri. Song, Y. (2014) meneliti penggunaan konsep BYOD (Bring Your Own Device) dalam pembelajaran, di mana pelajar menggunakan peranti mudah alih mereka untuk mengakses bahan dan belajar secara berterusan di luar kelas. Hal ini menunjukkan bahawa M-Pembelajaran memberi ruang kepada pelajar untuk belajar di luar waktu formal pembelajaran.

Kajian Kamaruddin, S. A., & Rahim, M. A. (2019) menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung mengambil inisiatif sendiri untuk belajar apabila aplikasi yang digunakan mengandungi elemen permainan. Gamifikasi, seperti **Kahoot!**, bukan sahaja meningkatkan interaksi dalam kelas tetapi juga membantu pelajar mengawal proses pembelajaran mereka secara lebih efektif dan fleksibel.

Meningkatkan Motivasi Pelajar

Banyak kajian lepas telah menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi interaktif dalam M-Pembelajaran mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Rosli, S. Z., & Hashim, R. A. (2020) gamifikasi dapat meningkatkan minat pelajar serta memberi kesan signifikan terhadap pencapaian akademik mereka. Gamifikasi bukan sahaja menghidupkan suasana pembelajaran, tetapi juga menjadikan pelajar lebih bermotivasi untuk terus terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran.

Aplikasi seperti **Quizlet** dan **YouTube** meningkatkan minat pelajar terhadap pelajaran dan memberikan mereka peluang untuk belajar pada bila-bila masa. Penggunaan aplikasi ini juga membolehkan pelajar mengakses kandungan pembelajaran dengan lebih mudah, yang seterusnya meningkatkan motivasi mereka untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran, Salleh, M. R., & Omar, M. H. (2018). Uzunboylu, H., & Tugun, V. (2016) menyokong bahawa penggunaan M-Pembelajaran dalam pendidikan tinggi meningkatkan motivasi pelajar, terutamanya apabila pelajar diberi fleksibiliti dan peluang untuk belajar secara interaktif dan sendiri melalui peranti mudah alih.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan **kualitatif** dengan kaedah **pemerhatian langsung** bagi menilai keberkesanan M-Pembelajaran dalam modul Pendidikan Islam di Politeknik Brunei. Pemerhatian dijalankan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang melibatkan penggunaan aplikasi interaktif melalui M-Pembelajaran.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk **kajian kes**, di mana kaedah pemerhatian digunakan untuk mendapatkan data kualitatif mengenai interaksi, penglibatan dan pemahaman pelajar terhadap kandungan pembelajaran yang disampaikan melalui M-Pembelajaran. Pemerhatian ini berfokus kepada aspek komunikasi, motivasi, dan minat pelajar terhadap subjek Pendidikan Islam dalam sesi pengajaran.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada **pelajar Politeknik Brunei** yang mengambil modul **Pendidikan Islam**. Seramai 152 **orang pelajar** dari beberapa program akademik di Politeknik Brunei yang mewakili bagi setiap sekolah telah dipilih sebagai sampel. Pemilihan sampel ini dibuat secara **tujuan** (purposive sampling) untuk memastikan pelajar yang terlibat aktif dalam penggunaan M-Pembelajaran.

Kaedah Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan dalam tempoh 18 bulan semasa sesi pengajaran Pendidikan Islam. Pemerhatian dilakukan oleh penyelidik secara langsung dalam kelas tatap muka dan juga melalui **pembelajaran hybrid** yang melibatkan platform dalam talian seperti **WhatsApp, Telegram, dan PBLMS**.

Instrumen Pemerhatian

Pemerhatian berstruktur digunakan dengan **senarai semak** yang dibangunkan untuk menilai keberkesanan aspek-aspek berikut:

1. **Interaksi antara pelajar dan guru:** Pemerhatian terhadap komunikasi yang berlaku melalui aplikasi seperti WhatsApp, Telegram dan Slido serta penglibatan pelajar dalam sesi kuiz interaktif melalui Kahoot dan Quizizz.
2. **Penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran:** Melihat tahap keterlibatan pelajar dalam menggunakan aplikasi interaktif dan platform dalam talian seperti YouTube dan Slido untuk menjawab soalan dan menyelesaikan tugas.
3. **Motivasi dan minat pelajar:** Memerhati perubahan dalam tingkah laku pelajar, seperti peningkatan dalam bertanya soalan, memberi maklum balas dalam perbincangan, dan keberanian untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kelas.

Prosedur Pengumpulan Data

1. **Pemerhatian semasa kelas tatap muka:** Pemerhatian dijalankan oleh penyelidik semasa sesi pengajaran berlangsung dalam bilik darjah, di mana guru menggunakan alat bantu M-Pembelajaran seperti **Kahoot, YouTube, dan Quizizz**.
2. **Pemerhatian dalam talian:** Pemerhatian terhadap interaksi pelajar dan guru dilakukan melalui platform dalam talian seperti **WhatsApp, Telegram, dan PBLMS**, di mana bahan pengajaran disampaikan, dan perbincangan serta tugas dilakukan.
3. **Catatan lapangan:** Sepanjang pemerhatian, penyelidik merekodkan tingkah laku, respons dan penglibatan pelajar dalam kelas serta semasa menggunakan aplikasi interaktif.

Analisis Data

Data yang diperoleh daripada pemerhatian dianalisis secara kualitatif. **Analisis tematik** digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan keberkesanan M-Pembelajaran dalam meningkatkan motivasi, minat, dan interaksi pelajar. Data yang dikumpul kemudian dianalisis untuk melihat corak tingkah laku pelajar serta bagaimana mereka berinteraksi dengan aplikasi interaktif yang digunakan dalam modul Pendidikan Islam.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan kajian, **triangulasi data** dilakukan dengan mengumpulkan data dari beberapa sumber, seperti catatan pemerhatian, tugas pelajar, dan maklum balas guru. Pemerhatian dilakukan secara berulang kali untuk memastikan data yang dikumpulkan adalah **konsisten** dan **boleh dipercayai**.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati beberapa **kelebihan** penggunaan M-Pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, termasuk dalam meningkatkan **interaksi pelajar dengan guru**, **pembelajaran interaktif**, **meningkatkan motivasi pelajar** dan **pembelajaran sendiri**. Dalam menilai keberkesanan penggunaan **M-Pembelajaran** sebagai alat pengajaran dalam **modul Pendidikan Islam** di Politeknik Brunei, penekanan dilakukan kepada penggunaan aplikasi interaktif seperti **Slido**, **Kahoot**, **WhatsApp**, **Telegram**, **YouTube**, **TikTok**, dan **Canva**.

Hasil kajian menunjukkan bahawa aplikasi-aplikasi ini berkesan dalam meningkatkan **interaksi**, **motivasi**, **minat pelajar**, dan **pemahaman** terhadap bahan pengajaran. Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa pendekatan M-Pembelajaran menyokong **pembelajaran sendiri** dan memperkayakan pengalaman pelajar dalam kelas, terutamanya melalui pendekatan **pembelajaran hybrid (PBhybrid)** yang digunakan di Politeknik Brunei. Berikut adalah beberapa dapatan utama:

1. Meningkatkan Interaksi Pelajar dengan Guru

Penggunaan aplikasi seperti **WhatsApp** dan **Slido** memudahkan pelajar dan guru untuk **berinteraksi secara langsung** dan membuat perbincangan berkaitan tugas atau bahan pengajaran secara dalam talian. Interaksi antara pelajar dan guru adalah aspek penting dalam proses pembelajaran, di mana guru memberikan arahan dan bimbingan, manakala pelajar memberi maklum balas, bertanya soalan dan turut serta secara aktif.

Penggunaan aplikasi ini menunjukkan peningkatan yang ketara dalam **interaksi aktif** antara pelajar dan guru. Melalui aplikasi ini, pelajar dapat bertanya soalan secara langsung dan menerima **maklum balas segera** daripada guru. Ini mempercepatkan proses komunikasi dan memastikan pelajar mendapat penjelasan dengan lebih cepat, berbanding kaedah tradisional yang memerlukan masa untuk bertemu secara bersemuka.

2. Pembelajaran Interaktif

Pembelajaran interaktif melibatkan **interaksi aktif** antara pelajar dan bahan pembelajaran. Aplikasi mudah alih seperti **YouTube** dan **TikTok** digunakan oleh guru untuk menyediakan bahan pengajaran dalam bentuk **multimedia** yang menarik. Bahan multimedia ini, termasuk video, animasi, dan simulasi, memudahkan pelajar memahami konsep-konsep abstrak dengan lebih mudah dan cepat melalui kaedah **visual dan interaktif**. Ini menjadikan pengalaman pembelajaran lebih menarik dan memotivasi pelajar untuk terus belajar.

3. Meningkatkan Motivasi Pelajar

Penggunaan aplikasi seperti **Kahoot** memainkan peranan penting dalam merangsang **motivasi** dan **minat pelajar**. Dengan menggunakan kuiz interaktif dan elemen **gamifikasi**, pelajar menunjukkan **fokus** yang lebih baik dan **semangat** yang tinggi untuk menyertai aktiviti pembelajaran. Aktiviti sebegini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih **menyeronokkan**, tetapi juga **meningkatkan penyertaan aktif** pelajar dalam kelas, menjadikan proses pembelajaran lebih dinamik dan melibatkan lebih ramai pelajar.

Selain itu, aplikasi seperti **Telegram** yang menyediakan ruang untuk **perbincangan berkumpulan** dan **perkongsian bahan pembelajaran** seperti gambar, video, serta fail lain yang berkaitan dengan topik pembelajaran, pelajar juga dapat berkongsi maklumat dengan lebih **mudah** dan **berinteraksi secara mendalam** berhubung topik yang sedang dipelajari, sekaligus meningkatkan **kefahaman** dan **kolaborasi** di antara pelajar.

Penggunaan aplikasi interaktif dan fleksibiliti **M-Pembelajaran** terbukti berkesan dalam **meningkatkan motivasi pelajar**. Pelajar menjadi lebih berminat dan terdorong untuk terlibat dalam pembelajaran apabila mereka dapat berinteraksi dengan bahan pengajaran yang **menarik** dan **relevan** melalui platform interaktif.

4. Penglibatan dalam Pembelajaran Kendiri (Self-Learning)

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan aplikasi Canva sebagai alat bantu visual bagi menghasilkan projek kreatif pelajar, nota visual atau mencipta infografik dan bahan visual yang menarik telah memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara **kendiri**. **Penggunaan Youtube sebagai platform video pendidikan juga memberi peluang kepada pelajar untuk mengakses** bahan pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara **kendiri** dan **fleksibel** di luar waktu pengajaran formal. Pelajar juga cenderung untuk mengulang kaji bahan pengajaran secara **kendiri** pada masa lapang menggunakan peranti mudah alih mereka.

M-Pembelajaran memberikan mereka fleksibiliti untuk mengakses bahan pembelajaran di mana-mana dan pada bila-bila masa, yang membantu pelajar **mengawal proses pembelajaran** mereka sendiri dan menggalakkan **pembelajaran sepanjang hayat**. Ini membuktikan bahawa pendekatan M-Pembelajaran berjaya memupuk **tanggungjawab pembelajaran sendiri** di kalangan pelajar.

5. Keterbatasan dan implikasi sosial dalam penggunaan M-Pembelajaran

Walaupun Secara keseluruhan hasil kajian ini menunjukkan bahawa **M-Pembelajaran** telah berjaya menjadikan proses pembelajaran lebih **menarik, seronok, dan interaktif**, serta memberi pelajar peluang untuk memperoleh **pemahaman yang lebih mendalam** terhadap modul yang diajar, tetapi dapatan kajian juga memperlihatkan wujudnya keterbatasan dan implikasi sosial dalam penggunaan m-pembelajaran dalam aspek:

- **Keterbatasan Teknologi:**

Penggunaan M-Pembelajaran bergantung kepada infrastruktur capaian internet yang stabil dan akses kepada peranti mudah alih. Maka, apabila kawasan atau kalangan pelajar yang menghadapi kekurangan akses kepada Wi-Fi atau peranti digital, pelaksanaan M-Pembelajaran menjadi terhad. Ini boleh menjejaskan keberkesanan proses pembelajaran dan menyebabkan sebahagian pelajar tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya platform pembelajaran ini.

- **Implikasi Sosial:**

Ketidaksamaan latar belakang sosioekonomi dan pemilikan jenis teknologi yang berbeza mengakibatkan wujudnya jurang pendidikan di kalangan pelajar. Pelajar yang mempunyai peranti canggih dan capaian internet yang baik berpeluang mendapatkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan kaya dengan ciri digital. Sebaliknya, pelajar yang terhad aksesnya mungkin menghadapi kekangan dalam mengikuti pembelajaran digital dengan berkesan. Ini boleh membawa kepada ketidaksamarataan pencapaian pendidikan dan memperkukuhkan jurang dalam akses pendidikan antara pelajar yang berkemampuan dengan yang kurang berkemampuan.

Kesimpulannya, Penggunaan M-Pembelajaran, walaupun membawa banyak manfaat, tetapi ia harus disokong dengan usaha untuk mengatasi keterbatasan dan mengurangkan kesan negatif implikasi sosialnya agar semua pelajar mendapat peluang yang adil dalam pendidikan. Sebagaimana wawasan Brunei 2035, untuk memberikan pendidikan yang mampan dan holistik.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan M-Pembelajaran memberikan impak positif terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran modul Pendidikan Islam di Politeknik Brunei. Penggunaan teknologi mudah alih bukan sahaja memudahkan akses kepada bahan pembelajaran, tetapi juga meningkatkan interaksi antara guru dan pelajar. Pelajar lebih bermotivasi dan lebih terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran melalui penggunaan aplikasi interaktif seperti Kahoot!, Quizizz, dan YouTube. Ini membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi mampu memupuk suasana pembelajaran yang lebih fleksibel dan menarik.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa M-Pembelajaran sesuai untuk diterapkan dalam konteks pendidikan moden kerana ia membolehkan pelajar, belajar pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Namun, keberkesanan sepenuhnya M-Pembelajaran bergantung kepada sokongan infrastruktur teknologi yang mencukupi, seperti capaian internet dan akses kepada peranti mudah alih.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa perkara berikut bagi menyokong peningkatan dan keberkesanan penggunaan M-Pembelajaran dalam modul Pendidikan Islam khususnya di Politeknik Brunei dan umumnya kesemua pengajaran Pengetahuan Ugama Islam di negara Brunei Darussalam:

1. Memperluas Penggunaan Aplikasi Interaktif:

Aplikasi seperti Kahoot!, Quizizz, dan YouTube yang sudah digunakan dalam proses pembelajaran boleh diperluas kepada lebih banyak topik dan subjek dalam Pendidikan Islam. Ini akan memaksimumkan interaksi pelajar dengan bahan pembelajaran melalui pelbagai pendekatan visual dan permainan yang dapat meningkatkan pemahaman konsep-konsep penting.

2. Penggunaan Teknologi Tambahan:

AR/VR (Augmented Reality/Virtual Reality) boleh diperkenalkan untuk simulasi ibadah seperti solat, wudhu atau haji. Ini dapat membantu pelajar mempraktikkan ajaran Islam dalam persekitaran yang lebih interaktif dan praktikal.

3. Latihan kepada guru:

Guru-guru perlu diberikan latihan berterusan dalam teknologi M-Pembelajaran supaya mereka dapat memanfaatkan aplikasi dan alat pembelajaran terkini dengan lebih berkesan dalam modul pengajaran mereka.

4. *Penambahbaikan Infrastruktur Teknologi:*

Dicadangkan agar institusi menyediakan capaian internet yang lebih baik, seperti Wi-Fi di semua kawasan kampus atau hotspot percuma di kawasan yang mempunyai pelajar, agar pelajar dapat mengakses bahan pembelajaran digital dengan lebih mudah. Peningkatan keupayaan akses internet kepada semua pelajar akan membantu melancarkan proses pembelajaran M-Pembelajaran. Ini adalah penting untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir disebabkan masalah teknikal.

5. *Penyediaan Peranti untuk Pelajar yang Memerlukan:*

Institusi boleh menyediakan program pinjaman peranti mudah alih atau subsidi untuk pelajar yang memerlukan. Ini akan mengurangkan ketidaksamaan akses kepada teknologi dan membantu pelajar terlibat secara penuh dalam pembelajaran digital.

6. *Kandungan yang Bersifat Adaptif:*

Aplikasi M-Pembelajaran perlu menyokong kandungan pembelajaran yang disesuaikan mengikut tahap pemahaman pelajar. Ini bermaksud, bahan pembelajaran perlu disusun mengikut kemampuan individu bagi memastikan setiap pelajar mendapat manfaat secara maksimum.

7. *Pembelajaran Sepanjang Hayat:*

M-Pembelajaran boleh digunakan bukan hanya di institusi pendidikan tetapi juga untuk masyarakat umum. Modul pembelajaran Islam dapat disebarkan melalui aplikasi seperti WhatsApp atau Telegram untuk menyokong pendidikan agama sepanjang hayat.

8. *Kandungan yang Boleh Diakses Tanpa Capaian Internet:*

Mengembangkan bahan pembelajaran yang boleh dimuat turun atau diakses secara offline. Ini akan membantu pelajar yang tidak mempunyai akses internet yang konsisten untuk tetap terlibat dalam pembelajaran.

Secara keseluruhannya, M-Pembelajaran dalam modul Pendidikan Islam menawarkan pendekatan yang lebih fleksibel, interaktif, dan selari dengan perkembangan teknologi semasa, sekaligus menjanjikan peningkatan yang signifikan dalam keberkesanan pendidikan Islam di Politeknik Brunei.

RUJUKAN

- Barhoumi, C., 2015. The effectiveness of WhatsApp mobile learning activities guided by activity theory on students' knowledge management. *Contemporary Educational Technology*, 6(3), pp.221-238.
- Cetinkaya, L., 2017. The impact of WhatsApp use on success in education process. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 18(7), pp.59-74.
- Hung, H.T. and Young, S.S.C., 2015. An investigation of game-embedded handheld devices on students' learning performance and motivation in language learning. *Journal of Educational Technology & Society*, 18(2), pp.102-114.
- Khalid, A.K. and Quick, D., 2016. Teaching using Kahoot!: The impact of games on learning content in Saudi Arabia. *International Journal of Technology Enhanced Learning*, 8(1), pp.36-45.
- Gikas, J. and Grant, M.M., 2013. Mobile computing devices in higher education: Student perspectives on learning with cellphones, smartphones & social media. *The Internet and Higher Education*, 19, pp.18-26.
- Song, Y., 2014. Bring your own device (BYOD) for seamless science inquiry in a primary school. *Computers & Education*, 74, pp.50-60.
- Wang, A.I., 2015. The wear out effect of a game-based student response system. *Computers & Education*, 82, pp.217-227.
- Uzunboyu, H. and Tugun, V., 2016. Validity and reliability of mobile learning adoption scale in higher education. *Journal of Universal Computer Science*, 22(1), pp.4-16.
- Biloš, A., Turkalj, D. and Kelić, I., 2017. Mobile learning usage and preferences of vocational secondary school students: The cases of Austria, the Czech Republic and Germany. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, 11(6), pp.40-53.
- Liu, Y., Han, S. and Li, H., 2010. Understanding the factors driving m-learning adoption: A literature review. *Campus-Wide Information Systems*, 27(4), pp.210-226.
- Criollo-C, S., Luján-Mora, S., Jaramillo-Alcázar, A. and Molina, A., 2021. Advantages and disadvantages of m-learning in current education: A systematic review. *Lecture Notes in Networks and Systems*, 208, pp.1047-1058.

Khoiro, A., Wicaksono, T.Y. and Prasetyo, D., 2019. Pengembangan media e-learning berbasis Schoology pada mata pelajaran administrasi infrastruktur jaringan komputer. *Jurnal Pendidikan Teknik Informatika (JPTI)*, 8(2), pp.140-146.

Rabiman, R., Muslim, M. and Sofyan, H., 2020. Design of E-learning media for vocational education on CNC machining subject using Moodle LMS. *Journal of Education Technology*, 4(1), pp.88-94.

Rosli, S.Z. and Hashim, R.A., 2020. Gamifikasi dalam Pendidikan: Pengaruhnya terhadap Minat dan Pencapaian Pelajar. *Jurnal Pendidikan Digital*, 3(2), pp.44-58.

Kamaruddin, S.A. and Rahim, M.A., 2019. Penggunaan Gamifikasi dalam Meningkatkan Pembelajaran Kendiri Pelajar. *Jurnal Teknologi dan Inovasi Pendidikan*, 6(3), pp.89-102.

Mokhtar, S.F. and Ahmad, S., 2019. Pembelajaran Kolaboratif dalam Persekitaran M-Pembelajaran: Satu Kajian Kes di Malaysia. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 11(1), pp.78-92.

Hassan, S.M. and Ramli, Z., 2018. Penggunaan Aplikasi Interaktif Kahoot dalam Meningkatkan Penglibatan Pelajar. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 7(2), pp.12-24.

Penerapan Perkakasan Berfikir Baharu (PBB) bagi Meningkatkan kemahiran Menyelesaikan Masalah Dalam Aktiviti Pembelajaran Koperatif

Muhammad Adi Wafiuddin bin Haji Roslinei

Universiti Brunei Darussalam

24h1602@ubd.edu.bn

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki dan mengenal pasti isu-isu berkaitan pelaksanaan Perkakasan Berfikir Baharu (PBB) bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam menyelesaikan masalah dalam karangan jenis pendapat melalui aktiviti pembelajaran koperatif. PBB merupakan sebuah perkakasan yang digunakan untuk menguji idea yang dikemukakan dalam penyelesaian masalah secara sistematik agar dapat menyelesaikan masalah dan tidak menimbulkan masalah BAHARU. Penerapan PBB dalam pengajaran karangan memainkan peranan penting dalam mendedahkan pelajar kepada kaedah penilaian yang lebih teratur, efektif, dan kritis. Penggunaan PBB bukan sahaja membantu pelajar mencadangkan idea yang baharu, tetapi juga meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah, khususnya dalam penulisan karangan jenis pendapat.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan dan eksperimen dengan pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif. Data diperoleh melalui kaedah kuiz (ujian prakajian dan ujian pascakajian) dan, pemerhatian dan catatan refleksi. Data kuantitatif dianalisis menggunakan ujian-*t* berpasangan, manakala data kualitatif dianalisis melalui analisis SWOT dan analisis tematik.

Hasil ujian-*t* berpasangan telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam markah pelajar selepas pelaksanaan PBB ($M = 2.611$, $SD = 1.037$), membuktikan keberkesanan PBB dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan. Kajian ini turut mencadangkan empat strategi utama untuk melaksanakan PBB dalam pengajaran. Selain daripada meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar lebih berupaya dalam menilai idea-idea karangan secara kritis selepas penerapan PBB.

Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar pendidik mempertimbangkan integrasi PBB sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan. Hasil kajian ini dapat dijadikan asas untuk memperkaya amalan pengajaran dan pembelajaran, serta membangunkan pelajar yang lebih kritis dan berkemahiran dalam menyelesaikan masalah. Kajian masa depan boleh melihat kesan jangka panjang penerapan PBB dalam konteks pembelajaran yang lebih meluas.

Kata Kunci: Perkakasan Berfikir BAHARU (PBB), kemahiran menyelesaikan masalah, pembelajaran koperatif.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kemahiran seperti berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan penyelesaian masalah, adalah di antara kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21 (Rotherham & Willingham, 2010, Trilling & Fadel, 2012; Van Laar, Van Deursen, Van Dijk & De Haan, 2017; Alias, Karim & Iksan, 2019). Oleh yang demikian, para pelajar perlu diberikan pengalaman pembelajaran yang sesuai dengan keperluan tersebut agar pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan ini dapat diberikan untuk mereka berkembang maju (Vockley, 2007).


Sebuah sistem pendidikan yang baharu telah pun dilancarkan pada Januari 2009 di Negara Brunei Darussalam dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 atau SPN21 (Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 2013). Antara tujuan SPN21 diperkenalkan adalah untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan yang selaras dengan keperluan abad ke-21, dan membangunkan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar pada masa kini. Manakala antara perubahan utama dalam SPN21 adalah menekankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar, penglibatan pelajar secara aktif sama ada dalam individu atau kumpulan, dan mengikut gaya dan keperluan pembelajaran pelajar secara individu.

Melihat kepada kepentingan kemahiran-kemahiran seperti berfikir dan menyelesaikan masalah, sebuah perkakasan berfikir yang dinamakan sebagai Perkakasan Berfikir BAHARU (PBB) telah dicipta. PBB merupakan sebuah perkakasan yang diperkenalkan oleh Aliamat (2014). Konsep ini digunakan untuk menguji idea yang dikemukakan dalam penyelesaian masalah secara sistematik agar dapat menyelesaikan masalah. PBB terdiri daripada enam kata kunci berikut iaitu Berkesan, Adil, Harmoni, Aman, Ranggi dan Untung. Berikut adalah penerangan kepada enam kata kunci tersebut:

- i. Berkesan. Cadangan asal yang dikemukakan berkeupayaan menyelesaikan masalah dan cabaran yang dihadapi secara menyeluruh.
- ii. Adil. Cadangan asal yang dikemukakan tidak ada unsur penganiayaan dan penipuan ; tidak melanggar undang-undang atau etika.
- iii. Harmoni. Cadangan asal yang dikemukakan tidak merosakkan sistem atau subsistem lain.
- iv. Aman. Cadangan asal yang dikemukakan adalah selamat iaitu tidak menghancurkan dan tidak membawa kepada kehancuran.
- v. Ranggi. Cadangan asal yang dikemukakan bersifat tampan dan gagah: elok reka bentuk atau pelaksanaannya; tahan lama, jika melibatkan sesuatu yang tidak tahan lama, pastikan perkara tersebut mudah diganti.
- vi. Untung. Cadangan asal yang dikemukakan tidak merugikan semua pihak dari segi kos, penggunaan sumber masa sama ada jangka masa pendek mahupun panjang.

Rajah 1. *Perkakasan Berfikir BAHARU (Aliamat, 2014).*

Berdasarkan daripada penerangan bagi setiap kata kunci PBB, pelajar dapat menilai cadangan penyelesaian masalah dengan mempersoalkannya menggunakan kata kunci-kata kunci daripada PBB. Jadual 1 di bawah adalah soalan-soalan utama semi berstruktur yang dapat menggalakkan pelajar menilai cadangan penyelesaian masalah menggunakan PBB.



Jadual 1. *Adaptasi soalan-soalan utama semi berstruktur Perkakasan Berfikir BAHARU (Aliamat, 2017).*

	Kata kunci	Soalan-soalan utama semi berstruktur
Baharu	Baharu?	Adakah cadangan mengatasi ini sesuatu yang baharu atau biasa?
B	Berkesan?	Adakah masalah berjaya diatasi dengan pelaksanaan cadangan ini?
A	Adil?	Adakah cadangan penyelesaian ini adil kepada semua orang? Adakah pelaksanaan cadangan ini tidak melanggar etika/undang-undang?
H	Harmoni?	Adakah terdapat sebarang kesan sampingan negatif daripada penyelesaian ini?
A	Aman?	Adakah cadangan penyelesaian ini selamat untuk dilaksanakan?
R	Ranggi?	Adakah cadangan penyelesaian ini bersifat mampan dan berkesan dalam jangka masa panjang?
U	Untung?	Adakah cadangan ini tidak merugikan dari segi kos dan penggunaan sumber?

Oleh itu, kajian ini membincangkan mengenai perkara-perkara yang berhubung kait dengan penerapan perkakasan berfikir BAHARU dalam aktiviti pembelajaran koperatif bagi meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah khususnya dalam aspek pembelajaran karangan.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 2013, hlm. 48 & 55) salah satu bidang pembelajaran yang difokuskan adalah kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, dan juga mengharapkan agar dapat menghasilkan pelajar berkemahiran untuk menilai pelbagai maklumat yang diterima. Berdasarkan daripada pengalaman pengkaji sendiri, penerapan kemahiran menyelesaikan masalah dan menilai khususnya dalam pembelajaran karangan berbentuk pendapat adalah kurang diberikan tekanan dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar. Malah kebanyakan guru lebih memfokuskan kepada teknik penulisan bagi meningkatkan kemahiran menulis. Pernyataan ini disokong oleh Kiuwara (2009) yang mengatakan bahawa pendekatan yang kerap digunakan oleh guru dalam pengajaran penulisan adalah pengukuhan, arahan langsung dan matlamat penulisan.

Menurut Webb (1989), maklumat daripada guru (pengamal) yang juga sebagai pengkaji dalam kajian tindakan perlu diambil kira dalam hala tuju kajian yang dilaksanakan. Berdasarkan daripada pengalaman pengkaji sendiri dalam, pengajaran karangan jenis pendapat yang memerlukan untuk menyelesaikan masalah, idea-idea karangan pada kebiasaannya diberikan oleh guru di samping idea pelajar sendiri dengan bantuan guru. Manakala proses penilaian terhadap idea penyelesaian masalah yang dikemukakan dilakukan secara tidak sistematik dan kadang kala tidak menjalani proses penilaian menggunakan perkakasan berfikir tertentu. Malahan pelajar digalakkan untuk mengemukakan lebih banyak idea bagi memperoleh markah yang lebih baik. Justeru, pelajar cenderung untuk menyediakan idea-idea yang tidak relevan atau yang konvensional daripada mencadangkan penyelesaian yang tuntas kepada masalah (Aliamat, 2017). Oleh yang demikian, guru perlu mengatasi cabaran ini seperti menerapkan perkakasan berfikir tertentu kepada pelajar. Seperti mana Johari (2018) mengatakan bahawa guru perlu bijak menyediakan pengalaman pembelajaran yang menggalakkan pelajar supaya dapat berfikir untuk menyelesaikan masalah.

Oleh sebab itu, kemahiran menilai dan kemahiran menyelesaikan masalah perlulah ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan khususnya dalam bentuk pendapat menyelesaikan masalah, sehingga ia menjadi satu amalan. Seperti mana Amsel dan Brock (1996) berpendapat bahawa melalui amalan yang mencukupi, pelajar akan berjaya untuk membuat penilaian. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Ross, Rolheiser dan Hogaboam-Gray (1999) telah menunjukkan bahawa kemampuan untuk menilai penulisan sendiri dapat memberikan kesan positif terhadap hasil penulisan. Justeru dengan menekankan kemahiran menilai dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar, ia dapat meningkatkan lagi kemahiran menyelesaikan masalah khususnya dalam aspek penulisan karangan pendapat menyelesaikan masalah. Seperti mana menurut Miri, David dan Uri (2007), dan Retnawati, Djidu, Kartianom dan Anazifa (2018) yang menegaskan bahawa kemahiran berfikir aras tinggi boleh merangsang pemikiran kritis dan penyelesaian masalah.

Selain daripada itu, berdasarkan pengamatan pengkaji sendiri juga, pelajar lebih bermotivasi untuk menjana idea apabila diberi peluang untuk bekerja secara koperatif. Kebanyakan pelajar lebih gemar untuk bekerja secara koperatif kerana manfaatnya terhadap hasil pembelajaran seperti dapat menjana idea yang lebih baik dan keperluan berinteraksi untuk mencapai kata sepakat (Levrai & Bolster, 2018). Tambahan lagi, menurut Nebesniak (2007), Kaddoura (2013), dan Fung dan Howe (2014) aktiviti pembelajaran koperatif dapat membangunkan kemahiran berfikir secara kritis pelajar. Justeru ini menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran koperatif yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi berpotensi untuk mengatasi cabaran kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar.

1.3 Objektif Kajian

- i. Untuk mengenal pasti pengalaman guru terhadap pengajaran PBB dalam soalan karangan jenis pendapat menyelesaikan masalah.
- ii. Untuk menyelidiki pengalaman dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran PBB dalam soalan karangan jenis pendapat menyelesaikan masalah.

1.4 Soalan Kajian

- i. Adakah terdapat perbezaan min yang ketara di antara markah ujian prakajian dengan ujian pascakajian?
- ii. Dengan mengenal pasti keberkesanan pengajaran PBB, bagaimanakah pelaksanaan yang boleh guru cadangkan dalam pengajaran PBB?

1.5 Kerangka Teori Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan Teori Perantisan Kognitif (*Cognitive Apprenticeship*) daripada Collins, Brown dan Holum (1991) yang berasaskan sosio-konstruktivisme sebagai teori asas dan sumber rujukan. Teori sosio-konstruktivisme lebih menekankan kepada pembinaan makna yang terhasil daripada interaksi sosial.

Rajah 2. Konsep kerangka teori Perantisan Kognitif (Collins *et al.*, 1991).



Melalui Teori Perantisan Kognitif yang dikembangkan oleh Collins *et al.* (1991), terdapat enam kaedah yang dicadangkan bagi memperoleh maklumat, dan kemahiran untuk menggunakan maklumat tersebut. Kaedah pertama merupakan pemodelan (*modeling*) iaitu pelajar memerhatikan cara guru atau orang yang lebih pakar melaksanakan sesuatu. Kaedah seterusnya ialah bimbingan (*coaching*) iaitu membimbing pelajar dengan memberikan petunjuk atau maklum balas semasa mereka melaksanakan tugas. Perancangan (*scaffolding*) merupakan kaedah yang ketiga dengan memberikan bantuan kepada pelajar melaksanakan tugas. Kaedah keempat ialah artikulasi (*articulation*) iaitu proses mendapatkan tugas yang dilakukan oleh pelajar. Kaedah kelima pula ialah refleksi (*reflection*) iaitu pelajar membandingkan hasil tugas mereka dengan rakan yang lain, guru atau orang yang lebih pakar. Manakala kaedah yang terakhir pula adalah penerokaan (*exploration*) iaitu menggalakkan pelajar untuk melaksanakan tugas secara bersendirian.

2.0 Tinjauan Literatur

Dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah, kajian-kajian lepas telah mencadangkan bahawa pendekatan pembelajaran koperatif juga berhasil dalam memberikan kesan yang positif terhadap kemahiran tersebut. Sebagai contohnya, Nebesniak (2007) menilai kemahiran menyelesaikan masalah pelajar dengan mengumpulkan data daripada penyelesaian masalah yang dilakukan secara individu dan berkumpulan daripada peserta yang sama. Kajian tersebut mendapati bahawa pelajar telah menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah yang lebih baik, berkebolehan dalam berfikir secara kritis, dan penglibatan yang aktif dalam perbincangan apabila bekerja secara berkumpulan. Dapatan kajian tersebut disokong oleh kajian-kajian yang dilaksanakan oleh Gök dan Sýlay (2010), dan Hassan, Mohd-Yusof, Abu dan Mohammad (2011), yang menunjukkan peningkatan dalam

kemahiran menyelesaikan masalah melalui aktiviti pembelajaran koperatif berbanding kaedah pengajaran konvensional. Manakala dalam meneroka kesan strategi pengajaran-pembelajaran koperatif terhadap kemahiran pemikiran kritis, kajian daripada Kaddoura (2013) turut mendedahkan perbezaan yang signifikan dalam kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan, menunjukkan keberkesanan strategi pembelajaran koperatif dalam meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan menyelesaikan masalah pelajar.

Antara faktor yang menyumbangkan peningkatan dalam kemahiran menyelesaikan masalah melalui aktiviti pembelajaran koperatif ini adalah disebabkan keperluan untuk berinteraksi dalam menyelesaikan masalah dengan berkesan. Seperti mana menurut kajian Gök dan Sýlay (2010) yang menunjukkan bahawa interaksi sosial dan sokongan rakan sebaya meningkatkan pemahaman dan aplikasi strategi penyelesaian masalah dalam pembelajaran koperatif. Peningkatan dalam pemahaman dan strategi penyelesaian masalah melalui aktiviti pembelajaran koperatif ini terbukti turut meningkatkan penyelesaian yang lebih baik. Pernyataan ini disokong oleh kajian Nebesniak (2007) yang mendapati bahawa penyelesaian yang dihasilkan secara berkumpulan bertambah baik dari segi kualiti berbanding dengan penyelesaian yang dihasilkan secara individu. Selanjutnya, kajian yang dijalankan oleh Hassan *et al.* (2011) juga menemukan dapatan yang sama, iaitu terdapatnya peningkatan dalam kemahiran menyelesaikan masalah, termasuk proses penyelesaian masalah yang lebih baik seperti pengenpastian masalah, analisis, sintesis, penjanaan penyelesaian, refleksi dan pembelajaran terarah sendiri.

Selain itu, kemahiran untuk menyelesaikan masalah ini juga boleh dikaitkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi yang merangkumi proses kognitif yang melangkaui mengingat maklumat asas dan menggalakkan dalam penglibatan menganalisis, menilai, dan mencipta. Seperti mana menurut Retnawati *et al.* (2018), penggunaan kemahiran berfikir aras tinggi boleh merangsang pemikiran kritis dan penyelesaian masalah. Begitu juga dengan Miri *et al.* (2007) yang menegaskan kemahiran berfikir aras tinggi adalah asas kepada penyelesaian masalah yang berkesan. Perkara ini adalah kerana kemahiran menyelesaikan masalah merangkumi proses pengenpastian terhadap masalah, menjana penyelesaian, menilai dan memilih penyelesaian, yang memerlukan aspek-aspek yang terdapat dalam kemahiran berfikir aras tinggi.

Selain daripada strategi pembelajaran koperatif, strategi pengajaran yang berasaskan menyelesaikan mempunyai impak yang ketara dalam meningkatkan kebolehan menyelesaikan masalah dan kemahiran berfikir yang mendalam. Pernyataan ini dapat dibuktikan oleh kajian daripada Hassan *et al.* (2011) yang menunjukkan perbezaan signifikan dalam kemahiran menyelesaikan masalah selepas menjalani pembelajaran yang berasaskan menyelesaikan masalah seperti yang ditunjukkan oleh nilai-*p* (nilai keberangkalian) yang rendah ($p < 0.05$) dan saiz kesan (*d*) lebih besar daripada 0.8. Dapatan ini menunjukkan bahawa menunjukkan bahawa pengajaran yang berasaskan menyelesaikan masalah mempunyai kesan yang positif terhadap kreativiti dan kemahiran menyelesaikan masalah, meningkatkan keupayaan mereka untuk mendekati masalah daripada perspektif yang berbeza dan menjana penyelesaian

yang inovatif. Dapatan ini disokong lagi oleh kajian Hidayati dan Wagiran (2020) yang mengenal pasti bahawa kemahiran menyelesaikan masalah dapat dipertingkatkan melalui pembelajaran berasaskan masalah yang menunjukkan peningkatan terhadap kemahiran menyelesaikan masalah dalam setiap kitaran yang dijalankan.

Selanjutnya penekanan pada kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran, seperti melalui strategi penyoalan, telah dikenal pasti sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar. Nappi (2017) menegaskan bahawa teknik penyoalan yang berkesan memainkan peranan penting dalam merangsang penglibatan yang aktif pelajar dalam proses pembelajaran, seterusnya meningkatkan penglibatan dan kebolehan analitikal mereka. Selain itu, Novitaningrum dan Lestari (2020) juga telah menerangkan keberkesanan strategi penyoalan provokatif dalam mencetuskan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar dalam persekitaran bilik darjah. Strategi ini menyerlahkan kepentingan peranan teknik penyoalan yang boleh menggalakkan penghuraian atau pengenalpastian masalah dan kemahiran menyelesaikan masalah yang lebih mendalam dalam kalangan pelajar.

Di samping itu, kajian Raflee dan Halim (2021) telah mengatakan bahawa penerapan pemikiran kritis sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut mendapati terdapat peningkatan pencapaian peserta kajian bagi ujian pascakajian berbanding ujian prakajian setelah intervensi dilaksanakan. Dapatan ini selaras dengan kajian Murawski (2014) yang mengatakan bahawa kemahiran berfikir secara kritis membawa kepada kejayaan dalam akademik. Dalam kajian Belecina dan Ocampo (2018) pula menerangkan bahawa pelajar mempunyai pengalaman pembelajaran yang positif ketika melibatkan diri dalam aktiviti menyelesaikan masalah bagi tujuan untuk meningkatkan kebolehan pemikiran kritis. Dalam kata lain, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah mempunyai hubungan yang baik antara satu sama lain.

Dalam konteks meningkatkan penglibatan yang aktif dalam aktiviti menyelesaikan masalah, Singh dan Manjaly (2022) menekankan kepentingan untuk mencetuskan rasa ingin tahu dan minat pelajar seperti bermula dari awal pembelajaran. Rasa ingin tahu yang tercetus dari awal pembelajaran seperti induksi set ini akan dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan yang aktif pelajar dalam pembelajaran (Othman & Kassim, 2021). Tambahan lagi, induksi set mempunyai peranan yang penting dalam menarik perhatian dan dapat menggalakkan maklum balas yang positif daripada pelajar (Sandy, Jobar, Rusli & Adam, 2021). Kyu (2018) juga mencadangkan penggunaan bahan pembelajaran yang relevan seperti menggunakan contoh senario dunia sebenar merupakan strategi yang berkesan dalam menggalakkan pelajar menjadi aktif dalam proses pembelajaran.


Di samping itu, keberkesanan pembelajaran yang meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah ini juga dapat disokong oleh pengetahuan sedia ada pelajar. Kepentingan pengetahuan sedia ada pelajar dalam penyelesaian masalah telah dibincangkan dalam kajian pendidikan. Antaranya, pengkaji-pengkaji seperti Pretz, Naples, dan Sternberg (2003) telah menekankan bahawa pengetahuan sedia ada pelajar boleh mempengaruhi kecepatan dan ketepatan kemahiran menyelesaikan masalah. Begitu juga dengan Diaz (2017) yang menekankan bahawa pengetahuan sedia ada adalah aspek penting dalam pembelajaran, mencadangkan bahawa ia membentuk asas di mana maklumat dan kemahiran baharu dibina. Perspektif ini disokong lagi oleh Zambrano, Kirschner, Sweller dan Kirschner (2019), yang berpendapat bahawa pelajar yang mempunyai asas pengetahuan sedia ada yang kukuh lebih berkemungkinan mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik berbanding mereka yang mempunyai pengetahuan sedia ada yang terhad. Justeru, perkara ini mencadangkan bahawa pengetahuan sedia ada pelajar mempunyai peranan dalam kemahiran untuk menyelesaikan masalah.

3.0 Metodologi

Kajian ini merupakan sebuah kajian tindakan (*action research*) dalam reka bentuk eksperimen yang bertujuan untuk mengenal pasti pengalaman pengkaji dan peserta mengenai penerapan PBB dalam pengajaran karangan pendapat bagi meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dan menilai para peserta kajian. Corey (1953) di dalam Cohen, Manion dan Morrison (2002) menjelaskan kajian tindakan adalah proses yang memerlukan pengamal (*practioners*) mengkaji masalah-masalah secara saintifik supaya mereka dapat menilai, memperbaiki dan mengarah proses membuat keputusan dan amalan.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menerapkan model kajian tindakan yang diadaptasi daripada Kemmis dan McTaggart (1988). Kajian yang dijalankan ini telah menggunakan dua kitaran yang lengkap bagi mengkaji penerapan PBB dalam pengajaran karangan pendapat menyelesaikan masalah.

Rajah 3. Model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) dipetik dari Burns (2009).



3.1 Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Seperti mana Muhammad Suhaimi (2021) menyatakan bahawa analisis kajian tindakan pada kebiasaannya melibatkan teknik kualitatif dan kuantitatif. Muhammad Suhaimi (2021) menjelaskan lagi bahawa perkara ini tidak dapat dielakkan kerana kajian tindakan melibatkan aspek yang berkaitan dengan sikap atau tingkah laku adalah sukar hanya dengan nombor semata-mata.

Dalam konteks kajian ini, pendekatan kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk mengenal pasti dan perubahan tingkah laku dan perubahan dari segi markah yang diperolehi daripada sampel kajian. Dengan yang demikian, dapatan data triangulasi ini dapat menyokong hujah antara satu sama lain.

3.2 Sampel Kajian

Kajian ini telah dijalankan di salah sebuah sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun 8 sebagai peserta kajian. Seramai 18 pelajar daripada sebuah kelas bertahap sederhana telah terpilih dan bersetuju untuk menjadi peserta kajian ini.

3.3 Instrumen Kajian

i. Pemerhatian dan catatan refleksi

Instrumen pemerhatian dalam kajian ini digunakan untuk memerhati apa sahaja yang berlaku sepanjang kajian dijalankan. Justeru, pengkaji telah menjalankan pemerhatian secara berstruktur yang menggunakan senarai semak. Bagi memudahkan pengkaji untuk membuat catatan refleksi, pengkaji telah menggunakan kamera untuk merakam proses pembelajaran pelajar.

ii. Kuiz (ujian prakajian dan ujian pascakajian)

Dalam kajian ini, pengkaji telah memberikan kuiz sebagai ujian prakajian sebelum pelaksanaan sesi intervensi bagi memperoleh data berkaitan dengan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan peserta kajian melalui markah. Kemudian, setelah selesai sesi pengajaran intervensi, pengkaji telah memberikan satu ujian lagi sebagai ujian pascakajian kepada peserta kajian. Kedua-dua ujian set ini menggunakan soalan-soalan yang telah digunakan dalam Peperiksaan SPE. Peserta kajian dikehendaki untuk menyenaraikan tiga idea utama terhadap soalan karangan dalam masa 15 minit.

iii. Rubrik penilaian markah

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan rubrik penilaian yang diadaptasi daripada rubrik penilaian Aliamat (2017) untuk menilai markah ujian prakajian dan ujian pascakajian. Rubrik penilaian ini dijadikan sebagai pengukur keupayaan pelajar untuk mengemukakan idea-idea penyelesaian masalah. Pemarkahan rubrik penilaian bagi satu idea penyelesaian masalah adalah seperti berikut:

Jadual 2. *Rubrik penilaian kajian yang diadaptasi daripada rubrik penilaian Aliamat (2017).*

0 markah	Tidak relevan Idea atau cadangan pelajar dianggap tidak menjawab soalan yang diberikan atau tidak berkaitan langsung dengan permintaan soalan.
1 markah	Konvensional Idea atau cadangan peserta bersifat biasa.
2 markah	Idea BAHARU Idea atau cadangan peserta adalah baharu, bukan konvensional dan boleh menyelesaikan sesuatu masalah.

3.4 Penganalisisan Data Kajian

i. Kuiz (Ujian Prakajian dan Ujian Pascakajian)

Data daripada kuiz, yang terdiri daripada markah ujian prakajian dan ujian pascakajian, dianalisis dengan menggunakan ujian statistik deskriptif untuk meringkaskan data. Selanjutnya, Ujian-*t* berpasangan digunakan untuk menilai perubahan dalam markah sebelum dan selepas intervensi penerapan PBB. Analisis ujian statistik ini juga dilaksanakan dengan menggunakan perisian *JASP 0.18.2.0 (Jeffreys's Amazing Statistics Program)* dan dipilih untuk memberi gambaran tentang keberkesanan strategi pengajaran yang dilaksanakan.

ii. Pemerhatian dan Catatan Refleksi

Pengkaji telah mencatat refleksi pengajaran dan pembelajaran mengikut senarai semak pemerhatian yang dijalankan. Catatan tersebut kemudian dianalisis menggunakan analisis SWOT untuk mengenal pasti kekuatan (*strengths*), kelemahan (*weaknesses*), peluang (*opportunities*) dan ancaman (*threats*) terhadap pengajaran yang dilaksanakan. Selanjutnya, pengkaji telah menganalisis hasil daripada analisis SWOT menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti tema-tema yang menonjol.

4.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

4.1 Soalan Kajian Pertama: Adakah terdapat perbezaan min yang ketara di antara markah ujian prakajian dengan ujian pascakajian?

Analisis statistik deskriptif (rujuk Jadual 3) dan Ujian-*t* berpasangan (rujuk Jadual 4) mendedahkan terdapat peningkatan yang signifikan di antara markah ujian pascakajian ($M = 2.611$, $SD = 1.037$) dan markah ujian prakajian ($M = 1.667$, $SD = 0.594$) dan selepas pengajaran PBB dijalankan dengan nilai $t(17) = 3.449$, dan nilai $p = .003$.

Jadual 3. Rumusan Hasil Analisis Statistik Deskriptif.

Statistik Deskriptif		
	Markah Ujian Prakajian	Markah Ujian Pascakajian
<i>Valid</i>	18	18
<i>Missing</i>	0	0
<i>Mean</i>	1.667	2.611
<i>Std. Deviation</i>	0.594	1.037
<i>Minimum</i>	0.000	1.000
<i>Maximum</i>	2.000	5.000

Jadual 4. Rumusan Hasil Analisis Ujian-t berpasangan.

Ujian-t Berpasangan

Measure 1	Measure 2	t	df	p	Cohen's d	SE Cohen's d
Markah Ujian Pascakajian - Markah Ujian Prakajian		3.449	17	0.003	0.813	0.372

Dapatan kajian ini disokong oleh literatur sedia ada mengenai kemahiran menyelesaikan masalah. Antaranya seperti kajian Nebesniak (2007) yang telah mencadangkan bahawa aktiviti pembelajaran koperatif meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dan berfikir kritis. Begitu juga dengan kajian daripada Gök dan Sýlay (2010) yang menyokong bahawa interaksi sosial dan sokongan daripada rakan sebaya dalam aktiviti pembelajaran koperatif meningkatkan pemahaman dan aplikasi strategi penyelesaian masalah. Dapatan-dapatan tersebut adalah selaras dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan peningkatan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar setelah menjalani intervensi penerapan PBB dalam pembelajaran koperatif.

Tambahan lagi, dapatan ini turut disokong dengan dapatan kajian Hassan *et al.* (2011) yang mendedahkan bahawa hasil pembelajaran yang berasaskan penyelesaian masalah telah menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kemahiran menyelesaikan masalah. Begitu juga dengan dapatan kajian daripada Hidayati dan Wagiran pula (2020) yang menunjukkan peningkatan terhadap kemahiran

menyelesaikan masalah dalam setiap kitaran yang dijalankan. Dapatan-dapatan tersebut sejajar dengan dapatan dalam kajian ini, yang menunjukkan intervensi pengajaran penerapan PBB dalam aktiviti pembelajaran koperatif telah membawa kepada peningkatan yang signifikan dalam markah ujian pascakajian seperti mana yang telah dibuktikan melalui analisis Ujian-*t* berpasangan.

Selain itu, kesan positif terhadap hasil pembelajaran pelajar ini boleh dikaitkan dengan pendekatan penyoalan yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi dan pengaruh pengetahuan sedia ada. Seperti mana yang telah dijelaskan dalam kajian-kajian lepas seperti Rashid dan Qaisar (2016), Nappi (2017) dan, Novitaningrum dan Lestari (2020) yang menegaskan teknik penyoalan mempunyai peranan yang penting dalam hasil pembelajaran pelajar. Manakala pengetahuan sedia ada pelajar ini juga mempunyai pengaruh dalam hasil pembelajaran seperti yang dinyatakan oleh Diaz (2017) dan Zambrano *et al.* (2019).

4.2 Soalan Kajian Kedua: *Dengan mengenal pasti keberkesanan pengajaran PBB, bagaimanakah pelaksanaan yang boleh guru cadangkan dalam pengajaran PBB?*

Cadangan 1: Induksi Set yang Berkesan

Analisis SWOT dan tematik yang dilakukan telah menemukan kepentingan untuk melaksanakan induksi set yang sesuai dengan pengalaman pelajar, bagi menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi. Menurut Musa dan Othman (2021) induksi set merupakan tindakan awal yang penting digunakan oleh guru untuk memulakan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah yang berkesan. Guru boleh memulakan pengajaran PBB dengan induksi set yang menarik dan relevan, mencetuskan rasa ingin tahu dan minat pelajar dalam topik atau masalah yang akan mereka ceburi. Dengan mencetuskan rasa ingin tahu dan minat pelajar dari awal, guru boleh meningkatkan motivasi pelajar dan penglibatan aktif dalam aktiviti penyelesaian masalah (Singh & Manjaly, 2022).

Selain itu, induksi set kreatif mempunyai pengaruh yang signifikan dalam menarik perhatian dan menimbulkan tindak balas positif daripada pelajar terhadap arahan guru (Sandy *et al.*, 2021). Oleh itu, guru boleh mendapatkan inspirasi daripada senario kehidupan sebenar, peristiwa semasa, atau pengalaman peribadi pelajar semasa membangunkan induksi set untuk pengajaran PBB. Menurut Kyu (2018) menjadikan kandungan pelajaran relevan dengan kehidupan pelajar dengan memasukkan contoh kehidupan sebenar adalah salah satu strategi menggalakkan pelajar menjadi peserta aktif dalam proses pembelajaran. Pendekatan ini boleh memberi inspirasi kepada penglibatan pelajar dengan bahan dan menggalakkan mereka bertanya lebih banyak soalan, memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang perkara tersebut.

Cadangan 2: Penekanan pada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Aktiviti pembelajaran koperatif menawarkan platform yang ideal untuk membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar. Dengan melibatkan diri dalam tugas penyelesaian masalah secara koperatif, pelajar digalakkan untuk menganalisis maklumat secara kritis, berfikir secara kreatif, dan menilai perspektif yang berbeza (Hassan *et al.*, 2011; Kaddoura, 2013). Pemikiran jenis ini melangkaui aras mengingat dan memahami semata-mata, membolehkan pelajar memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep dan mengaplikasikannya dalam situasi kehidupan sebenar.

Sementara itu, teknik penyoalan yang berkesan dapat menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran (Nappi, 2017). Oleh itu, adalah penting bagi guru untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi melalui teknik penyoalan dan penglibatan pelajar yang aktif. Seperti mana menurut Retnawati *et al.* (2018) penggunaan kemahiran berfikir aras tinggi boleh merangsang pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah. Salah satu strategi yang dapat meningkatkan pemikiran aras tinggi pelajar adalah dengan menggabungkan teknik penyoalan strategik yang mendorong pelajar untuk mewajarkan penaaakuan mereka, menilai bukti, dan mempertimbangkan penyelesaian alternatif (Nappi, 2017; Afifah & Retnawati, 2019). Justeru, ini menunjukkan bahawa soalan-soalan utama semi berstruktur berpanduan daripada kata kunci-kata kunci PBB (rujuk Jadual 1) yang berkesan boleh merangsang pemikiran aras tinggi dan meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah.

Selain itu, guru juga boleh membimbing pelajar melalui soalan yang bersifat provokatif untuk menggalakkan pemikiran kritis dan kemahiran penghujahan, yang membawa kepada penglibatan yang lebih mendalam dengan proses penyelesaian masalah. Seperti mana menurut kajian yang dilakukan oleh Rashid dan Qaisar (2016) telah menunjukkan bahawa soalan yang bersifat provokatif mendorong pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan bilik darjah. Perkara ini juga turut disokong dengan dapatan kajian Novitaningrum dan Lestari (2020) yang menerangkan strategi penyoalan provokatif telah menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dalam bilik darjah. Ini menunjukkan bahawa penyoalan provokatif boleh menggalakkan pemikiran kritis secara berkesan dan penyertaan aktif dalam perbincangan penyelesaian masalah.

Cadangan 3: Pemodelan, Perancangan dan Maklum Balas Segera yang Berkesan

Pemodelan PBB, sama ada dilakukan oleh guru atau pelajar yang lebih berkebolehan, adalah selaras dengan teori Perantisan Kognitif daripada Collins *et al.* (1991), yang menekankan kaedah seperti pemodelan dan perancangan dalam proses pembelajaran. Teori ini mencadangkan bahawa pemodelan atau demonstrasi yang berkesan dapat memudahkan dan meningkatkan pemahaman pelajar. Tambahan lagi,

perancangan daripada guru atau pelajar yang lebih berkebolehan dapat memantapkan lagi pengaplikasian pelajar-pelajar dalam menilai cadangan penyelesaian masalah menggunakan PBB.

Sementara itu, memberikan maklum balas dengan segera melalui hasil perbincangan kumpulan membolehkan pelajar untuk menyemak semula cadangan penyelesaian yang diberikan, memperbaikinya dan meningkatkan pemahaman mereka sebelum tamat pelajaran. Perkara ini dapat menyumbang kepada kemahiran berfikir aras tinggi dan pembangunan kemahiran menyelesaikan masalah mereka seperti yang dicadangkan oleh Indriyana dan Kuswandono (2019) yang mengatakan bahawa maklum balas daripada guru kepada pelajar adalah salah satu strategi yang boleh digunakan untuk membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi dan pemikiran kritis dalam bilik darjah.

Cadangan 4: Penggunaan Bahan Pembelajaran Mengikut Kesesuaian Tahap Pelajar

Satu lagi strategi pelaksanaan yang boleh dicadangkan dalam pengajaran PBB adalah dengan menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang disesuaikan mengikut tahap pelajar. Guru dicadangkan untuk menilai keperluan individu pelajar sendiri agar dapat menyediakan bahan yang sesuai untuk menyokong pembelajaran mereka dengan mengambil kira pengetahuan dan pemahaman sedia ada mereka. Seperti mana menurut Diaz (2017) yang mengatakan bahawa pengetahuan sedia ada adalah aspek yang penting dalam pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa guru bukan sahaja harus bergantung kepada bahan pembelajaran seperti buku teks, tetapi juga harus mempertimbangkan pengetahuan dan pemahaman sedia ada pelajar semasa memilih bahan pengajaran dan pembelajaran.

Bahan pengajaran dan pembelajaran ini bolehlah terdiri daripada bahan bacaan dan jenis soalan atau tugas berkaitan dengan senario dunia sebenar yang dapat menghubungkan dengan pengetahuan sedia ada pelajar. Dengan menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang relevan dan bersesuaian dengan tahap pelajar, guru boleh membantu pelajar dalam memahami tugas menyelesaikan masalah yang diberikan, menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi, dan menggalakkan kerjasama yang lebih berkesan. Perkara ini dipersetujui oleh Zambrano *et al.* (2019) yang mencadangkan bahawa pelajar yang mempunyai pengetahuan sedia ada dalam sesuatu perkara lebih cenderung untuk mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik berbanding pelajar yang mempunyai pengetahuan terhad dalam sesuatu perkara.

5.0 Penutup

Pelaksanaan pengajaran PBB dalam kajian ini berhasil meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan peserta seperti yang dibuktikan oleh peningkatan ketara secara statistik dalam markah ujian pascakajian setelah intervensi penerapan PBB. Kajian ini juga menekankan peranan penting guru dalam menjayakan pengajaran PBB. Strategi-strategi pelaksanaan pengajaran PBB yang

dicadangkan termasuk induksi set yang berkesan dan penekanan pada kemahiran berfikir aras tinggi. Selain itu, kepentingan sokongan yang didorong oleh guru seperti pemodelan, perancangan, dan maklum balas segera yang berkesan, dan penggunaan bahan pembelajaran mengikut tahap kesesuaian tahap pelajar telah ditekankan untuk membangunkan kemahiran menyelesaikan masalah.

Sementara itu, secara teori, kajian ini dapat menyokong Teori Perantisan Kognitif (Collins *et al.*, 1991), yang menekankan kepentingan untuk memperlihatkan proses pemikiran iaitu seperti pemodelan dan demonstrasi. Peningkatan markah peserta kajian yang ketara seperti yang dibuktikan oleh analisis Ujian-*t* berpasangan mendedahkan keberkesanan PBB dalam pembelajaran karangan pendapat yang berasaskan menyelesaikan masalah.

Dari sudut praktikal pula, kesan positif penerapan PBB terhadap hasil pembelajaran dan penglibatan peserta kajian mencadangkan bahawa penerapan PBB sebagai salah satu strategi dalam pengajaran karangan pendapat yang berasaskan menyelesaikan masalah harus dipertimbangkan oleh para pendidik. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa penerapan PBB dalam aktiviti pembelajaran koperatif boleh menggalakkan pembangunan kemahiran-kemahiran sosial seperti kemahiran berkomunikasi dan kemahiran bekerjasama.

Secara kesimpulan, kajian tindakan ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu memberi gambaran tentang pengalaman guru sebagai pengkaji dalam pengajaran PBB, pengalaman dan persepsi peserta terhadap pembelajaran PBB melalui amalan refleksi yang dilakukan secara berterusan. Walaupun kajian ini telah menunjukkan keberkesanan penerapan PBB dalam meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah, dapatan kajian ini telah membuka ruang untuk banyak lagi kajian akan datang mengenai PBB. Justeru pengkaji menyarankan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan mengenai penerapan pengajaran PBB berdasarkan daripada dapatan kajian ini. Dengan adanya kajian lanjutan ini, diharapkan agar dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak termasuk para pelajar dan juga guru-guru. Beberapa cadangan untuk kajian lanjut adalah seperti berikut:

- i. Mencadangkan supaya kajian-kajian yang akan datang juga dapat meneroka persepsi dan pandangan daripada guru-guru mengenai PBB dalam pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Mencadangkan agar kajian-kajian yang akan datang agar dapat meneroka potensi penerapan PBB terhadap hasil pembelajaran dalam topik-topik yang berlainan daripada aspek penulisan karangan seperti fahaman, rumusan dan lain-lain lagi.
- iii. Mencadangkan agar kajian mengenai PBB ini juga dilaksanakan di luar subjek Bahasa Melayu dalam topik-topik yang tertentu.

Rujukan

- Afifah, I. R. N., & Retnawati, H. (2019, October). Is it difficult to teach higher order thinking skills?. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1320, No. 1, p. 012098). IOP Publishing.
- Aliamat Omar Ali. (2014). Pemerkasaan pemikiran inventif di Negara Brunei Darussalam: Satu percubaan awal pengajaran dan pembelajarannya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 416-425.
- Aliamat Omar Ali. (2017). *Penyerapan kemahiran berfikir inventif dalam pengajaran penulisan di Negara Brunei Darussalam* (Doctoral dissertation, National Institute of Education, Nanyang Technological University).
- Alias, M. A. S. I. L. A., Karim, A. A., & Iksan, Z. A. N. A. T. O. N. (2019). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kemahiran Menyelesaikan Masalah untuk Murid Sekolah Menengah Berdasarkan Model Pengukuran Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 3-19.
- Amsel, E., & Brock, S. (1996). The development of evidence evaluation skills. *Cognitive Development*, 11(4), 523-550.
- Belecina, R. R., & Ocampo, J. M. (2018). Effecting Change on Students' Critical Thinking in Problem Solving. *EDUCARE: International Journal for Educational Studies*, 10(2), 109-118.
- Burns, A. (2009). *Doing action research in English language teaching: A guide for practitioners*. Routledge.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2002). *Research methods in education*. routledge.
- Collins, A., Brown, J. S., & Holum, A. (1991). Cognitive apprenticeship: Making thinking visible. *American educator*, 15(3), 6-11.
- Diaz, K. V. L. T. (2017). Prior knowledge: Its role in learning. *University of the Philippines Los Baños. DOI*, 10.
- Fung, D., & Howe, C. (2014). Group work and the learning of critical thinking in the Hong Kong secondary liberal studies curriculum. *Cambridge Journal of Education*, 44(2), 245-270.
- Gök, T., & Sýlay, I. (2010). The effects of problem solving strategies on students' achievement, attitude and motivation. *Latin-American Journal of Physics Education*, 4(1), 2.

- Hassan, S. H. S., Mohd-Yusof, K., Abu, M. S., & Mohammad, S. (2011, June). An instrument to assess students' engineering problem solving ability in cooperative problem-based learning (CPBL). In *2011 ASEE Annual Conference & Exposition* (pp. 22-183).
- Hidayati, R. M., & Wagiran, W. (2020). Implementation of problem-based learning to improve problem-solving skills in vocational high school. *Jurnal Pendidikan Vokasi*, 10(2), 177-187.
Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan yang menunjukkan budaya dan identiti orang Melayu di Negara Brunei Darussalam. Penggunaan bahasa Melayu di negara ini adalah secara menyeluruh termasuklah dalam aspek kehidupan, sistem pendidikan dan budaya ilmu. Bagi terus memartabatkan dan mempertahankan bahasa kebangsaan ini, guru-guru di sekolah memainkan peranan yang amat penting dan terus berusaha dalam meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan murid. Namun demikian, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu turut menjadi cabaran utama dalam kalangan guru pada era globalisasi tambahan lagi dengan penggunaan bahasa Inggeris yang dilihat semakin meluas akibat pengaruh media sosial, internet dan teknologi. Sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu, beberapa program dan strategi pengajaran dan pembelajaran di bawah *School Improvement Plan* (S.I.P) telah dilaksanakan di sekolah-sekolah kerajaan di negara ini. Usaha ini bertujuan untuk menarik minat murid terhadap bahasa Melayu. Kertas kajian ini bertujuan untuk menerokai persepsi dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru di Sekolah Rendah Mabohai dalam mengimplementasikan pelan inisiatif tersebut. Lima orang guru yang terlibat dalam pengajaran subjek bahasa Melayu telah menyertai kajian ini. Perbincangan kumpulan berfokus digunakan sebagai metode untuk mengumpulkan data kajian dan hasil kajian dianalisis secara tematik. Hasil penelitian awal mendapati beberapa faktor seperti kekangan masa dalam menyediakan silibus dan strategi pengajaran, serta menepati jangkaan keberkesanan pelan merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang terlibat. Oleh itu, pihak pentadbiran perlu peka terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu akan lebih berkesan. Beberapa usaha juga dikenal pasti telah dilaksanakan bagi mengurangkan permasalahan atau cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam mengimplementasikan program pembelajaran di sekolah yang terlibat.

Kata Kunci: Bahasa Melayu, persepsi, cabaran, pengajaran dan pembelajaran, literasi, *School Improvement Plan* (S.I.P).

1.0 PENGENALAN

Pada tahun 1959, bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam (Mail, 2022). Menurut Mail (2012), bagi memartabatkan lagi penggunaan bahasa Melayu, bahasa ini dijadikan sebagai bahasa pengantar utama dalam institusi pendidikan. Beliau menambah, sejak tahun 1984, Brunei telah melaksanakan Dasar Pendidikan Dwibahasa untuk memastikan pelajar menguasai kedua-dua Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam pendidikan dengan baik.

Namun, kesan daripada globalisasi dan pandemik COVID-19, literasi Bahasa Melayu semakin menghadapi cabaran (Karim, 2022) terutama di kawasan bandar, akibat peningkatan penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian dan pendidikan. Pendedahan teknologi yang meluas juga telah menjadikan pengukuhan motivasi dan minat pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu semakin sukar (Mustaffa, 2022).

1.1 PROGRAM S.I.P LITERASI BAHASA MELAYU

Saidin dan Mohd Bukhari (2023) berpendapat bahawa setiap sekolah perlu memperkenalkan inisiatif dalam merangka program yang bersesuaian dengan keperluan murid di sekolah. Oleh itu, bermula pada tahun 2021, Sekolah Rendah Mabohai telah memilih kemahiran membaca dalam Bahasa Melayu sebagai salah satu fokus dalam program *School Improvement Plan* (S.I.P). Pemilihan fokus ini dibuat berdasarkan keputusan Bahasa Melayu dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang semakin menurun dari setahun ke setahun.

Namun pada tahun 2022, sekolah ini telah menukar fokus dalam program S.I.P iaitu kemahiran menulis ayat bagi rendah bawah dan kemahiran menulis karangan bagi rendah atas disebabkan kebanyakan murid sudah mencapai sasaran khusus bagi kemahiran membaca iaitu mencapai aras 12 dalam Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK).

Terdapat beberapa objektif utama dalam pelan tindakan S.I.P Literasi Bahasa Melayu antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Meningkatkan kemahiran menulis: Teknik SKOP (**S**ubjek, **K**ata **K**erja, **O**bjek dan **P**eluasan) bagi rendah bawah dan teknik Peta Minda bagi rendah atas.
- 2) Meningkatkan peminjaman buku Bahasa Melayu di perpustakaan.
- 3) Menjalankan aktiviti bulan bahasa Melayu.
- 4) Meningkatkan kemahiran mengajar seperti melalui kaedah penyoalan, pembelajaran teradun (*Blended Learning*) dan membuat pencerapan.
- 5) Meningkatkan penglibatan ibu bapa.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah semakin berhadapan dengan pelbagai cabaran, terutamanya dalam zaman globalisasi dan selepas pandemik Covid19 (Mustaffa, 2022). Melalui media sosial, murid terdedah kepada pelbagai jenis bahasa seperti bahasa rojak (Mohd Faizal, 2022), bahasa Inggeris dan bahasa asing yang lain. Ini menyebabkan guru-guru menghadapi kesukaran dalam memastikan pelajar menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Walaupun usaha melalui program SIP telah dilaksanakan, keputusan Bahasa Melayu masih belum menunjukkan peningkatan yang ketara terutama dalam Penilaian Rendah Bawah (PSR). Terdapat persepsi bahawa pendekatan ini tidak sepenuhnya berkesan dalam meningkatkan minat dan penguasaan pelajar terhadap subjek ini. Di samping itu, kekangan dari segi bahan pengajaran, kecenderungan murid terhadap bahasa asing serta beban tugas tambahan turut menambah cabaran dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan. Kajian ini bertujuan untuk menerokai pandangan dan persepsi serta cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan program ini dari perspektif guru di sekolah ini.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan daripada tujuan kajian ini dijalankan, kertas kerja ini akan memfokuskan kepada beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- 1) Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan program SIP literasi Bahasa Melayu di sekolah ini?
- 2) Apakah faktor yang menyumbang kepada cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengimplementasikan program SIP ini di sekolah?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Beberapa kajian terdahulu telah dijalankan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajar Bahasa Melayu di era globalisasi ini. Terdapat juga pelbagai kajian yang meneliti keberkesanan program-program pembelajaran bahasa. Namun demikian, hanya segelintir kajian yang menumpukan kepada menilai keberkesanan program dari perspektif guru, khususnya di sekolah rendah di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dalam kajian literatur. Selain itu, kajian ini diharapkan akan dapat memberi manfaat kepada pihak berkepentingan dengan menyediakan pandangan yang lebih jelas mengenai cabaran yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Melayu khususnya pihak pentadbiran sekolah, sekali gus menyokong usaha-usaha untuk memperbaiki dan memantapkan pelaksanaan program ini, demi mengurangkan beban yang dihadapi oleh para guru.

1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan tertumpu kepada topik kajian tentang persepsi dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru khususnya yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di salah sebuah sekolah rendah di negara ini. Antara batasan kajian ini adalah:

- 1) Kajian ini hanya melibatkan guru-guru dan murid di salah sebuah sekolah rendah sahaja.
- 2) Kajian hanya melibatkan subjek Bahasa Melayu sahaja.
- 3) Dapatan kajian hanya terbatas kepada sekolah ini sahaja.

Oleh yang demikian, keputusan hasil daripada penyelidikan ini tidak dapat digeneralisasikan kepada guru-guru atau sekolah yang lain sama ada sekolah-sekolah kerajaan mahupun swasta.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Guru mempunyai peranan yang sangat penting dalam melaksanakan program pembelajaran dengan berkesan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran murid. Beberapa kajian mengenai persepsi dan cabaran yang dihadapi guru dalam mengajar Bahasa Melayu telah dilaksanakan khususnya dalam kalangan pendidik sekolah rendah di negara luar. Menurut Lau *et al.* (2023), guru-guru menunjukkan persepsi yang positif terhadap pelaksanaan program yang boleh meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Penguasaan bahasa Melayu ini adalah sangat penting kerana ia bukan sahaja menunjukkan identiti bangsa, tetapi juga sebagai jati diri orang Melayu (Mail, 2022).


Walaupun kebanyakan guru-guru mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan program, tidak dinafikan guru-guru menghadapi cabaran-cabaran dalam mengimplementasikan program yang diaturkan oleh pihak sekolah. Kajian terdahulu mendapati antara cabaran yang dihadapi ialah kesediaan guru dalam mengimplementasikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Jamian & Ismail, 2013), kurang latihan profesional bagi guru menyampaikan pengajaran dengan berkesan (Hanapiah, 2023), kurang bahan pengajaran yang menarik dan inovatif (Subramaniam, t. th.), murid kurang penguasaan kosa kata menyebabkan murid lebih cenderung terhadap berbahasa asing (Karim, 2022 dan Hashim & Shawall, 2022) dan pengaruh media sosial dan teknologi maklumat (Makhtar, 2021).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa subseksyen iaitu reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan kaedah analisis data.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah multimetode yang menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini mengumpulkan data daripada temu bual terlebih dahulu melalui teknik perbincangan kumpulan fokus (FDG) untuk memahami dan mengenal pasti tema yang muncul melalui perbincangan dan temu bual tersebut, kemudian diikuti dengan data kuantitatif. Tema-tema yang diperolehi daripada data kualitatif digunakan untuk membina kaji selidik kuantitatif untuk mengukur persepsi dan cabaran guru secara luas. Reka bentuk kajian ini juga merupakan jenis kajian eksploratori mengikut Cresswell dan Plana Clark (2006) dalam Mustaqim (2016) seperti berikut:



3.2 SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian adalah terdiri daripada 5 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Mabohai, Daerah Brunei Muara. Pemilihan sampel kajian ini adalah berdasarkan tujuan kajian dibuat yang memfokuskan kepada pelaksanaan program SIP dalam literasi Bahasa Melayu. Jadual di bawah menunjukkan demografi guru-guru yang terlibat dalam kajian:

Guru	Tugas lantikan	Pengalaman mengajar	Pengalaman mengajar Bahasa Melayu
G1	Ketua Guru Subjek	11 tahun	5 tahun
G2	Guru Kelas	2 tahun	2 tahun
G3	Guru Kanan	15 tahun	3 tahun
G4	Guru Kanan	18 tahun	15 tahun
G5	Guru Kanan	23 tahun	18 tahun

JADUAL 1: Demografi guru-guru Bahasa Melayu yang terlibat dalam kajian

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual berdasarkan perbincangan kumpulan fokus (FDG) dan borang soal selidik guru. Tujuan temu bual dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengimplementasikan SIP literasi Bahasa Melayu di sekolah ini. Borang kaji selidik guru pula digunakan untuk mengukur sejauh manakah guru bersetuju terhadap item pernyataan yang dikemukakan serta memilih cabaran yang utama guru hadapi secara individu.

3.4 KAEDAH ANALISIS DATA


Data kajian dikumpul dan dianalisis seperti berikut:

Data kajian	Kaedah analisis
Kualitatif	Analisis Tematik
Kuantitatif	Deskriptif Statistik (Skor Min & Sisihan Piawai) Kekerapan & Peratusan

JADUAL 2: Kaedah analisis data mengikut jenis kajian

3.4.1 ANALISIS DATA KUALITATIF

Jadual 3 di bawah menunjukkan proses bagi analisis data kajian kuantitatif iaitu analisis secara tematik berdasarkan Braun & Clarke (2006) dalam Maguire, M., & Delahunt, B. (2017).



JADUAL 3: Enam langkah bagi proses data analisis

3.4.2 ANALISIS DATA KUANTITATIF

Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah pula merupakan jadual interpretasi min (mengikut Harun *et al.*, 2016) dan interpretasi peratus data kuantitatif (Ismail *et al.*, 2023) yang seterusnya digunakan untuk menganalisis data hasil daripada kaji selidik guru dan murid.

Skor Min	Interpretasi Skor Min
4.00 – 3.51	Tinggi
3.50 – 2.51	Sederhana
2.50 – 1.51	Rendah
1.50 – 1.00	Sangat Rendah

JADUAL 4: Interpretasi skor min

Jadual 5 di bawah menunjukkan bagaimana penginterpretasian terhadap skor peratusan dibuat dalam kajian ini yang diadaptasi dari Alias Baba (1999); Tuckman (1999); Gay & Airasian (2003) dalam Ismail *et al.* (2023).

Skor Peratusan	Interpretasi Peratusan
75% - 100%	Tinggi
50% - 74%	Sederhana
0% - 49%	Rendah

JADUAL 5: Interpretasi skor peratusan tinggi, sederhana dan rendah

4.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN


Hasil kajian daripada sesi temu bual dan kaji selidik akan dianalisis dan disusun mengikut dua persoalan kajian yang dinyatakan bagi memastikan analisis ini lebih terarah dan dapat menjawab persoalan yang dikemukakan.

4.1 PERSOALAN KAJIAN 1: APAKAH PERSEPSI GURU TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM S.I.P BAHASA MELAYU?

Bahagian ini akan membincangkan tema utama yang muncul dari temu bual bersama guru dan dapatan data kuantitatif akan digunakan untuk triangulasi data yang diperolehi daripada temu bual tersebut.

4.1.1 PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS (FDG) BERSAMA GURU

Hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama guru, didapati bahawa setiap guru mempunyai persepsi yang berbeza mengenai pelaksanaan program S.I.P Bahasa Melayu ini.



JADUAL 6: Tema dikenal pasti daripada temu bual bersama guru

Jadual 6 di atas menunjukkan tema yang muncul daripada temu bual yang dijalankan melalui metode perbincangan kumpulan fokus (FGD) yang bertujuan untuk memahami persepsi guru terhadap pelaksanaan program S.I.P Bahasa Melayu.

Data kualitatif ini mengemukakan beberapa tema yang telah muncul dalam sesi temu bual tersebut yang akan dibincangkan seperti berikut:

- (1) kesesuaian program
- (2) penglibatan murid
- (3) pengalaman dan kecekapan guru
- (4) keberkesanan program

4.1.2 KAJI SELIDIK GURU

Jadual 7 di bawah merupakan data yang dikumpulkan untuk mengukur persepsi guru dalam melaksanakan program SIP Literasi Bahasa Melayu dan sejauh mana guru bersetuju terhadap pernyataan yang dikemukakan.

ITEM (PERSEPSI GURU)	KOD	MIN	SISIHAN PIAWAI	INTPRETASI MIN
(a) Saya bermotivasi mengajar Bahasa Melayu.	P3	3.4	0.55	Tinggi
(b) Saya yakin Program SIP dapat meningkatkan kefahaman dan penguasaan Bahasa Melayu.	P3	3.2	0.45	Tinggi
(c) Program SIP ini sesuai untuk peringkat pembelajaran murid.	P1	3.4	0.55	Tinggi
(d) Program SIP ini berjaya menarik minat murid untuk belajar Bahasa Melayu.	P2	2.8	0.84	Sederhana
(e) Teknik SKOP dapat meningkatkan penulisan ayat dalam kalangan murid.	P4	3.4	0.55	Tinggi
(f) Teknik Peta Minda dapat meningkatkan kemahiran membuat karangan.	P4	2.8	0.84	Sederhana
(g) Guru yang berpengalaman lebih mahir mengajar Bahasa Melayu.	P3	3.8	0.45	Tinggi
(h) Latihan/ PD adalah mencukupi untuk memastikan keberkesanan program ini.	P3	2.0	0.00	Sangat rendah

JADUAL 7: Dapatan kaji selidik mengenai persepsi dan pandangan guru

Persepsi 1: Kesesuaian program

Kesemua peserta kajian bersetuju mengatakan bahawa program S.I.P ini adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan murid. Ini dapat dilihat melalui Item (c) dalam statistik deskriptif Jadual 7 yang menunjukkan skor min yang tinggi ($M = 3.4$, $SD = 0.55$).

Salah seorang guru mengatakan:

“ ... Teknik pengajaran dalam SIP ini memang lah. Teknik SKOP sesuai untuk murid rendah bawah untuk membina ayat, kalau teknik Peta Minda sesuai untuk rendah atas membuat karangan...”

“... ia (teknik SKOP dan Peta Minda) sesuai sebab memang dibuat dalam pengajaran contoh waktu tatabahasa dan karangan...”

Persepsi guru terhadap program ini adalah bertepatan dengan pendapat Othman & Othman (2012) yang berpendapat bahawa penggunaan peta minda dalam penulisan karangan adalah lebih menarik dan dapat memberikan ruang kepada murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Manakala hasil teknik SKOP pula, menurut guru-guru, merupakan cara mudah untuk membina ayat dan sesuai untuk murid rendah bawah yang sedang belajar untuk membina ayat secara berstruktur.

Persepsi 2: Penglibatan murid

Hasil daripada temu bual yang dijalankan, kajian mendapati guru memiliki persepsi bahawa penglibatan murid secara berterusan boleh menarik minat mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu melalui aktiviti-aktiviti yang disediakan dalam program SIP ini. Seorang guru mengongsikan pendapatnya:

“... Murid suka tu kalau ada aktiviti-aktiviti terutamanya yang ada hadiah. Ramai lah tu yang ikut serta. Kadang-kadang nda disangka jua melihat murid ini ada yang berbakat jua contohnya dalam aktiviti bercerita atau membaca buku cerita...”

Walau bagaimanapun, data kuantitatif dalam Jadual 7 Item (d) menunjukkan beberapa guru berpendapat bahawa program SIP ini hanya memberikan impak yang sederhana terhadap penglibatan murid terutama murid rendah atas ($M = 2.8$, $SD = 0.84$). Salah seorang guru rendah atas mengatakan,

“... Kalau rendah atas, murid kurang melibatkan diri dalam pertandingan bagi subjek Bahasa Melayu...”

Data kajian menunjukkan murid-murid rendah bawah lebih aktif melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan berbanding murid rendah atas. Ini bermakna guru-guru perlu mempelbagaikan jenis aktiviti yang dijalankan mengikut kesukaan atau kebolehan murid yang berlainan aras dan peringkat umur bagi menarik minat semua murid dan meningkatkan motivasi mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu (Jia Chzin dan Surat, 2021).

Persepsi 3: Pengalaman dan kecekapan guru

Kajian ini mendapati walaupun semua guru mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan program S.I.P ini, tidak dinafikan bahawa guru yang berpengalaman mengajar adalah lebih berkeyakinan dalam menyampaikan pengajaran Bahasa Melayu berbanding dengan guru novis (mengajar kurang daripada lima tahun) terutama dalam mengajar karangan. Dapatan ini selari dengan data kuantitatif (Jadual 7) yang menunjukkan skor min tertinggi iaitu 3.8 (SD = 0.45) bagi Item (g) iaitu

“Guru berpengalaman lebih mahir mengajar Bahasa Melayu”.

Terdapat seramai 3 orang guru yang hanya memiliki pengalaman mengajar Bahasa Melayu kurang daripada 5 tahun. Antara mereka mengongsikan pendapatnya:

“... baru 2 tahun mengajar Bahasa Melayu. I just go with the flow.. Kadang-kadang berfikir, apa lagi cara kan membagi pandai murid...”

Seorang guru perempuan menambah, *“... kalau rendah bawah okay sikit, kalau rendah atas tidak yakin...”*

Perkara seperti ini boleh menyebabkan guru berasa kurang berkeyakinan untuk menyampaikan pengajaran dengan baik (Johari *et al.*, 2009) terutama jika berhadapan dengan murid yang lemah. Guru-guru di sekolah ini juga mempunyai persepsi bahawa hanya guru yang berpengalaman dapat menjalankan pengajaran dengan lebih berkesan. Bertepatan dengan dapatan dari hasil kaji selidik yang dijalankan, kesemua guru (100%) berasa latihan yang diberikan kepada guru untuk menjalankan program ini adalah tidak mencukupi untuk memastikan keberkesanannya (rujuk Jadual 7, Item (h)).

Persepsi 4: Keberkesanan program

Data kualitatif ini mendapati guru-guru bersetuju bahawa teknik pengajaran dalam Program SIP ini dapat membantu meningkatkan kefahaman dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Dapatan ini bertepatan dengan data kualitatif dalam Jadual 7 Item (b) menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 3.2 (SD = 0.45).

Guru-guru juga berpendapat bahawa teknik SKOP yang dijalankan dalam program SIP memberikan impak yang positif terhadap pembelajaran murid dengan mendapat skor min yang tinggi $M = 3.4$ ($SD = 0.55$) dalam Jadual 7 bagi Item (e). Seorang guru rendah bawah mengatakan:

“... teknik SKOP ini bagus untuk murid belajar membina dan menyusun ayat, jadi murid boleh belajar membina ayat mudah...”

Manakala bagi teknik Peta Minda pula, berdasarkan jawapan guru rendah atas, hanya murid berkebolehan tinggi dapat menggunakan teknik Peta Minda dengan baik. Guru rendah atas berpendapat:

“... Murid yang pandai itu okaylah.. boleh mengikuti tu teknik Peta Minda. Tapi kalau murid yang lemah mesti jua dibantu, kadang-kadang dibagi jawapan tu dan mesti ada input dari guru..”

Seorang lagi guru menambah,


“... Apatah lagi murid dari kelas MA/LA (murid kebolehan sederhana dan lemah), murid masih lemah membina ayat. Ayatnya ayat songsang, bahasa yang digunakan campur-campur..”

Hasil daripada temu bual mendapati teknik pengajaran SKOP dan Peta Minda dapat diterima dengan baik oleh murid yang berkebolehan tinggi. Namun, murid yang berkebolehan rendah perlu dibimbing dan belum dapat mengikuti teknik Peta Minda dengan baik kerana belum mahir menguasai kemahiran membina ayat, mengembangkan ayat dan idea di dalam karangan. Ini menyebabkan beberapa orang guru kurang bersetuju terhadap pernyataan dalam Item (f) yang mendapat skor min sederhana iaitu $M = 2.8$ ($SD = 0.84$) yang menunjukkan teknik Peta Minda ini hanya memberikan impak sederhana terhadap penglibatan dan pembelajaran murid.

4.2 PERSOALAN KAJIAN 2: APAKAH FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA CABARAN YANG DIHADAPI OLEH GURU DALAM MENGIMPLEMENTASIKAN PROGRAM SIP INI DI SEKOLAH?

Bahagian ini seterusnya akan membincangkan tema yang diketengahkan mengenai cabaran yang dihadapi oleh guru melalui temu bual yang dijalankan. Kaji selidik guru akan digunakan untuk tujuan triangulasi data dan mengenal pasti cabaran utama pilihan guru secara individu.

4.2.1 PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS (FDG) BERSAMA GURU



JADUAL 8: Tema dikenal pasti daripada temu bual bersama guru

Jadual 8 di atas menunjukkan tema yang muncul hasil daripada perbincangan kumpulan fokus (FDG) bersama guru bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan program SIP literasi Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Mabohai. Terdapat 4 faktor yang jelas muncul dari temu bual dan perbincangan tersebut seperti berikut:

- (1) kekangan masa
- (2) kekurangan sumber dan bahan pengajaran
- (3) tekanan untuk memenuhi jangkaan
- (4) kecenderungan murid berbahasa Inggeris.

4.2.2 KAJI SELIDIK GURU

Jadual 9 di bawah menunjukkan dapatan kaji selidik bagi guru-guru Bahasa Melayu yang digunakan untuk triangulasi dapatan data kualitatif di atas. Guru-guru dikehendaki untuk memilih cabaran utama berdasarkan apa yang dihadapi oleh guru-guru secara individu. Keputusan pilihan dalam kaji selidik di bawah telah disusun dari yang tertinggi hingga paling rendah.

ITEM (CABARAN UTAMA)	NOMBOR (#)	PERATUS (%)
(a) Bebanan kerja banyak, sukar untuk fokus mengajar.	4	80%
(b) Murid terpengaruh dengan media sosial.	4	80%
(c) Murid cenderung berbahasa Inggeris.	4	80%
(d) Latihan/ PD guru tidak mencukupi untuk memastikan keberkesanan program SIP.	4	80%
(e) Tekanan untuk memenuhi jangkaan keberkesanan program.	3	60%
(f) Kurang bahan pengajaran.	3	60%
(g) Kurang menggunakan alat inovasi di dalam kelas.	2	40%
(h) Kekangan masa untuk mengajar Bahasa Melayu – <i>period</i> tidak mencukupi.	1	20%
(i) Murid tidak minat belajar Bahasa Melayu.	1	20%
(j) Pihak pentadbiran tidak menyediakan sokongan yang mencukupi dari segi sumber pembelajaran dan teknologi.	1	20%
(k) Kaedah pengajaran dalam SIP tidak tersusun.	1	20%
(l) Guru tidak mahir berbahasa Melayu Standard.	0	0%

JADUAL 9: Bilangan dan peratus guru memilih cabaran utama secara individu

Cabaran 1: Kekangan masa

Berdasarkan daripada dapatan yang diperolehi, kekangan masa merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada cabaran guru mengimplementasikan program SIP Bahasa Melayu dengan berkesan (Jadual 9). Seramai 80% daripada guru memilih Item (a) yang mengatakan bebanan kerja lain selain mengajar menghalang guru untuk fokus terhadap pengajaran.

Terdapat pelbagai faktor lain yang dikenal pasti yang dapat dikategorikan di bawah tema ini seperti pengurusan masa dalam menyediakan perancangan serta bahan pengajaran, membuat perjumpaan untuk perkembangan profesional dan mengejar silibus yang tertinggal.

Seorang guru mengongsikan:

“... kadang-kadang LP tidak dapat dibuat on time sebab banyak kan di marking, buat reflection lagi.. Kelas Bahasa Melayu ani setiap hari, jadinya sebelum masuk kelas mesti jua pastikan buku murid sudah disemak... tambahan lagi kalau ada membuat kerja-kerja lain selain mengajar.. mengambil masa menyemak kerja murid tu”

Selain itu, salah seorang guru kanan menambah kekangan masa ini juga termasuklah menyediakan aktiviti pembelajaran yang bersesuaian mengikut kebolehan murid yang berbeza di dalam kelas. Beliau mengatakan,

“... banyak kan di prepare kalau membuat aktiviti mengikut tahap kebolehan (differentiation). Mencari latihan yang sesuai dengan murid.. jadi ia mengambil masa yang lama untuk prepare satu lesson...”

Bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Letchumanan & Che Rose (2021) yang berpendapat kekangan masa merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan program sekolah yang berkesan. Oleh demikian, dalam memastikan keberkesanan program ini, guru perlulah membuat persediaan awal dan lebih cekap dalam menyusun aktiviti dan menyediakan bahan pengajaran.

Cabaran 2: Kekurangan sumber dan bahan pengajaran

Cabaran yang dikenal pasti seterusnya ialah kekurangan sumber dan bahan pengajaran. Sebanyak 60% daripada guru memilih kekurangan bahan pengajaran (rujuk Jadual 9) sebagai salah satu cabaran utama yang mengganggu pelaksanaan program SIP ini dengan berkesan. Kekurangan terhadap sumber dan bahan pengajaran ini akan menjejaskan keberkesanan program yang dijalankan. Abd Samad *et al.* (2017) berpendapat sumber dan bahan pengajaran berkualiti akan dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan di samping dapat membantu meningkatkan pemahaman dan menarik minat murid dalam pembelajaran.

Sumber dan bahan yang dimaksudkan di sini adalah seperti nota-nota Bahasa Melayu, latihan yang relevan dengan sukatan pelajaran, buku teks yang tidak selaras dengan buku tulis (*workbook*), alatan pengajaran serta kekurangan tenaga pengajar yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.

Beberapa orang guru mengongsikan pandangan mereka:

“... Teks book dan workbook buku Bahasa Melayu yang disediakan tidak selaras, mungkin perlu di revise lagi. Confuse cikgu.. Nota untuk dijadikan rujukan tidak ada, jadinya nota perlu dibuat sendiri...”

“... Kalau kan membagi latihan kepada murid, mesti dicari melalui internet. Atau pun ada yang tidak berkenaan dan perlu diubah suai sebab lebih banyak dalam bahasa Inggeris.”

“... kami kekurangan guru Bahasa Melayu. Kalau boleh setiap level, seorang guru mengajar jadi boleh fokus mengajar. Since ada masih murid yang belum mahir membaca, lebih baik sekiranya ada guru yang dapat pull out macam subjek English...”

Cabaran 3: Tekanan untuk memenuhi jangkaan

Lim & Abd Rashid (2002) berpendapat pelaksanaan pelbagai reformasi bagi mencapai matlamat pendidikan menjadikan peranan guru lebih mencabar dan jika tidak ditangani dengan baik akan menjadikan tekanan kepada guru. Melalui temu bual dan kaji selidik yang dijalankan kepada guru, didapati seramai 3 orang guru (60%) memilih tekanan untuk memenuhi jangkaan sekolah sebagai salah satu cabaran utama yang mereka hadapi dalam melaksanakan program SIP ini dengan berkesan (Jadual 9, Item (3)).

Salah seorang guru mengatakan:

“... guru ani sedaya upaya sudah memikirkan cemana mengajar... Kalau nda mencapai target, kami yang bertanggungjawab tu...”

Manakala guru rendah atas dan HOD Bahasa Melayu mengongsikan kebimbangannya untuk mencapai sasaran PSR bagi subjek Bahasa Melayu dan mengekalkan keputusan yang baik dengan mengatakan,

“... result PSR kitani tinggi, mesti di maintain tu.. yatah pressure...”

“... as HOD, aku memikirkan cemana boleh English dapat result tinggi atu.. kenapa nda BM? Kadang-kadang di rumah pun berfikir tu apa lagi teknik untuk mengajar murid..”

Kamarudin & Taat (2020) berpendapat tekanan kerja sememangnya wujud dalam persekitaran kerja termasuklah di sekolah. Justeru itu warga pendidik perlu berganding bahu dalam menangani segala permasalahan yang berlaku agar tidak memberikan kesan yang negatif terhadap mutu pengajaran guru.

Cabaran 4: Kecenderungan murid berbahasa Inggeris

Menurut guru-guru, kecenderungan murid terhadap bahasa Inggeris merupakan faktor yang menyebabkan murid tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik. Melalui data kuantitatif dalam Jadual 9, seramai 80% guru memilih cabaran ini sebagai cabaran utama mereka melaksanakan program SIP dengan berkesan. Guru-guru juga mengatakan bahawa latar belakang ibu bapa murid dan pengaruh media sosial memberikan kesan kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Guru-guru memberikan pendapat seperti berikut:

“... di sekolah ani murid mostly bercakap English dengan kawan-kawan even murid yang LA (low ability) ...”

“... murid ani terdedah kepada media sosial jua. Banyaknya cerita/ movie ani dalam bahasa English...”

“... bahasa digunakan dalam penulisan pun banyak songsang, campur-campur bahasa Melayu, Bahasa Indonesia, bahasa pasar dan bahasa English...”

Apabila ditanya pendapat guru mengenai keputusan murid yang mencapai keputusan yang lebih baik dalam bahasa Inggeris, guru berpendapat:

“... mungkin sebab kalau bahasa Inggeris ada satu saja.. tapi kalau bahasa Melayu ada macam-macam jenis... ada bahasa Brunei, bahasa Standard, bahasa Indonesia, bahasa pasar. Lagipun bahasa Melayu ani banyak peraturannya daripada bahasa Inggeris...”

Dapatan ini bertepatan dengan kajian Hedzir *et al.* (2022) yang mengatakan bahawa latar belakang ibu bapa dan kecenderungan terhadap berbahasa Inggeris boleh mempengaruhi pembelajaran murid dalam subjek Bahasa Melayu. Mohd Faizal (2022) juga berpendapat bahawa bahasa yang digunakan dalam media sosial menyebabkan percampuran bahasa dan memberikan impak negatif terhadap penguasaan Bahasa Melayu.

5.0 KESIMPULAN & IMPLIKASI KAJIAN

Bahagian ini akan menyimpulkan hasil dapatan kajian dan implikasinya terhadap pihak-pihak yang berkenaan terutama pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru.

Secara keseluruhan, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti apakah persepsi guru dalam melaksanakan program SIP Literasi Bahasa Melayu dan faktor yang menyumbang terhadap cabaran yang dihadapi oleh guru. Kajian ini mendapati bahawa guru-guru mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan program ini. Namun demikian, data kuantitatif menunjukkan beberapa perkara seperti penglibatan murid dan pengajaran teknik Peta Minda dalam program ini hanya memberikan impak yang sederhana. Manakala cabaran utama yang dihadapi oleh guru yang dikenal pasti melalui kajian ini ialah

seperti; kekangan masa dalam membuat penyediaan pengajaran yang berkualiti atau menghadiri perkembangan profesional, kurang bahan pengajaran yang relevan dan menarik, tekanan bagi memenuhi jangkaan program serta kecenderungan murid terhadap bahasa Inggeris. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan beberapa penyelesaian khususnya bagi pentadbiran sekolah dan guru-guru dalam mengurangkan permasalahan yang dihadapi oleh guru.

Sebagai cadangan kepada pentadbiran sekolah, adalah amat penting untuk mengongsikan visi dan misi sekolah dan kementerian pendidikan kepada guru-guru agar matlamat pendidikan dapat dicapai secara optima (Calam, Marhamah & Nazaruddin, 2020). Selain itu, pentadbiran sekolah perlu menyediakan platform untuk kolaborasi antara guru-guru termasuk guru-guru di luar sekolah. Ini bertujuan agar guru-guru dapat berkongsi pendapat dan idea dalam menangani masalah yang timbul yang memfokuskan kepada kaedah pengajaran Bahasa Melayu (Mat Said *et al.*, 2023). Cadangan seterusnya adalah menyediakan slot atau waktu khusus bagi guru-guru Bahasa Melayu di sekolah membuat *Professional Learning Community* (PLC) sebagai pembangunan kompetensi dan profesional guru untuk bertukar-tukar pandangan, berbincang mengenai strategi pengajaran dan membuat refleksi terhadap pengajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, pihak pentadbiran juga perlu memanfaatkan tenaga pengajar yang ada agar dapat memberi perhatian kepada murid yang berkebolehan rendah dalam subjek Bahasa Melayu. Sokongan daripada pihak pentadbiran ini sangat penting kerana ia dapat meningkatkan motivasi, prestasi dan produktiviti seorang guru (Mat Lazin, 2021).

Seterusnya adalah cadangan khusus bagi guru-guru. Guru-guru disarankan untuk memanfaatkan waktu PLC secara efektif. Melalui PLC ini guru-guru boleh berbincang mengenai strategi pengajaran, berkongsi bahan pengajaran serta mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh murid khususnya dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, guru-guru juga perlu lebih proaktif untuk mengikuti dan menghadiri bengkel yang memfokuskan kepada teknik pengajaran yang berkesan dalam mengajar subjek Bahasa Melayu. Ini adalah kerana keberkesanan pengajaran juga bergantung kepada kebolehan guru menggunakan kemahiran mengajar yang sesuai dengan pelajar (Mamat *et al.*, 2021) sekali gus dapat meningkatkan keyakinan guru dalam pengajaran. Selain itu, guru-guru juga disarankan untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran murid melalui aktiviti kelas mahupun ekstra kurikulum. Mengikut Abd. Halim & Yunus (2020) penglibatan ibu bapa ini bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian murid malahan juga membantu murid membina keyakinan dan jati diri yang kuat.

Justeru itu, setiap pihak memainkan peranan yang penting untuk mengurangkan atau menyelesaikan cabaran-cabaran yang dihadapi melalui kerjasama daripada semua pihak. Dengan cara ini, program pembelajaran akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan matlamat pendidikan akan dapat direalisasikan dengan baik.

Rujukan

- Abd. Halim, P. & Yunus, F. (2020) "Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Kanak-Kanak Di Prasekolah, *CAPEU Journal Of Education*, 1(2), pp. 56 – 63. Didapati melalui: <https://ejournal.upi.edu/index.php/APCER/article/view/31845/pdf> [Diakses pada: 9 September 2024].
- Abd Samad, N., Wan Ahmad, W. M. R., Harun, H., Amiruddin, M. H., Hashim, S. & Ja'apar, F. (2018) "Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners*. 9 September. Diakses melalui: <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4808> [Diakses pada: 9 September 2024].
- Calam, A., Marhamah, A. & Nazaruddin, I. (2020) "Reformulasi visi, misi dan tujuan sekolah", *Jurnal Pendidikan dan Kaunseling*, 10(2) ISSN 2686-2859. Didapati melalui: <https://jurnal.uinsu.ac.id/index.php/al-irsyad/article/view/8526/3930> [Diakses pada: 25 September 2024].
- Hamzah, A. (2004) "Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya", *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), pp. 1 – 10. Didapati melalui: <https://jpmm.um.edu.my/index.php/JPMM/article/view/32755> [Diakses pada 1 Oktober 2024].
- Hanapiah, N. (2023) "Cabaran Pelaksanaan Didik Hibur oleh Guru bagi Pengajaran Simpulan Bahasa dalam kalangan Murid Sekolah Rendah", *LSP International Journal*, 10(2) E-ISSN 2601-002X, pp. 61 – 78. Didapati melalui: DOI: <https://doi.org/10.11113/lspi.v10.20238> [Diakses pada: 2 Oktober 2024].
- Harun, M. A., Hamid, Z. & Abd. Wahab, K. (2016) "Melahirkan warga yang berketerampilan bahasa: Kajian hubungan antara pengetahuan dengan amalan komunikatif dalam kalangan guru Bahasa Melayu, "GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 12", Issue 9 ISSN 2180-249112, pp. 32 - 45. Didapati melalui: <https://journalarticle.ukm.my/10574/1/4x.geografia-jul16-zulkifley-edam%20%281%29.pdf> [Diakses pada 15 September 2024].
- Hashim, N. S. & Shawall, S. N. A. (2022) "Meningkatkan Motivasi Dan Prestasi Pelajar Dalam Penggunaan Bahasa Melayu Melalui Teknik Drama", *Seminar Bahasa Melayu 2022*. Didapati melalui: <https://mlcs.moe.edu.sg/files/18.pdf> [Diakses pada: 25 September 2024]
- Hedzir, N. A., Muling, H. & Sembai Aban Abdullah, S. A. (2022) "Minat dan Persepsi Murid Melayu daripada Keluarga Sosioekonomi Tinggi di Sebuah Sekolah Antarabangsa Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu",

Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 12(2), pp. 94 – 101. Didapati melalui: <https://journalarticle.ukm.my/19983/1/315-596-1-SM.pdf> [Diakses pada: 10 September 2024].

Ismail, M. S., Yahya, N., Shafie, A. B., Shuhari, M. H., Md. Zain, A. D., Rozali, M. H., Wahab, M. R. & Mohamad Yusof, S. H. (2023) “Wabak Pandemik Covid 19 Implikasinya Terhadap Kesihatan Mental Dan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Unisza [Implications Of The Pandemic Covid 19 On Mental And Emotional Health Among Unisza Students]”, *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(2), pp. 68–83. Didapati melalui: <https://journal.unisza.edu.my/inspire/index.php/inspire/article/view/35> [Diakses pada: 5 Oktober 2024].

Jamain, N., Yahya, S. R. & Hussin, M. S. H. (2022) “Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaya”, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2) ISSN: 2180-4842, pp. 125 – 134. Didapati melalui: <https://journalarticle.ukm.my/19986/1/318-602-1-SM.pdf> [Diakses pada: 5 Oktober 2024].

Jamian, A. R. & Ismail, H. (2013) “Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu”, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2) ISSN: 2180-4842, pp. 49 – 63. Didapati melalui: https://journalarticle.ukm.my/6749/1/49-63_Rasid.UPM.pdf [Diakses pada: 2 Oktober 2024].

Jia Chzin, D. and Surat, S. (2021) “Sorotan Literatur Bersistematik : Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), pp. 137 - 157. doi: 10.47405/mjssh.v6i12.1210. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1210>

Johari, K., Ismail, Z., Osman, S., Othman, A.T. (2009) “Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah (The Influence of Teacher Training and Teaching Experience on Secondary School Teacher Efficacy)”, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), pp. 3 – 14 http://www.ukm.edu.my/jurfpemd/journal/vol%2034_2%202009/pdf/Bab%201.pdf [Diakses pada 10 September 2024].

Kamarudin, S. & Taat, M. S. (2020) “Pengaruh Faktor-faktor Tekanan Kerja dalam kalangan Guru di Sekolah Menengah: Satu Analisis Persamaan Struktur (SEM-PLS)”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11) E-ISSN : 2504-8562, pp. 104 – 115. Didapati melalui: DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.544> [Diakses pada: 15 September 2024].

Karim, N. S. (2022) “Isu dan Cabaran Bahasa Melayu Abad Ke-21 – “Sudut Pandangan Malaysia –“, *Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu: Mengangkat Bahasa Melayu sebagai Bahasa ASEAN dan Antarabangsa*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Didapati melalui: <https://anyflip.com/gnuky/ctdn/basic/151-200> [Diakses pada: 2 Oktober 2024].

Lau, L. L., Rahisin, H., Chan, A. K. & Kong, V. S. H. (2023) “Persepsi guru bahasa melayu di sekolah rendah terhadap standard guru Malaysia 2.0”, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ; Malay Language Education (MyLEJ)*, 13(2) ISSN 2180-4842, pp. 108 – 118. Didapati melalui: <https://journalarticle.ukm.my/23383/> [Diakses pada 2 Oktober 2024]

Letchumanan, K. & Che Rose, R. A. (2021) “Cabaran dan isu yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Sekolah Lestari di Malaysia”, *Gorfrafia malaysia Journal of Society and Space*, 17(1) ISSN 2180-2491, pp. 238 – 254. <https://journalarticle.ukm.my/16448/> [Diakses pada 10 September 2024].

Lim, K. C. & Abd Rashid, S. (2002) “Persekitaran Kerja Dan 'Burnout' Di Kalangan Guru Pendidikan Jasmani Dan Sukan”, *Jurnai Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 18. Didapati melalui: http://apjee.usm.my/JPP_18_2003/Jilid%2018%20Artikel%2007.pdf [Diakses pada: 5 September 2024].

Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing a Thematic Analysis A Practical, Step-by-Step Guide for Learning and Teaching Scholars, *AISHE-J*, 9(3). Didapati melalui: <https://ojs.aishe.org/index.php/aishe-j/article/view/335> [Diakses pada: 5 Oktober 2024].

Mail, A. (2012) “*Pendaulatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi di Negara Brunei Darussalam*”. Didapati melalui: https://www.researchgate.net/publication/313179870_Pendaulatan_Bahasa_Melayu_sebagai_Bahasa_Rasmi_di_Negara_Brunei_Darussalam [Diakses pada: 2 Oktober 2024].

Mail, A. (2022) “Dasar-dasar Pendidikan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam: Isu Pengukuhan Bahasa Melayu”, *Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu: Mengangkat Bahasa Melayu sebagai Bahasa ASEAN dan Antarabangsa*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Didapati melalui: <https://anyflip.com/gnuky/ctdn/basic/151-200> [Diakses pada: 2 Oktober 2024].

Makhtar, N. Z. (2021) “*Isu Dan Cabaran Bahasa Melayu di Malaysia dan Peringkat Antarabangsa*”. Didapati melalui: <https://anyflip.com/yfzxt/jnef/basic> [Diakses pada: 2 Oktober 2024].

Mamat, S., Kamaruddin, A. Y., Mohd Al-Fatah, S. N. K. & Manggang, M. C. F. (2021) “Permasalahan, Cabaran dan Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Penulisan Karangan Pelajar Sekolah Menengah”, *International Journal of Education and Training (InjET)*, 7 (Isu Khas) eISSN: 2462-2079. Didapati melalui: [http://www.injet.upm.edu.my/images/volume/isukhas7okt_2021/Permasalahan,%20Cabaran%20dan%20Amalan%20Pengajaran%20Guru%20dalam%20Pengajaran%20dan%20Pemudahcaraan%20\(PdPc\)%20Penulisan%20Karangan%20Pelajar%20Sekolah%20Menengah.pdf](http://www.injet.upm.edu.my/images/volume/isukhas7okt_2021/Permasalahan,%20Cabaran%20dan%20Amalan%20Pengajaran%20Guru%20dalam%20Pengajaran%20dan%20Pemudahcaraan%20(PdPc)%20Penulisan%20Karangan%20Pelajar%20Sekolah%20Menengah.pdf) [Diakses pada: 20 September 2024].

Mat Lazin, M. F., Mohd. Nor, H., Muhamad Saleh, N. H. (2021) “Hubungan Antara Sumber Tekanan Dan Tahap Tekanan Psikologi Dalam Kalangan Kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Sepang Sepanjang Pandemik Covid-19”, *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(6) ISSN: 1823-884x, pp. 72 – 84. Didapati melalui: <https://journalarticle.ukm.my/17998/1/50410-164284-1-SM.pdf> [Diakses pada: 2 Oktober 2024].

Mat Said, A. R., Che Omar, M., Omar, N. & Ghazali, M. A. (2023) “Meningkatkan Pembangunan Profesional dan Kompetensi Guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu Analisis Kritis”, *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 3(1), pp. 63 – 71. Didapati melalui: <https://jurnal.nun-g.com/index.php/germane/article/view/13/13> [Diakses pada: 12 September 2024].

Mohd Faizal, N. A., Abdullah Safarizal, N. E. & Mohd Rusli, N. F. (2022) “Penggunaan Bahasa Rancu Dalam Medium Twitter Oleh Generasi Z”, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), pp. 19 – 28. Didapati melalui: <https://journalarticle.ukm.my/19106/1/301-571-1-SM.pdf> [Diakses pada: 10 September 2024].

Mustaffa, N. (2022) “Cabaran Bahasa Melayu Dalam Era Globalisasi”, *Conference: 5th National Pre-University Seminar 2021*, https://www.researchgate.net/publication/360723497_CABARAN_BAHASA_MELAYU_DALAM_ERA_GL_OBALISASI [Diakses pada 1 September 2024].

Mustaqim. (2016) “Metode Penelitian Gabungan Kuantitatif Kualitatif / Mixed Methods Suatu Pendekatan Alternatif”, *Jurnal Intelegensia*, E-ISSN: 2549 – 2632, Vol. 4, No. 1 (2016). Didapati melalui: <https://ejournal.unisnu.ac.id/JI/article/view/1351/1354> [Diakses pada 15 September 2024].

Othman, Y. & Othman. A, (2012) “Keberkesanan Penggunaan Peta Minda Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Karangan Argumentatif Di Sebuah Sekolah Menengah Arab Di Negara Brunei Darussalam”, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 2(2) ISSN: 2180-4842, pp. 32 – 45. Didapati melalui: <https://journalarticle.ukm.my/5718/1/32-45%2520Yahya%2520et%2520al.UBD.pdf>

Sa'aban, S. & Abdul Ghani, M. F. (2017) "Pelaksanaan Program I-Think Di Sekolah- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Satu Kajian Awal", *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1). Didapati melalui: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8454> [Diakses pada: 5 September 2024].

Saidin, N. F. & Mohd Bukhari, N. A. (2023) "Faktor Keciciran Murid-Murid Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah Di Malaysia", *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS*, 34(1), pp. 26 – 48. Didapati melalui: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/43357/15609> [Diakses pada: 25 September 2024]

Subramaniam, V. (t. th.) "*Mengajar Bahasa Melayu kepada Pelajar Bukan Penutur Jati*". Didapati melalui: <https://mlcs.moe.edu.sg/files/ucaptama-2---prof-vijayaletchumy.pdf> [Diakses pada: 2 Oktober 2024].

Enhancing Learning using Animaker: A Study on Students' Views in Melayu Islam Beraja Subject on Topic '*Menghormati Ibubapa*'

Abdul Hafiz bin Haji Asli

Sekolah Rendah Labu Estate

abdulhafiz.hjasli@teacher.srlabuestate.edu.moe.bn

ABSTRACT

This research aims to obtain student perspectives on the use of Animaker as a school-based project in the Melayu Islam Beraja (MIB) subject, specifically focusing on the topic "*Menghormati Ibubapa*". With the increasing integration of technology in education, it is essential to explore innovative teaching methods to enhance student motivation and engagement. The background of this research is grounded in the need to adapt teaching practices to the digital proficiency of modern students, as studies have shown that incorporating technology can significantly boost motivation and learning outcomes. The methodology employed in this study is qualitative, utilizing in-depth interviews to gather detailed insights into students' experiences and perceptions. A sample of Year 4 and Year 5 students who participated in the Animaker project will be interviewed to assess their engagement, motivation, creativity and technical skill development. The results of this research show several key benefits. Firstly, using Animaker significantly increased student engagement, with students displaying higher levels of interest and participation in the MIB subject. Secondly, the tool enhanced student motivation, making the learning experience more enjoyable and encouraging students to invest more effort in their studies. Thirdly, Animaker fostered greater creativity among students, allowing them to express their ideas through the creation of animations. Lastly, the project facilitated the development of technical skills, as students became proficient in using digital tools. The implications of this research are substantial for educational practices. It suggests that integrating digital tools like Animaker can make traditional subjects more engaging and effective, bridging the gap between conventional teaching methods and contemporary student interests. This approach can lead to a more dynamic and interactive learning environment, ultimately improving student outcomes.

Keywords: Animaker, Student Motivation, Melayu Islam Beraja (MIB), *Menghormati Ibubapa*, Educational Technology

INTRODUCTION

Research Background

Brunei's education system has evolved to embrace 21st-century learning approaches, emphasizing critical thinking, creativity, communication, and collaboration. The Ministry of Education's Strategic Plan (SPN21) promotes a holistic framework integrating ICT into the curriculum, preparing students for the digital era and aligning with global educational trends that prioritize technology in teaching and learning methods (Ministry of Education, Brunei, 2009).

The integration of animation and multimedia in teaching, particularly for subjects like Melayu Islam Beraja (MIB), enhances comprehension and retention by simplifying complex concepts and presenting them in a visually engaging way. Keller and Suzuki (2004) affirm that visual aids like animations significantly improve understanding and engagement, making them especially beneficial for MIB's cultural and moral education focus.

ICT integration in education extends beyond mere tool usage; it enhances learning outcomes by fostering inclusive and diverse environments and advancing digital literacy (Bates, 2015). Tools like Animaker engage students actively, allowing them to internalize and visually represent complex concepts. This process is particularly effective for imparting moral lessons such as 'Menghormati Ibubapa' in the MIB curriculum, deepening understanding through creative engagement (Robinson & Molenda, 2007).

This research integrates Animaker into the 'Menghormati Ibubapa' lesson for Year 5 within the MIB curriculum, aiming to evaluate its impact on student engagement, motivation, creativity, and technical proficiency within Brunei's SPN21 education framework. The study explores how advanced ICT tools can enhance the learning environment, potentially offering insights that support educational reforms and align with 21st-century learning paradigms.

Problem Statement

In Brunei, the Melayu Islam Beraja (MIB) subject, though taught in Malay for easier comprehension, struggles with pedagogical challenges due to traditional teaching methods focused on textbooks and worksheets. These methods are increasingly seen by students as monotonous, leading to reduced interest and engagement, which is at odds with the expectations of today's digitally native students (Ministry of Education, Brunei, 2009).

Traditional didactic methods in MIB instruction do not foster an environment that encourages the development of essential 21st-century skills like problem-solving, creativity, and technological literacy, which are crucial for both academic success and navigating the modern workforce (Khan, 2017). Consequently, the current pedagogical approach does not align with the objectives of Brunei's Strategic Plan (SPN21), which aims for an education system that meets the demands of a knowledge-based economy and cultivates lifelong learners (Ministry of Education, Brunei, 2009).

This research addresses the need for innovative teaching methodologies by integrating advanced ICT tools like Animaker into MIB lessons, aiming to enhance student engagement and participation through interactive content delivery. This integration seeks to make learning more enjoyable and challenging, better aligning with the 21st-century educational framework.

Purpose of the Study

Moreover, half of the participants reported that they had independently searched for video modelling content on TikTok, YouTube, and Instagram, covering topics such as cooking and musical tutorials. P3 mentioned that he had no prior experience searching for video modelling content but had unknowingly watched this genre on YouTube. These findings indicate that P1, P3, and P4 were able to differentiate video modelling from other video genres. Additionally, P1 emphasised the format used in TikTok, such as the inclusion of background music, as preferable. This preference aligns with Dillon's (2020) study, which stated that young adults find media, including educational videos on TikTok, entertaining due to the creative elements integrated into the videos, such as cut-outs, filters, and stickers.

Sun and Ruokamo (2018) emphasised aspects of video learning, such as scaffolding, that can enhance interest in knowledge-seeking. This was echoed by participants P1 and P4, who agreed that "step-by-step instructions," an example of scaffolded learning, were particularly useful in video modelling. Therefore, incorporating such elements into video modelling should be considered to engage students while providing them with valuable knowledge content. Furthermore, the same students suggested limiting video resources to short formats, which aligns with Slemmons et al. (2018), where students expressed a preference for shorter videos to maintain focus. Both suggestions regarding video modelling imply that educators need to

acquire video editing skills and identify the types of edits students prefer, whether for a general audience or tailored to individual preferences.

CONCLUSIONS

The discussion highlights the potential of video modelling as an effective educational tool for improving gardening skills and fostering task independence among students enrolled in the Pre-Vocational Programme, particularly those with varying abilities. It underscores the intervention's capability to address learning challenges, such as fostering learning adaptability, enhancing student interest in learning content, and developing skills retention approaches. Emphasis is placed on aspects of student engagement during learning to maximise focus and confidence in task performance. The results also provide insights into the multifaceted benefits and challenges associated with video modelling outside the school setting, as perceived by students, including its potential for promoting self-directed learning.

These findings are particularly relevant to the educational landscape of Brunei Darussalam, as the country seeks to enhance its educational system in line with its long-term national development plan, *Wawasan 2035* (Pawiro, 2021). Goal number two of this plan focuses on enhancing social development and the well-being of Bruneian citizens, which includes improving the education system. The potential of video modelling as an effective teaching intervention for skills development and fostering task independence is invaluable in preparing Bruneian students for future challenges, especially in the dynamic context of the 21st century (Malik, 2018). Furthermore, implementing such strategies within the Pre-Vocational Programme could provide students with additional tools for learning, aligning with the nation's efforts to offer diverse educational options that cater to the needs of special education learners (Ministry of Education, 2024).

The findings also emphasise the importance of teacher involvement in the implementation of any intervention, including video modelling, to facilitate effective learning experiences. This aspect resonates with Brunei Darussalam's focus on promoting teacher professionalism and ensuring teaching quality in schools, as highlighted in His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam's *Titah* during the Teacher's Day Celebration in 2013 (The Scoop, 2018). However, constraints on practicing gardening outside of school may hinder long-term skill retention, despite the benefits of video modelling interventions. Therefore, further research is needed to explore the optimisation of video modelling strategies outside the school setting. Nevertheless, the potential of video modelling to foster independence and skill acquisition among students in the Pre-Vocational Programme remains promising.

REFERENCES

- Aljumaili, M., & Al-Obeidi, H. (2022). Emotional reassurance and its relationship to the educational struggle among middle school students. *1*, 1964–1979.
- Cerino, A. (2023). The importance of recognising and promoting independence in young children: The role of the environment and the P1 forest school approach. *Education*, 3-13, 51(4), 685–694. <https://doi.org/10.1080/03004279.2021.2000468>
- Dahal, A., & Bhat, N. (2024). Self-directed learning, its implementation, and challenges: A review. *Nepal Journal of Health Sciences*, 3(1), 102–115. <https://doi.org/10.3126/njhs.v3i1.63277>
- Dilon, C. (2020). TikTok influences on teenagers and young adults students: The common usages of the application TikTok. *American Scientific Research Journal for Engineering, Technology, and Sciences*, 68, 132–142.
- Gadais, T., Caron, T., Ayoub, M. B., Karelis, A., & Nadeau, L. (2020). The role of the teacher in the implementation of a school-based intervention on the physical activity practice of children. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(19), Article 7344. <https://doi.org/10.3390/ijerph17197344>
- Garcia Botero, G., Questier, F., & Zhu, C. (2018). Self-directed language learning in a mobile-assisted, out-of-class context: Do students walk the talk? *Computer Assisted Language Learning*, 32(1), 1–26. <https://doi.org/10.1080/09588221.2018.1485707>
- Gerard, L., Bradford, A., & Linn, M. C. (2022). Supporting teachers to customize curriculum for self-directed learning. *Journal of Science Education and Technology*, 31, 660–679. <https://doi.org/10.1007/s10956-022-09985-w>
- Haith, A. M., & Krakauer, J. W. (2018). The multiple effects of practice: Skill, habit and reduced cognitive load. *Current Opinion in Behavioral Sciences*, 20, 196–201. <https://doi.org/10.1016/j.cobeha.2018.01.015>
- Holloway, T. P., Dalton, L., Hughes, R., Jayasinghe, S., Patterson, K. A. E., Murray, S., Soward, R., Byrne, N. M., Hills, A. P., & Ahuja, K. D. K. (2023). School gardening and health and well-being of school-aged children: A realist synthesis. *Nutrients*, 15(5), Article 1190. <https://doi.org/10.3390/nu15051190>
- Izam, S., Halim, F., & Wan Mohamed, W. A. (2019). Employability skills of students with learning disabilities in Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 9, 2622–2629. <https://doi.org/10.35940/ijitee.B7278.129219>
- Karea, S., Asrial, D., Sabil, H., & Arsil, D. (2020). Attitudes, self-confidence, and independence of students in thematic learning. *Universal Journal of Educational Research*, 8, 162–168. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.080120>

- Kim, J. (2017). Effects of point-of-view video modelling for Korean adolescents with autism to improve their on-task behavior and independent task performance during vegetable gardening. *International Journal of Developmental Disabilities*, 64(4-5), 297–308.
- Kwasnicka, D., Dombrowski, S. U., White, M., & Sniehotta, F. (2016). Theoretical explanations for maintenance of behaviour change: A systematic review of behaviour theories. *Health Psychology Review*, 10(3), 277–296. <https://doi.org/10.1080/17437199.2016.1151372>
- Long, T., Logan, J., & Waugh, M. (2016). Students' perceptions of the value of using videos as a pre-class learning experience in the flipped classroom. *TechTrends*, 60, 245–252. <https://doi.org/10.1007/s11528-016-0045-4>
- Malik, R. (2018). Educational challenges in 21st century and sustainable development. *Journal of Sustainable Development Education and Research*, 2, 9. <https://doi.org/10.17509/jsder.v2i1.12266>
- Manfra, M. (2019). Action research and systematic, intentional change in teaching practice. *Review of Research in Education*, 43, 163–196. <https://doi.org/10.3102/0091732X18821132>
- Marsevani, M., Slikker, G. M., Pratiwi, T. L., & Nugraha, H. (2024). Portraying young learners' language learning strategies: A case study from EFL teachers' voices. *IJELTAL (Indonesian Journal of English Language Teaching and Applied Linguistics)*, 9(2), 383-405.
- Nandiana, V., Jaelani, A., & Afiyattena, N. (2021). Promoting students' confidence through video project-based learning. *Journal of English Language Learning*.
- Pawiro, S. A. (2021). Wawasan Brunei 2035: A national narrative of modernity in traditional normativity. *International Review of Humanities Studies*, 6(2), Article 5. <https://scholarhub.ui.ac.id/irhs/vol6/iss2/5>
- Pllana, D. (2020). Keeping students' attention active. *Education, Society and Human Studies*, 1, 171. <https://doi.org/10.22158/eshs.v1n2p171>
- Santos, M., Moreira, H., Cabral, J. A., Gabriel, R., Teixeira, A., Bastos, R., & Aires, A. (2022). Contribution of home gardens to sustainable development: Perspectives from a supported opinion essay. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(20), 13715. <https://doi.org/10.3390/ijerph192013715>
- Shin, M., & Park, J. (2024). Technology-assisted instruction with teacher prompts on fraction multiplication word problems: A single-case design with visual analysis and Bayesian multilevel modelling. *Assistive Technology*, 1–11.
- Shoufan, A., & Mohamed, F. (2022). YouTube and education: A scoping review. *IEEE Access*, PP, 1–1. <https://doi.org/10.1109/ACCESS.2022.3225419>

- Slemmons, K., Anyanwu, K., Hames, J., Grabski, D., Mlsna, J., Simkins, E., & Cook, P. (2018). The impact of video length on learning in a middle-level flipped science setting: Implications for diversity inclusion. *Journal of Science Education and Technology*, 27(1), 1–11. <https://doi.org/10.1007/s10956-018-9736-2>
- Skelton, K., Herbert, A., & Neelon, S. B. (2019). Garden-based interventions and early childhood health: A protocol for an umbrella review. *Systematic Reviews*, 8. <https://doi.org/10.1186/s13643-019-1229-8>
- Sommerfeld, A., McFarland, A., Waliczek, T. M., & Zajicek, J. (2021). Use of gardening programmes as an intervention to increase children's visual-motor integration. *HortTechnology*, 31(5), 589–594. Retrieved July 26, 2023.
- Sun, L. P., Siklander, P., & Ruokamo, H. (2018). How to trigger students' interest in digital learning environments: A systematic literature review. *Seminar.net*, 14(1), 62–84. <https://doi.org/10.7577/seminar.2597>
- The Scoop. (2018). Education system must reflect 21st-century realities. *The Scoop Official Website*. <https://thescoop.co/2018/09/24/education-system-must-reflect-21st-century-realities/>
- Theodorou, A., Panno, A., Carrus, G., Carbone, G. A., Massullo, C., & Imperatori, C. (2021). Stay home, stay safe, stay green: The role of gardening activities on mental health during the COVID-19 home confinement. *Urban Forestry & Urban Greening*, 61, 127091. <https://doi.org/10.1016/j.ufug.2021.127091>
- Zheng, F. (2022). Fostering students' well-being: The mediating role of teacher interpersonal behavior and student-teacher relationships. *Frontiers in Psychology*, 12, Article 796728. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.796728>

Implementasi Nilai Melayu Islam Beraja Negara Zikir Dalam Program Jati Diri Negara Brunei Darussalam

Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi Bin Haji Abdul Muluk

Norapizah Binti Zalani

KUPU SB

norapizah.zalani@kuposb.edu.bn

ABSTRAK

Dalam merealisasikan Matlamat Dasar Belia Negara iaitu "Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang", adalah dengan menanam dan mengukuhkan pada belia nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan yang terkandung dalam Perlembagaan Negara dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja di mana nilai dan prinsip menjadi teras Dasar Belia Negara. Juga sebagai harapan Wawasan Negara 2035, Brunei Darussalam yang dihasratkan akan dikenali di seluruh dunia dengan rakyatnya yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi, dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan beracuan Melayu Islam Beraja. Untuk mencapai wawasan itu, nilai-nilai Islam, bersatu dalam kesetiaan kepada Raja dan tradisi bangsa Melayu Brunei, ke arah memelihara keharmonian sosial dan mengamalkan tradisi terbaik-baik dalam kehidupan bermasyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji implementasi amalan nilai-nilai Melayu Islam Beraja Negara Zikir dalam kalangan belia. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif dalam mendapatkan data yang dikehendaki. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah tinjauan soal selidik. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah merupakan belia yang berumur dalam lingkungan 15 – 30 yang merupakan pelatih dalam Program Jati Diri seramai 60 orang. Hasil kajian mendapati, terdapat empat penilaian yang dibentuk dan dimantapkan dalam usaha melahirkan belia cemerlang iaitu (1) nilai murni yang perlu ada; (2) amalan nilai murni; (3) pandangan terhadap tingkah laku serta; (4) kesedaran sivik. Manakala, dari sudut implementasi nilai dalam kalangan pelatih, hasil kajian mendapati terdapat sembilan belas (19) nilai terbaik yang perlu ada dalam kalangan belia (pelatih). Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan, terdapat lima (5) kesedaran sivik terbaik diimplementasikan dalam memastikan nilai Melayu Islam Beraja dapat diterapkan.

Kata Kunci: *Melayu Islam Beraja, Negara Zikir, Nilai, Belia dan Implementasi.*

ABSTRACT

In realizing the National Youth Policy Goal of "Creating Brilliant Bruneian Youth", is to instill and strengthen in the youth the values and beliefs contained in the National Constitution and the Royal Malay Islamic State Philosophy where values and principles form the core of the National Youth Policy. Also, as a hope of National Vision 2035, Brunei Darussalam is expected to be known throughout the world for its educated, highly skilled and successful people, high quality people's lives, and a dynamic and resilient economy based on the Malay Islamic Monarchy. To achieve that vision, Islamic values, united in loyalty to the King and the tradition of the Brunei Malay nation, towards maintaining social harmony and practicing the tradition of getting along in community life. This study aims to examine the implementation of the Malay Islamic values of the State of Zikir among the youth. This study uses a quantitative method approach in obtaining the desired data. The quantitative method used is a questionnaire survey. The respondents involved in this study are youths aged between 15-30 who are trainees in the Self-Identity Program totaling 60 people. The results of the study found that there are four evaluations that are formed and strengthened in the effort to produce outstanding youth, namely (1) pure values that must be present; (2) the practice of pure values; (3) views on behavior as well as; (4) civic awareness. Meanwhile, from the point of view of the implementation of values among the trainees, the results of the study found that there are nineteen (19) best values that must be present among the youth (trainees). In addition, the results of the study also show that there are five (5) best civic awareness implemented in ensuring that Malay Islamic Monarchy values can be applied.

Keywords: Malay Islamic Monarchy, Negara Zikir, Values, Youth and Implementation.

1.0 PENGENALAN

Jati diri adalah kesedaran individu tentang siapa dirinya, termasuk nilai-nilai, keyakinan, pandangan hidup, dan prinsip-prinsip yang dianut. Secara umumnya, jati diri mencakupi keseluruhan aspek yang membuat seseorang unik dan berbeza dari orang lain. Jati diri terbentuk melalui pengalaman hidup, interaksi sosial, persekitaran, budaya, serta pendidikan yang diterima seseorang sejak kecil hingga dewasa.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, menurut pendefinisian daripada Kementerian Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam, belia di Negara Brunei Darussalam adalah lelaki dan perempuan yang berumur 15 - 40 tahun, manakala Pemimpin Belia adalah tidak dihadkan umur. Lingkungan umur tersebut adalah merupakan jumlah terbesar daripada penduduk keseluruhannya. Justeru itu pelaburan dalam perkembangan belia adalah sangat penting, kerana masa depan negara terletak pada mereka.

Apa yang paling penting lagi, Negara Brunei Darussalam yang telah sekian lama menikmati keamanan dan kemakmuran berusaha mempertahankan anugerah ini. Namun negara pastinya akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dunia global masa kini. Ini bermakna jati diri belia perlu disiapkan siagakan untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran seperti keruntuhan akhlak, pengangguran, penyalahgunaan dadah, pengaruh media sosial dan banyak lagi.

Oleh yang demikian, negara perlu memberikan lebih banyak galakan dan peluang bagi penglibatan belia dalam kehidupan sosial, ekonomi dan kebudayaan. Dasar Belia Negara yang digubal adalah bertujuan menyediakan rangka kerja bagi membimbing ke arah usaha-usaha tersebut (Kementerian Belia dan Sukan Brunei Darussalam (2020). *Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035*).

2.0 TUJUAN KAJIAN

Matlamat Dasar Belia di Negara Brunei Darussalam adalah untuk mewujudkan Belia Brunei cemerlang. Matlamat ini direalisasikan dengan menanam dan mengukuhkan pada belia nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan yang terkandung dalam Perlembagaan Negara dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja; memupuk rasa kepunyaan, patriotisme, beriltizam, berazam dan berhaluan yang jelas; memperkembangkan di kalangan belia pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan serta menanam dalam diri mereka sikap dan kualiti bertanggungjawab, berdisiplin, dinamik, dapat menyesuaikan diri dan berdikari bagi pembangunan negara di samping mengukuhkan kepaduan negara dan menggalakkan penglibatan belia dalam perkembangan ekonomi yang kukuh dan berlanjutan dengan mengamalkan nilai dan prinsip yang menjadi Teras Dasar Belia Negara (Kementerian Belia dan Sukan Brunei Darussalam (2020). *Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035*).

Ini bertepatan dengan harapan Wawasan Negara 2035, iaitu Brunei Darussalam dihasratkan akan dikenali di seluruh dunia dengan rakyatnya yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi, dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan beracuan Melayu Islam Beraja. Untuk mencapai wawasan itu, nilai-nilai Islam, bersatu dalam kesetiaan kepada Raja dan tradisi bangsa Melayu Brunei, ke arah memelihara keharmonian sosial dan mengamalkan tradisi berbaik-baik dalam kehidupan bermasyarakat (Wawasan2035. 2024, <https://www.wawasanbrunei.gov.bn>, dilayari Ogos 2024). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap implementasi amalan nilai-nilai Melayu Islam Beraja Negara Zikir dalam kalangan belia.

Kajian ini juga akan membincangkan isu bagaimana mewujudkan belia-belia yang mempunyai jati diri yang mantap terutama Negara Zikir Melayu Islam Beraja. Salah satu usaha yang dititik beratkan ialah cara implementasi pengukuhan jati diri. Pengetahuan dan penerangan yang komprehensif berkenaan Negara Zikir Melayu Islam Beraja juga dikongsikan. Kajian ini juga akan memperlihatkan hasil dapatan dan perbincangan serta maklum balas pelatih dalam Program Jati Diri ini. Seterusnya akan mengongsikan beberapa cadangan hasil dari kajian ini.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif dalam mendapatkan data yang dikehendaki. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah tinjauan soal selidik. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah merupakan belia yang berumur dalam lingkungan 15 – 30 yang merupakan pelatih dalam Program Jati Diri seramai 60 orang.

Soalan dalam kajian soal selidik di adaptasi dari kajian terhadap penerapan dan pemerkasaan nilai murni belia di Malaysia (Jamilah Ahmad & Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir, 2018). Tetapi telah dilakukan modifikasi sesuai dengan tujuan kajian ini.

4.0 PROGRAM JATI DIRI

Program jati diri bertujuan untuk membina dan memperkukuhkan identiti peribadi serta kesedaran diri peserta. Berikut adalah langkah-langkah umum untuk melaksanakan program jati diri secara berkesan:

4.1 Penetapan Tujuan:

Tentukan matlamat khusus program, seperti peningkatan keyakinan diri, pengembangan karakter, atau peningkatan kesedaran diri.

4.2 Penilaian Awal:

Lakukan penilaian awal untuk memahami keperluan dan potensi peserta. Ini boleh melalui soal selidik, temu bual, atau ujian psikologi.

4.3 Reka Bentuk Program: Reka bentuk kurikulum yang merangkumi pelbagai aspek pengembangan jati diri seperti:

4.3.1 Aktiviti Refleksi: Menulis jurnal, sesi meditasi, atau perbincangan kumpulan untuk merenung pengalaman peribadi dan nilai-nilai.

4.3.2 Pengembangan Kemahiran: Latihan komunikasi, kepimpinan, dan kemahiran sosial lainnya.

4.3.3 Pengembangan Karakter: Aktiviti yang menekankan nilai-nilai seperti integriti, tanggungjawab, dan etika.

4.3.4 Pembelajaran Sosial-Emosional: Sesi yang mengajar pengurusan emosi, empati, dan hubungan interpersonal.

4.4 Pelaksanaan Program:

4.4.1 Laksanakan program melalui pelbagai kaedah, seperti: Kelas dan Bengkel: Sesi bersemuka atau dalam talian yang interaktif .

4.4.2 Aktiviti Kokurikulum: Aktiviti di luar waktu pembelajaran seperti sukan, seni, atau organisasi yang menyokong pengembangan jati diri.

4.4.3 Mentoring dan Coaching: Bimbingan dari mentor atau jurulatih yang berpengalaman.

4.5 Pemantauan dan Penilaian:

4.5.1 Pantau kemajuan peserta secara berkala melalui penilaian formatif dan sumatif.

Gunakan maklum balas untuk menyesuaikan dan memperbaiki program.

4.5.2 Adakan sesi refleksi bersama peserta untuk memahami impak program dan mendapatkan input langsung.

4.6 Penutup dan Tindak Lanjut:

4.6.1 Lakukan penilaian akhir untuk menilai pencapaian matlamat program.

4.6.2 Rancang tindak lanjut atau program lanjutan untuk menyokong perkembangan jati diri yang berterusan.

4.7 Penyediaan Sumber:

4.7.1 Pastikan peserta mempunyai akses kepada sumber yang mereka perlukan seperti bahan bacaan, platform dalam talian, dan sokongan daripada fasilitator.

4.8 Penglibatan Komuniti:

4.8.1 Libatkan keluarga, rakan, dan komuniti dalam program untuk memperkukuhkan sokongan sosial dan persekitaran yang menyokong pengembangan jati diri.

Dengan pendekatan yang sistematik dan menyeluruh, program jati diri dapat memberikan impak positif yang signifikan bagi peserta, membantu mereka mengenali dan mengembangkan potensi diri secara maksimum.

5.0 PENGENDALIAN MODUL MELAYU ISLAM BERAJA (MIB) BAGI PROGRAM JATI DIRI (PJD)

Pengendalian Modul MIB bagi para pelatih PJD ini adalah berpandukan kepada beberapa objektif yang telah ditetapkan iaitu di akhir kursus para pelatih PJD akan dapat:

1. Menerima dan memahami informasi asas berkaitan takrifan, sejarah dan pemahaman nilai-nilai MIB.
2. Membina Jati Diri MIB untuk dijadikan pegangan dalam kehidupan mereka.
3. Mengetahui adat dan kebudayaan Brunei yang perlu dijaga serta dipelihara.
4. Memahami sepenuhnya sistem pentadbiran Negara.
5. Berusaha menjadikan negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir Melayu Islam Beraja.

Pelatih juga dibekalkan dengan kuliah berkaitan dengan MIB yang bertujuan mengukuhkan lagi pengetahuan mereka tentang konsep MIB. Antara tajuk-tajuk kuliah yang disampaikan adalah seperti berikut:

1. Pengenalan MIB
2. Takrif MIB
3. Sejarah Awal MIB
4. Pemahaman Nilai MIB
5. MIB dan Teknologi Maklumat (Media Sosial)
6. Negara Zikir Melayu Islam Beraja
7. Sistem Pentadbiran Negara

Selain daripada kuliah, para pelatih juga diberikan beberapa aktiviti tertentu seperti:

1. Pembentangan berkumpulan
2. Menganalisis artikel MIB
3. Pendedahan pukulan-pukulan Hadrah Tradisi Brunei
4. Pendedahan Tarian-tarian Asli Brunei
5. Permainan Tradisi Brunei
6. Pameran Adat & Budaya Masyarakat Brunei
7. 'Tresure Hunt' MIB

6.0 NILAI DAN PRINSIP BELIA

Dasar Belia Negara adalah berteraskan perkara - perkara berikut iaitu Nilai dengan mengamal dan mengukuhkan nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan yang terkandung dalam Perlembagaan Negara dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja.

Manakala prinsip dengan mendukung kerasmian Ugama Islam dan menzahirkannya sebagai amalan dalam kehidupan seharian belia sebagai satu cara hidup yang lengkap selaras dengan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja. Menyumbang kepada kehidupan bermasyarakat, bernegara dan perkembangan ekonomi yang kukuh dan berlanjutan di Negara Brunei Darussalam supaya negara keseluruhannya dan belia khususnya dapat mengatasi dan mendapat faedah dari perubahan sosial, ekonomi dan teknologi yang pesat tanpa menjejaskan nilai peribadi dan kebudayaan mereka. Menyumbang kepada pembinaan kesedaran diri, kepaduan, perkhidmatan kepada orang lain dan keamatan sosial dalam kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam, terutamanya di kalangan belia. Menyumbang kepada perkembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap peribadi yang dikehendaki di kalangan orang ramai, khususnya belia, bagi kemajuan negara, pekerjaan dan warganegara yang aktif dan produktif.

Selain itu untuk membantu belia memperkembangkan kualiti peribadi yang penting seperti berdikari, kepimpinan, inisiatif, keyakinan, iltizam, daya usaha dan kreatif dan untuk menggalakkan ekspresi kualiti ini dalam pelbagai keadaan sosial dan ekonomi. Memperluas penglibatan organisasi belia amnya dan Majlis Belia Brunei khususnya dalam pembangunan negara. Membolehkan belia memperkembangkan kesedaran dan persefahaman antarabangsa, supaya menyedari kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam ASEAN, rantau Asia, Komanwel dan antarabangsa. Menggalakkan pihak swasta mempunyai program khas bagi belia.

7.0 KEISTIMEWAAN DAN TANGGUNGJAWAB BELIA

Selain dikukuhkan dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip tertentu yang telah dijelaskan, Dasar Belia Negara juga terletak pada pemahaman bahawa belia mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang diberikan oleh negara dan tanggungjawab yang negara mengharapkan mereka melaksanakannya. Dalam perkara ini keistimewaan dan tanggungjawab tersebut membentuk asas 'kontrak sosial' di antara belia dengan Kerajaan seperti berikut

Keistimewaan Belia iaitu mendapat perlindungan dari eksploitasi, diskriminasi atau penganiayaan; melakukan amalan dan ekspresi kepercayaan beragama dan kegiatan kebudayaan dalam rangka Perlembagaan Brunei; menubuhkan persatuan mengikut kehendak undang-undang; mendapat peluang pendidikan umum dan ugama, latihan, perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan - perkhidmatan penting

yang lain yang bertujuan untuk memperkembangkan kemahiran dan potensi manusia; mendapat peluang untuk lebih memahami dan menghayati kebudayaan negara; mendapat perkhidmatan yang diperlukan oleh belia yang berkeperluan khas atau belia yang tidak berkeupayaan; mendapat pengiktirafan disebabkan kualiti peribadi dan perkhidmatan melalui pemberian Anugerah seperti yang diberikan oleh Negara dan Anugerah Belia di peringkat serantau dan antarabangsa; mengisytiharkan satu hari khas yang disebutkan Hari Belia Kebangsaan.

Manakala tanggungjawab Belia adalah taat kepada Allah, setia kepada Raja dan cinta kepada Negara; untuk menghormati keperluan dan hak orang lain dan warga tua; untuk hidup dan bertindak mengikut ugama dan kebudayaan selaras dengan kehendak Perlembagaan Negara; untuk bertindak jujur dan boleh dipercayai; untuk memikul tanggungjawab peribadi bagi memelihara dan memperkembangkan kesihatan, pendidikan, kemahiran dan kualiti peribadi; untuk memikul tanggungjawab peribadi kepada keluarga dan masyarakat; untuk menyumbangkan secara aktif kepada kekukuhan dan kesepaduan masyarakat serta keamanan dan kesejahteraan negara keseluruhannya; mempertahankan kesucian Ugama Islam, menghayati ajaran-ajaran dan celik Al-Quran.

8.0 HURAIAN MATLAMAT DASAR BELIA NEGARA

Matlamat Dasar Belia Negara adalah seperti yang telah dinyatakan dalam huraian di atas. Matlamat Dasar ini diterangkan secara terperinci di bawah: Objektif Dasar, dan seterusnya di bahagian Bidang Strategi Penting dan Kumpulan Sasaran Utama (Kementerian Belia dan Sukan Brunei Darussalam (2020). *Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035*).

Objektif Dasar 1 iaitu mendukung Islam sebagai ugama rasmi dan menjadikannya satu cara hidup yang lengkap. Untuk menjadikan belia bertanggungjawab dengan menjadikan Al-Quran dan As-sunah sebagai panduan hidup; memelihara dan mempertahankan kesucian Ugama Islam; memperelajari dan mengamalkan tuntutan Fardhu Ain dengan sempurna dan celik Al-Quran; dan menjadi warga yang taat beragama dan mempunyai akhlak mulia dan terpuji.

Objektif Dasar 2 iaitu menyumbang kepada ekonomi, kebudayaan dan masyarakat yang kukuh dan berlanjutan untuk membolehkan belia menghargai: keperluan untuk menyumbang kepada pencapaian ekonomi yang kukuh dan berlanjutan; keperluan untuk mendukung satu kebudayaan dan masyarakat yang kukuh dan bertenaga; dan penubuhan sebuah Yayasan Belia.

Objektif Dasar 3 iaitu pemahaman dan kesedaran untuk membolehkan belia memupuk dengan kesedaran diri dan rasa kepunyaan serta mempunyai hala tuju kehidupan yang sempurna; kefahaman tentang keperluan untuk bekerja dengan semangat perpaduan dengan orang lain; menghargai dan mengamalkan

sikap pemedulian dan khidmat kepada orang lain dalam masyarakat; kebolehan untuk menyumbang bagi kesepaduan masyarakat dan negara; dan persefahaman antarabangsa.

Objektif Dasar 4 iaitu pengetahuan dan kemahiran untuk membantu belia mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyumbangkan secara positif kepada pembangunan negara; bersikap positif kepada pekerjaan; menjadi warganegara yang aktif dan penuh azam.

Objektif Dasar 5 iaitu sikap dan kualiti peribadi untuk membantu belia memperkembangkan sikap dan kualiti peribadi yang penting dalam semua aspek kehidupan harian dan untuk mengekalkan pernyataan sikap dan kualiti ini dalam pelbagai keadaan sosial dan ekonomi. Sikap dan kualiti ini antara lain termasuklah beriman dan bertakwa, taat dan setia kepada Raja, patriotik, patuh kepada undang-undang, berdaya saing, berdikari, kepimpinan, inisiatif, keyakinan, iltizam, keusahawanan dan kreatif.

9.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang dibincangkan adalah meliputi tujuh perkara, iaitu (1) demografi responden; (2) nilai murni yang ada pada diri pelatih pada masa kini; (3) amalan nilai-nilai murni; (4) pandangan pelatih terhadap tingkah laku; (5) kesedaran sivik diri pelatih.

Demografi Responden Berdasarkan jantina, 59.8% daripada responden yang terlibat adalah perempuan dan hanya 40.2% responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini adalah kerana, faktor kelapangan waktu yang dimiliki oleh banyak responden perempuan berbanding dengan responden lelaki yang ditemui oleh pengkaji ketika kajian ini dijalankan (sila rujuk Jadual 1).

JADUAL 1 JANTINA RESPONDEN

Jantina Bilangan (%)

Lelaki 83%

Perempuan 17%.

Dari segi umur, majoriti daripada responden yang terlibat adalah merupakan belia yang berumur dalam lingkungan 18 tahun hingga 20 tahun iaitu sebanyak 65%. Selebihnya iaitu sebanyak 35% pula adalah responden yang berumur dalam lingkungan 21 tahun hingga 25 tahun (sila rujuk Jadual 2).


JADUAL 2 UMUR PELATIH

<i>Umur Pelatih</i>	<i>✓ Sila tandakan</i>
<i>15 - 17 tahun</i>	-
<i>18 - 20 tahun</i>	39
<i>21 – 25 tahun</i>	21

Dari segi puak, majoriti responden adalah daripada puak Melayu Brunei iaitu sebanyak 82%. Selebihnya iaitu sebanyak 10% responden adalah daripada puak Kedayan, 7% responden dari puak Dusun serta 2% responden yang lain adalah daripada puak Melayu Brunei (sila rujuk Jadual 3).

JADUAL 3 PUAH PELATIH

<i>Puak (bangsa) Pelatih</i>	<i>✓ Sila tandakan</i>
<i>Melayu Brunei</i>	49
<i>Melayu Tutong</i>	-
<i>Melayu Belait</i>	1
<i>Dusun</i>	4
<i>Kedayan</i>	6
<i>Bisayah</i>	-
<i>Murut</i>	-




Nilai murni yang ada pada diri pelatih

Hasil kajian menunjukkan terdapat 19 nilai murni yang dimiliki oleh para pelatih. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti daripada responden memberikan skala 4 dan 5, iaitu merujuk kepada tahap tinggi. 19 nilai-nilai murni tersebut adalah (1) bertimbang rasa; (2) bertanggungjawab; (3) bertoleransi; (4) muafakat; (5) bersih (fizikal); (6) bekerjasama; (7) berbudi bahasa; (8) hormat menghormati; (9) berintegriti; (10) bersedekah; (11) bersatu padu; (12) amanah; (13) Ikhlas; (14) benar; (15) besederhana; (16) tekun; (17) beretika; (18) bersyukur ; serta (19) bersih (rohani/jiwa). Maklum balas terperinci responden dapat dilihat di Jadual 4.

JADUAL 4 NILAI MURNI YANG ADA PADA DIRI PELATIH

Nilai murni yang ada pada diri pelatih		Keutamaan					
Skala paling tinggi (5) kepada skala paling rendah (1)		Tinggi		Rendah			JUMLAH
		5 Sangat setuju	4 setuju	3 Kurang setuju	2 Tidak setuju	1 Sangat tidak setuju	
1	Bertimbang rasa	20 (34%)	33(58%)	6(10%)			59
2	Bertanggungjawab	17(29%)	38(64%)	4(7%)			59
3	Bertoleransi	16(27%)	33 (58%)	10(17%)			59
4	Bermuafakat	13(22%)	30(51%)	16(27%)			59
5	Bersih (fizikal)	23(40%)	26(44%)	10(17%)			59
6	Bekerjasama	19(32%)	28(47%)	5(8%)			59
7	Berbudi bahasa	19(32%)	28(47%)	2(3%)			59
8	Menghormati	28(47%)	27(46%)	4(7%)			59
9	Berintegriti	19(32%)	27(46%)	13 (22%)			59
10	Bersedekah	16(27%)	31(53%)	12(20%)			59
11	Bersatu padu	20(34%)	32(54%)	7(12%)			59
12	Amanah	22(37%)	27(46%)	10(17%)			59
13	Ikhlas	26(44%)	28(47%)	5(8%)			59
14	Benar	20(34%)	27(46%)	12(20%)			59
15	Besederhana	18(31%)	32(53%)	9(15%)			59
16	Tekun	13(22%)	30(51%)	15(25%)	1(2%)		59
17	Beretika	17(29%)	28(47%)	14(24%)			59
18	Bersyukur	27(46%)	20 (34%)	11(19%)	1(2%)		59

19	Bersih (rohani/Jiwa)	25(42%)	27(46%)	7(12%)			59
----	----------------------	---------	---------	--------	--	--	----




Selain itu, hasil kajian juga mendapati, 19 nilai murni yang dinyatakan tersebut sememangnya diaplikasikan oleh majoriti responden di dalam kehidupan mereka. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden menyatakan kerap melakukan 12 nilai-nilai murni tersebut. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 5. Tambahan lagi, responden juga memaklumkan, nilai murni menjaga kebersihan fizikal merupakan di antara nilai murni yang paling banyak diaplikasikan oleh belia. Hal ini kerana, belia pada masa kini amat mementingkan penampilan diri yang sentiasa bersih, kemas dan terkini.

JADUAL 5 KEKERAPAN AMALAN 12 NILAI MURNI

Kekerapan amalan 12 nilai murni		Keutamaan			
Skala dari sangat kerap kepada tidak kerap		Sangat Kerap	Kerap	Tidak Kerap	JUMLAH
1	<i>menolong orang yang dalam kesusahan (bertimbang rasa)</i>	17(29%)	40(68%)	2(3%)	59
2	<i>bersatu hati dalam melakukan sesuatu secara bersama-sama (muafakat)</i>	11(19%)	44(75%)	4(7%)	59
3	<i>menerima dan menghormati pendapat orang lain (bertoleransi)</i>	22(37%)	37(63%)	1(2%)	59
4	<i>tolong menolong di antara satu sama lain (bekerjasama)</i>	27(46%)	32(54%)	1(2%)	59
5	<i>menjaga kebersihan diri (bersih fizikal)</i>	31(53%)	24(41%)	4(7%)	59
6	<i>menjaga tingkah laku dan keperibadian diri kerana tuntutan agama (budi bahasa)</i>	32(54%)	26(44%)	1(2%)	59
7	<i>menjaga tingkah laku dan keperibadian diri kerana tuntutan hidup bermasyarakat (budi bahasa)</i>	25(42%)	33(56%)	1(2%)	59
8	<i>memberikan layanan yang sopan dan berhemah terhadap individu lain (hormat)</i>	24(41%)	34(58%)	1(2%)	59
9	<i>jujur dan telus dalam melakukan sesuatu perkara (berintegriti)</i>	18(31%)	37(63%)	5(8%)	59

10	<i>memberikan sesuatu secara sukarela dan ikhlas dari segi kewangan (bersedekah)</i>	23(39%)	32(54%)	5(8%)	59
11	<i>memberikan sesuatu secara sukarela dan ikhlas dari segi tenaga/sokongan (bersedekah)</i>	21(36%)	33(56%)	5(8%)	59
12	<i>bertanggungjawab dengan setiap perkara yang dilakukan (bertanggungjawab)</i>	29(49%)	30(51%)		59

**seorang pelatih tidak menjawab bahagian ini*




Hasil kajian juga menunjukkan terdapat 11 nilai murni yang dinyatakan sekali kala dan tidak pernah diamalkan oleh majoriti responden dalam kehidupan harian mereka. Hal ini dapat dilihat apabila majoriti responden menyatakan hanya sekali sekala dan tidak pernah dilakukan 11 nilai-nilai murni tersebut. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat pada Jadual 6.

JADUAL 6 PANDANGAN PELATIH TERHADAP TINGKAH LAKU

Pandangan pelatih terhadap tingkah laku		Keutamaan		
Skala dari sekali kala dilakukan kepada tidak pernah melakukan		Sekali kala dilakukan	Tidak pernah dilakukan	JUMLAH
1	<i>bersepakat dalam melakukan sesuatu (tidak berpecah belah) bersatu padu)</i>	58(98%)	1(2%)	59
2	<i>bersifat amanah</i>	58(98%)	1(2%)	59
3	<i>melakukan sesuatu dengan rela hati tanpa mengharapkan balasan (ikhlas)</i>	56(95%)	3(5%)	59
4	<i>tidak menipu dalam percakapan dan perbuatan (benar)</i>	54(92%)	5(8%)	59
5	<i>bersederhana dalam setiap perkara yang dilakukan</i>	51(86%)	8(14%)	59
6	<i>bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu</i>	53(90%)	6(10%)	59
7	<i>berkelakuan baik dan betul mengikut norma masyarakat (beretika)</i>	56(95%)	3(5%)	59
8	<i>menghargai faedah atau nikmat yang diterima (bersyukur)</i>	56(95%)	3(5%)	59
9	<i>menjaga kesucian diri (dalaman/rohani)</i>	57(97%)	2(3%)	59

10	<i>memberi tumpuan sepenuhnya ke atas tugas yang dilakukan (berdisiplin)</i>	55(93%)	4(7%)	59
11	<i>melakukan tugas dengan sempurna (berdisiplin)</i>	55(93%)	4(7%)	59

**seorang pelatih tidak menjawab bahagian ini*



Hasil kajian juga mendapati, nilai-nilai murni yang perlu ada pada belia masa kini juga adalah melibatkan kesedaran sivik. Hal ini kerana, hasil kajian memperlihatkan, kesedaran sivik dalam kalangan pelatih berada di tahap yang sederhana iaitu majoriti pada skala 4 sahaja. Kesedaran sivik yang dimaksudkan adalah melibatkan kesedaran dari segi (1) membudayakan amalan kitar semula; (2) membuang sampah dan sisa makanan di tempat yang sepatutnya; (3) beratur dengan tertib untuk menunggu giliran masing-masing; (4) menjaga dan menghargai harta benda awam; serta (5) tabiat memandu yang sopan dan berhemah. Maklum balas terperinci responden dapat dilihat di Jadual 7.

JADUAL 7 KESEDARAN SIVIK DALAM KALANGAN PELATIH

Kesedaran sivik dalam kalangan pelatih		Keutamaan					
Skala paling tinggi (5) kepada skala paling rendah (1)		Tinggi		Rendah			JUMLAH
		5 Sangat setuju	4 setuju	3 Kurang setuju	2 Tidak setuju	1 Sangat tidak setuju	
1	<i>membudayakan amalan kitar semula</i>	11(19%)	40(70%)	5(9%)		1(2%)	57
2	<i>membuang sampah dan sisa makanan di tempat yang sepatutnya</i>	28(49%)	25(44%)		2(4%)	2(4%)	57
3	<i>beratur dengan tertib untuk menunggu giliran masing-masing</i>	25(44%)	29(51%)	2(4%)		1(2%)	57
4	<i>menjaga dan menghargai harta benda awam</i>	37(65%)	18(32%)		1(2%)	1(2%)	57
5	<i>tabiat memandu yang sopan dan berhemah</i>	28(49%)	26(46%)	3(5%)		2(4%)	57

**3 orang pelatih tidak menjawab Bahagian ini*

KESIMPULAN

Kajian ini memperlihatkan kepentingan Program Jati Diri (PJD) terutama untuk para belia. Memandang kepada belia-belia itu adalah bakal pemimpin dan rakyat yang akan datang, maka perlulah mereka itu diasuh dengan bersesuaian dengan kehendak MIB. Implementasi amalan nilai MIB Negara Zikir dalam program ditinjau dari pengetahuan, pemahaman & amalan para belia. Penglibatan MTMIB selaku penyelaras MIB dengan kerjasama pihak-pihak dan institusi pendidikan adalah usaha yang sangat diperlukan.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al-Karim

Jamilah Ahmad & Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir. (2018). *Penerapan Dan Pemerkasaan Nilai Murni Dalam Kalangan Belia*. Malaysian Journal of Youth Studies. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Wawasan Brunei 2035. Retrieved on 23 Jun 2024, 8.20pm. melalui pautan di bawah:

<https://www.wawasanbrunei.gov.bn/Downloads%20Presentations/Taklimat%20WB2035.pdf>

Dasar-Dasar Belia. Retrieved on 23 Jun 2024, 8.22pm. Melalui pautan di bawah: <http://www.belia-sukan.gov.bn/DasarDasar/Dasar%20Belia%20Negara.aspx>

Penggunaan Video Dalam Pengajaran Untuk Tajuk Wuduk Darjah 1 Sekolah Ugama

Dk. Noor Hafidzah Binti Pg. Hj. Ahmad

Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei (SUISB), Kementerian Hal Ehwal Ugama

Pg Dr Hj Nur-Ashikin Binti Pg Hj Petra

Universiti Brunei Darussalam

hafidzah.ahmad@jpi.edu.bn

THEME: INNOVATING EDUCATION ECOSYSTEM

ABSTRAK

Kesempurnaan wuduk adalah perkara penting dalam mengerjakan ibadat khususnya mengerjakan sembahyang. Tanpa kesempurnaan wuduk ini sembahyang yang dilakukan oleh seseorang muslim boleh menjadi tidak sah kerana tidak memenuhi syarat-syarat sah sembahyang. Melihat kepentingan ini, pengkaji memilih pendekatan penggunaan video sebagai alat bantu mengajar di sekolah ugama. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah penggunaan video dalam pengajaran dan pembelajaran tajuk Wuduk. Kajian ini dilaksanakan menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen, dan melibatkan sampel kajian seramai 39 orang murid dari sebuah sekolah ugama di Daerah Brunei dan Muara, kawasan Brunei IIA. Manakala instrumen kajian menggunakan ujian pra dan ujian pasca beserta soal selidik. Kaedah penganalisan data dalam kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan bagi mendapat nilai skor min dan peratusan. Sementara analisis inferensi menggunakan analisis ANCOVA dan analisis ujian-*t* sampel bebas. Dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan menerusi ujian pra dan ujian pasca dalam penulisan, iaitu $F(1,27) = 3.322$, $P = 0.08$ ($P > 0.05$). Skor min bagi kumpulan kawalan ialah 33.00 ($SP = 11.551$) dan kumpulan eksperimen ialah 33.13 ($SP = 9.804$). Sementara dapatan kajian melalui analisis ujian-*t* sampel bebas menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara kumpulan kawalan dan eksperimen terhadap ujian praktikal berwuduk, iaitu $t(36) = -2.877$, $P = 0.007$ ($P < 0.05$). Pada keseluruhannya, kaedah penggunaan video ini menunjukkan respon yang positif dari murid dan mampu merangsang minat murid serta dapat meningkatkan prestasi murid di samping dapat mengembangkan mutu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Kata kunci: *Penggunaan Video, Wuduk, Sekolah Ugama.*

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang meluas memberi kesan dalam kehidupan masyarakat, sehingga penggunaan alat teknologi dan komunikasi ini telah banyak membantu tugas manusia untuk melaksanakan kerja dengan mudah dan cepat. Hal ini termasuklah juga dalam bidang pendidikan, penggunaan alat media seperti penggunaan video digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Video adalah salah satu alat media bahan bantu mengajar yang popular dalam kalangan pendidik pada zaman perkembangan teknologi maklumat (*information technology - IT*).

Selain itu penggunaan video dalam pengajaran mampu untuk menyampaikan informasi dengan lebih menarik, memperkuat pesan melalui gambar dan suara kerana video mampu menyampaikan maklumat dalam keadaan yang lebih realistik atau menyamai keadaan yang sebenar, lalu murid dapat merasakan bahawa seolah-olah berada dalam situasi atau keadaan yang sebenar. Di samping itu, ia dapat meningkatkan keterlibatan dan pemahaman murid terhadap isi pelajaran (J.S. Farrant, 1981). Bahkan penggunaan video tersebut memudahkan guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dengan menyampaikan maklumat dan isi pelajaran dengan jelas kepada murid. Di samping itu, murid juga boleh belajar secara perseorangan atau berkumpulan walaupun tanpa kehadiran guru (Azniwati Abdul Aziz, 2020 & Malini Kamlin, 2020).

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah penggunaan video dalam pengajaran dan pembelajaran tajuk Wuduk.

Penyataan Masalah

Kesempurnaan wuduk adalah perkara penting dalam mengerjakan ibadat sembahyang. Tanpa kesempurnaan wuduk, ibadat sembahyang yang dilakukan oleh seseorang muslim menjadi tidak sah; kerana tidak memenuhi syarat-syarat sah sembahyang. Kajian ini dilaksanakan adalah kerana terdapat isu dalam kalangan murid sekolah agama di Negara Brunei Darussalam yang masih tidak memahami sepenuhnya tatacara berwuduk dengan sempurna. Hal ini terjadi adalah disebabkan murid-murid tersebut belum dapat menguasai pembelajaran wuduk sepenuhnya.

Selain itu, laporan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU) tahun 2022 bagi subjek Fiqh 1, berdasarkan tujuh buah sekolah terpilih telah menunjukkan skor purata bagi murid yang memperolehi markah gred A hingga C adalah sebanyak 45% (Unit Peperiksaan KHEU, 2022). Kadar skor purata ini

masih dianggap belum memuaskan kerana masih belum mencapai tahap yang dikehendaki. Dalam erti kata lain, pembelajaran Fiqh 1 (termasuk tajuk Wuduk) perlu diambil perhatian, khususnya dalam aspek keberkesanan dan kefahaman para murid.

Selain itu, permasalahan yang timbul adalah tahap prestasi murid-murid sekolah agama dalam ujian amali khususnya pelajaran wuduk adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana markah praktikal wuduk yang kurang memuaskan disebabkan ramai daripada mereka kurang memahami perbezaan rukun wuduk dan sunat wuduk.

Sementara dalam kajian Mariana Maidin (2013) pernah juga menjelaskan bahawa guru-guru sekolah agama dalam negara kurang mempelbagaikan teknik pengajaran. Guru-guru berkenaan hanya menggunakan kaedah penerangan secara teori dengan menggunakan buku teks dan papan tulis sebagai alat bantu mengajar; kaedah demonstrasi dan latih tubi dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran wuduk. Dan ini memberikan pengajaran kurang berkesan dan kurang menarik minat murid untuk belajar serta murid kurang fokus sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran.

Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa penggunaan alat bantu mengajar seperti penggunaan video dalam pengajaran dan pembelajaran akan lebih memberikan nilai tambah kepada kualiti pengajaran, kerana ia juga dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran mudah diikuti dan difahami.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang diuraikan di atas, pengkaji memilih tajuk kajian ini bagi mengukuhkan lagi pendapat pengkaji akan pentingnya guru-guru agama untuk memiliki sikap dan inisiatif yang tinggi dalam menggunakan pelbagai pendekatan pembelajaran yang sesuai termasuk penggunaan video demi meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah agama di Negara Brunei Darussalam. Pemilihan pendekatan ini diharapkan akan dapat menyelesaikan sedikit permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid sekolah agama, khususnya dalam pembelajaran tajuk Wuduk.

Objektif Kajian


Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengetahui pasti perbezaan skor min bagi pencapaian markah wuduk dalam ujian pra dan ujian pasca dalam penulisan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.
- 2) Mengetahui pasti perbezaan skor min bagi pencapaian markah wuduk dalam aspek amali antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.
- 3) Mengetahui pasti keberkesanan penggunaan video berdasarkan minat dalam kalangan kumpulan eksperimen.
- 4) Mengetahui pasti perspektif penggunaan video terhadap aspek pembelajaran murid dalam kalangan kumpulan eksperimen.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen, dengan menerapkan pendekatan penyelidikan Kuantitatif. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan kuasi eksperimen bagi menentukan keberkesanan penggunaan video dalam aspek pengajaran dan pembelajaran tajuk Wuduk darjah 1, di sekolah agama. Reka bentuk kajian kuasi eksperimen dipilih kerana persampelan secara rawak tidak dapat dilakukan (Abdul Shukor Shaari, 2022). Dalam kajian ini, kelas telah ditentukan berdasarkan penetapan asal, kerana di sekolah tersebut hanya terdapat dua buah kelas darjah 1 iaitu kelas 1 Alif dan kelas 1 Ba.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kumpulan kawalan ujian pra dan ujian pasca tidak setara (*nonequivalent pretest and posttest control group design*) yang terdiri dari kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Berikut adalah rajah reka bentuk kuasi-eksperimen model *nonequivalent control group design* (Fraenkel et al., 2009; 270).



Rajah 1: *Nonequivalent Control Group Design*

O₁ merujuk kepada pemboleh ubah bersandar iaitu ujian pra kajian bagi kumpulan eksperimen. X symbolizes adalah kumpulan eksperimen yang diberi *experimental treatment* iaitu menggunakan pendekatan video. O₂ merujuk kepada pemboleh ubah bersandar iaitu ujian pasca kajian bagi kumpulan eksperimen. Manakala O₃ merujuk kepada pemboleh ubah bersandar iaitu ujian pra kajian bagi kumpulan kawalan. Petak kosong di dalam reka bentuk adalah merujuk kepada kumpulan kawalan yang tidak menerima *experimental treatment*. Dan O₄ merujuk kepada pemboleh ubah bersandar iaitu ujian pasca kajian bagi kumpulan kawalan.

Kumpulan kawalan adalah terdiri dari murid-murid darjah 1 Alif dan kumpulan eksperimen adalah terdiri dari murid-murid darjah 1 Ba. Seramai 39 murid darjah 1 dari salah sebuah sekolah agama di Kawasan Brunei IIA dilibatkan sebagai sampel kajian dalam menjalankan kuasi-eksperimen; dengan memberikan ujian pra dan ujian pasca dalam aspek penulisan dan amali.

Manakala Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk memperolehi data berkenaan keberkesanan pembelajaran berdasarkan penggunaan video, tajuk Wuduk darjah 1. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian pra, ujian pasca dan soal selidik.

DAPATAN KAJIAN

Ada 4 Aspek yang dinilai semasa kajian iaitu:

Aspek penulisan (ujian bertulis), aspek amali (praktikal), aspek minat murid semasa pembelajaran, dan perspektif murid terhadap penggunaan video.

Dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan menerusi ujian pra dan ujian pasca dalam penulisan, iaitu $F(1,27) = 3.322$, $P = 0.08$ ($P > 0.05$). Skor min bagi kumpulan kawalan ialah 33.00 ($SP = 11.551$) dan kumpulan eksperimen ialah 33.13 ($SP = 9.804$). Sementara dapatan kajian melalui analisis ujian- t sampel bebas menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara kumpulan kawalan dan eksperimen terhadap ujian praktikal berwuduk, iaitu $t(36) = -2.877$, $P = 0.007$ ($P < 0.05$). Skor min bagi kumpulan kawalan ialah sebanyak 14.18 ($SP = 2.599$) dan skor min bagi kumpulan eksperimen ialah sebanyak 16.76 ($SP = 2.917$).

